

DN.9.12.98

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

---

**Jilid IV**

**Bil. 28**

**Hari Rabu**

**9 Disember 1998**

---

**K A N D U N G A N**

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Ruangan )

**URUSAN MESYUARAT** (Ruangan )

**JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN -PERTANYAAN** (Ruangan )

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Perbekalan 1999 (Ruangan )

**USUL:**

- Krisis Ekonomi Asia - Peraturan Pengawasan Mata Wang Dunia  
- Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Ruangan )

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
**Penggal Keempat**  
**Mesyuarat Ketiga**  
**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob,

P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T.,  
P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat,  
P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum  
(Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M.,  
B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,  
B.K.M. (Kedah)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T.,  
J.P. (Melaka)

- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato’ Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)

- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawī, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Noor (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)

- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara	:	Abdullah bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop  Mohamed bin Osman Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Nora'ini binti Hetam Miskiah binti Hassan Rosnani binti Ahmad
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamarudin bin Abdullah A.M.N., Psc TUDM
-------------------	---	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Rabu, 9 Disember 1998**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat tersebut.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“8 Disember 1998

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1999.

Yang Ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

**URUSAN MESYUARAT**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang

kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini iaitu Rang Undang-undang Perbekalan 1999.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**  
**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SUKOM DAN PERSIDANGAN APEC -  
JUMLAH PELANCONG ASING**

1. **Datuk Haji Sairin bin Karno** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan berapa ramaikah pelancong yang datang ke negara kita:

- (a) sepanjang Sukom diadakan; dan
- (b) semasa APEC berlangsung di Kuala Lumpur.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Teng Gaik Kwan]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Norjan binti Khan Bahadar pada hari ini, oleh yang demikian saya memohon izin untuk menjawab kedua-dua soalan sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Jabatan Imigresen Malaysia masih belum mengemukakan angka ketibaan pelancong ke Malaysia sepanjang tempoh Sukom. Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian penginapan hotel yang dijalankan oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, kadar penginapan hotel di Lembah Klang naik pada minggu ketiga bulan September 1998 terutama di Seri Kembangan yang meningkat kepada 74.3% berbanding 52.8% pada minggu pertama bulan yang sama.

Kira-kira 8,000 orang peserta telah menghadiri Persidangan APEC, ini termasuk delegasi wakil-wakil media dan para isteri delegasi. Sekian.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa ramaikah pelancong dari negara India dan China datang ke negara ini dan nyatakan juga sejauh manakah kerajaan telah melonggarkan visa?

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah boleh dikatakan keluar dari soalan asal, tetapi saya cuba memberi jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, soalannya berapa ramaikah pelancong dari India dan China yang datang .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini hanya semasa Sukom dan sepanjang Persidangan APEC yang berlangsung baru-baru ini sahaja. India tidak ada datang. *[Ketawa]*

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, saya boleh memberi satu angka jugalah, dari China pada tahun 1997 seramai 158,679 orang dibandingkan pada tahun 1996 pelancong dari China seramai 135,743 orang dan saya minta maaf kerana tidak ada angka dari India.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, tidak apalah.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Secara perbandingan boleh atau tidak saya dapat tahu berapakah jumlah secara hitung panjang sebelum dari Sukom dan Persidangan APEC dan apakah ada kesan-kesan positif atau sebaliknya untuk pengetahuan kita.

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum APEC dan Sukom, kedatangan pelancong dari luar negara yang masuk ke negara kita dari tahun 1996 adalah sebanyak 7.1 juta orang, perbelanjaan ialah RM11.2 bilion dan pada tahun 1998 ini kedatangan ialah 6.8 juta orang pelancong dan perbelanjaan ialah RM12.8 juta tetapi saya tidak ada angka-angka yang sepenuhnya, saya cuma ada angka untuk setahun ke setahun sahaja pada tahun 1997 hingga tahun 1998.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tadi mendengar jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pada tahun 1997 kehadiran pelancong sebanyak 6.8

juta, tetapi perbelanjaan sebanyak RM12.8 juta, pada hal pada tahun 1996 perbelanjaan sebanyak RM11.2 bilion, kalau saya tidak silap tadi. Jadi, nampaknya angka perbelanjaan begitu jauh berbeza.

Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat kenapa perbezaan 'million' dan 'billion' itu merupakan satu angka yang begitu jauh.

Yang keduanya, apakah usaha-usaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk mengambil peluang dan juga kesempatan semasa Sukom dan semasa Persidangan APEC untuk menyedarkan para pelancong dan juga menangkis dakyah-dakyah buruk yang dikeluarkan oleh media asing.

Pada masa sekarang ini kita dapati sektor pelancongan kita telah pun mendapat tekanan yang begitu hebat terutamanya kawasan yang baru dibangunkan seperti Pulau Langkawi, ramai di antara operator yang terlibat dalam usaha pelancongan ini sekarang menghadapi masalah untuk mendapatkan ataupun untuk memasarkan produk mereka dan juga masalah untuk membayar pinjaman yang mereka telah laburkan untuk memasuki sektor pelancongan.

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, perbezaan ini boleh dikatakan amat besar kerana negara kita menghadapi jerebu (haze), menghadapi coxsackie dan menghadapi banyak masalah dan kebelakangan ini kita semua maklum walaupun ada kestabilan di negara kita, kita masih menghadapi kekurangan pelancongan dari luar negeri dan ini boleh dikatakan khususnya berita-berita yang dikeluarkan oleh CNN dan CNBC di seluruh dunia berkaitan dengan kucar-kacir atau demonstrasi di jalan raya, inilah satu sebab yang mengakibatkan kurangnya pelancong datang ke negara kita dan berita ini amat negatif.

Tetapi Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan melalui LPPM, kita ada strategi yang baru dan kita akan mengatasi di masa yang akan datang kerana strategi ini telah dijalankan. Saya tidak payahlah menyebut satu

persatu di sini, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat amat berminat, saya akan memberikan secara bertulis. Terima kasih.

### **PENGGUNAAN INTERNET - PENGAWALAN**

2. **Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan penggunaan Internet dalam sistem komunikasi di negara ini telah menjurus ke arah kebebasan bersuara di kalangan masyarakat dan penyebaran fitnah dan berita palsu telah menjadi budaya di negara kita. Dalam suasana ekonomi dan politik yang gawat ini, adakah kerajaan akan menapis segala maklumat sebelum sampai kepada penerima.

**Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti mana yang pernah saya jawab sebelum ini, bagi soalan-soalan yang serupa, ingin ditegaskan sekali lagi bahawa Internet adalah merupakan, dengan izin, open communications network system dan sumber kepada pelbagai maklumat dan mesej yang sukar dikawal dan ditapis kandungannya.

Oleh itu, kerajaan tidak berhasrat untuk menapis kandungan dan menyekat penggunaan Internet, sebaliknya kerajaan akan memberikan penerangan yang sebenar kepada umum bagi menjawab semua fitnah dan khabar angin tersebut termasuk melalui Internet.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat mengenai fraud ataupun jenayah yang telah pun kita luluskan dalam beberapa akta yang telah kita bincangkan di dalam Dewan ini, sekiranya ada berlaku sesuatu fitnah yang disebarkan melalui Internet, adakah tindakan yang boleh kita ambil buat masa ini yang membolehkan pihak tertentu terutamanya pihak kerajaan mengesan dan mengenal pasti penyebar fitnah dan mereka ini diambil tindakan undang-undang kerana budaya menyebarkan fitnah saya kira tidak boleh dibiarkan di

negara kita kerana ia akan merosakkan pemikiran rakyat dan juga masa depan negara. Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebelum wujudnya Internet, budaya penyebaran fitnah ataupun khabar angin memang sudah wujud dalam masyarakat kita. Oleh kerana memang ada akta yang sedia ada termasuk ISA, Seditious Act, Penal Code, Akta Komunikasi 1950 untuk menyekat dan juga membolehkan pihak berkuasa untuk melakukan ataupun mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk membawa mereka yang melakukan penyebaran fitnah ataupun khabar angin ini.

Internet cuma merupakan suatu alat tambahan bagi masyarakat kita untuk menyebarkan maklumat, kalau sekiranya disalahgunakan memang ia boleh digunakan untuk menyebarkan fitnah ataupun khabar angin. Maka masyarakat umum telah pun diingatkan bahawa semua akta yang saya sebutkan tadi harus diikuti, harus diberikan perhatian.

Setakat ini ada dua, tiga kes yang tertentu di mana mereka menyebarkan khabar angin melalui Internet telah pun dikenal pasti oleh pihak polis dan tindakan mahkamah sedang dalam proses dan saya yakin bahawa sistem kehakiman dalam negara kita akan membuat satu keputusan yang betul dalam perkara ini.

#### **PELABURAN ASING – KESAN KEGAWATAN EKONOMI**

**3. Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sepanjang tempoh kegawatan, apakah kesan kemasukan pelabur asing di negara ini dan negeri manakah didapati paling banyak menerima pelaburan tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Charern Intachat yang perlu dijawab pada 17 Disember 1998 oleh kerana kedua-dua soalan ini adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi yang melanda negara ini sejak bulan Julai 1997 tidak memberi kesan yang ketara ke atas kemasukan pelaburan asing ke Malaysia.

Ini dapat dilihat dari angka-angka mengenai pelaburan asing yang diterima dan diluluskan oleh MITI bagi tempoh tersebut. Bagi bulan Julai hingga September 1997, MITI telah meluluskan 1,007 projek perkilangan yang melibatkan pelaburan berjumlah RM34.5 bilion di mana RM16.5 bilion (47.7%) adalah pelaburan asing dan RM18 bilion (52.3%) adalah pelaburan tempatan.

Tiga negeri utama yang banyak menerima pelaburan asing ini ialah Johor sebanyak RM5.5 bilion; Terengganu sebanyak RM2.6 bilion dan Pahang sebanyak RM2.2 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh yang sama, MITI telah menerima 598 permohonan projek perkilangan yang melibatkan pelaburan asing berjumlah RM13.6 bilion. Sebahagian besar pelaburan ini adalah dari Amerika Syarikat iaitu berjumlah RM4.5 bilion; Jepun sebanyak RM1.7 bilion; Taiwan sebanyak RM1.5 bilion dan Republik Jerman sebanyak RM1.3 bilion.

#### **DASAR LANGIT TERBUKA MENJELANG ALAF BARU - LANGKAH**

**4. Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah langkah-langkah kerajaan tentang dasar langit terbuka menjelang alaf baru bagi menjamin masyarakat bermaklumat yang setimpal dengan perkembangan multimedia dalam dunia tanpa sempadan.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat pelbagai peluang dan cabaran yang timbul dari perkembangan komunikasi dan cyber space, dengan ini kerajaan mengambil langkah-langkah untuk mewujudkan masyarakat bermaklumat. Antaranya:

- (i) melaksanakan MSC dengan 7 flagships;
- (ii) penubuhan Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan ataupun NITC, dengan izin, yang telah merangka agenda Teknologi

Maklumat Kebangsaan bagi membantu untuk strategi pembangunan dan penggunaan teknologi maklumat;

- (iii) membangunkan E-Community;
- (iv) mewujudkan E-Commerce;
- (v) mewujudkan lebih banyak ISP bagi menggalakkan penggunaan Internet di kalangan masyarakat;
- (vi) menekankan penggunaan PC atau dengan izin, PC penetration;
- (vii) menggalakkan pembangunan industri gantungan tempatan;
- (viii) mengadakan undang-undang cyber untuk melindungi pengguna dan industri seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Tandatangan Digital 1997, Akta Jenayah Komputer 1997 dan Akta Telemedicine 1997; dan
- (ix) penubuhan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana begitu peka dengan sistem-sistem yang canggih ini. Soalan saya ialah apakah dasar kerajaan untuk menentukan supaya kalau wujud serangan daripada luar terutamanya untuk hendak mengancam sistem komputer kita menerusi pelbagai cara sekarang ini yang boleh merosakkan, kita ada banyak hacker, sekarang ini ada peperangan yang boleh menentukan program kita dalam negara ini boleh diancam oleh hackers terutama daripada Barat ataupun dalam negara kita sendiri.

Jadi kita hendak menyekat mereka ini untuk hendak menentukan supaya perkara ini dapat kita sekat atau kawal, kalau tidak, ianya boleh menjahanamkan sistem yang kita ada. Kita sudah tahu misalnya sistem komunikasi kita boleh di'jam'kan, boleh dibekukan oleh negara-negara jiran terutamanya dalam bidang komunikasi yang pernah saya sebutkan dalam

Dewan yang mulia ini dari segi kapal terbang, pertahanan kita. Jadi, saya hendak tahulah persiapan dan persediaan kerajaan untuk hendak menentukan serangan-serangan seperti ini dapat kita atasi.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz yang mengeluarkan pandangan yang begitu tepat sekali. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, teknologi memang berkembang dengan begitu pesat bukan sahaja bagi pihak yang akan mengadakan serangan tetapi untuk pihak yang melaksanakan langkah-langkah keselamatan untuk mempertahankan sistem komputer maka ini bukan senang pada masa sekarang ini untuk sesuatu pihak menyerang sesuatu sistem komputer pada keseluruhannya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, penyerangan kepada sesuatu sistem komputer atau hacking adalah merupakan satu jenayah di mana-mana sahaja di seluruh dunia. Maka setakat ini tidak terdapat satu kerajaan pun yang membenarkan hacking ataupun penyerangan kepada sesuatu sistem komputer maka ini memang merupakan satu jenayah yang berat sekali. Kalau ikut akta yang kita luluskan pada tahun yang lepas iaitu Akta Jenayah Komputer 1997, hacking ini ataupun serangan kepada sesuatu sistem ini memang merupakan satu jenayah yang berat dan akan dihukum dengan hukuman yang cukup berat. Ini bukan sahaja di sini tetapi di Eropah dan Amerika Syarikat juga memang ada akta tertentu untuk menyekat serangan kepada sistem-sistem komputer.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Semenjak saya dilahirkan, Tuan Yang di-Pertua, ibu dan ayah yang buta huruf digagas dan digerakkan oleh kerajaan dalam kelas dewasa dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan buta huruf. Apakah rancangan dan gerakan kerajaan sendiri kerana kita tahu bahawa masyarakat bermaklumat tanpa didikan yang sesuai melalui program-program yang sistematik tidak akan

membawa apa-apa makna kerana sekarang ini kita kata celik komputer ataupun buta komputer ini sedang berlaku dalam masyarakat kita.

Kalau di zaman dahulu kerajaan membuat gerakan kelas dewasa umpamanya, sekarang ini kita lihat seolah-olah ianya agak sepi walaupun ianya didedahkan oleh kerajaan perkara-perkara yang begini penting. Soalan tambahan saya ialah apakah gerakan secara menyeluruh yang dilaksanakan oleh kerajaan supaya bentuk pendidikan yang saksama diberikan kepada masyarakat terutamanya masyarakat luar bandar. Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai rancangan telah pun dirancangkan oleh kementerian-kementerian ataupun jabatan yang tertentu seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan sebagainya untuk meningkatkan kesedaran di antara rakyat tentang betapa pentingnya untuk mempelajari komputer ini. Misalnya melalui Kementerian Pendidikan kita akan mewujudkan smart school di mana kita akan memberikan bantuan kepada sekolah-sekolah yang tertentu untuk mempertingkatkan sistem komputer ini untuk pengajaran dan pembelajaran.

Melalui Kementerian Pendidikan juga mata pelajaran Computer Science ini telah dijadikan satu mata pelajaran yang begitu penting bukan sahaja di peringkat sekolah menengah dan juga di sekolah rendah. Saya difahamkan juga Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah pun merangkakan berbagai-bagai program untuk mengadakan kursus latihan komputer di luar bandar bukan sahaja untuk mereka yang masih di bangku sekolah tetapi untuk orang dewasa juga.

Saya juga merasa amat gembira oleh kerana banyak juga badan NGO telah pun mengambil langkah-langkah yang begitu positif untuk menyebarkan dan juga mempertingkatkan kesedaran komputer antara rakyat Malaysia. Misal kata pihak MCA, kita telah mewajibkan semua pemimpin bukan sahaja di peringkat pusat tetapi juga di peringkat negeri dan bahagian, bahawa mereka

dikehendaki mengikuti kursus-kursus yang tertentu untuk mempelajari komputer. Cuma pemimpin di semua peringkat negara kita dapat mematuhi menguasai kemahiran yang tertentu, baru dapat kita memimpin negara kita. Saya menyeru kepada Ahli Yang Berhormat supaya mengambil tindakan yang positif untuk membantu pihak kerajaan untuk mendidik rakyat Malaysia.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Soalan tambahan. Pihak kementerian telah diperluaskan bidang kuasanya dalam multimedia. Jadi soalan saya ialah apakah persediaan pihak kementerian terutama dari segi sumber manusia dan kemahiran untuk melaksanakan tugas-tugas yang baru ini.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah melantik seorang pengerusi untuk mengetuai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan dua orang anggota telah pun dilantik oleh pihak kerajaan. Suruhanjaya yang dipimpin oleh Yang Berbahagia Dr. Syed Hussin ini telah bermula kerja untuk mewujudkan satu struktur yang lengkap untuk mengendalikan tugas-tugas yang diberikannya di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Satu tugas yang penting bagi suruhanjaya ini ialah untuk mewujudkan dan menyediakan subsidiary law, dengan izin, untuk membolehkan pihak kementerian dan suruhanjaya menjalankan tugas-tugas yang diterangkan dalam akta yang baru ini. Mereka telah diberi satu jangka masa sampai 1 April 1999 supaya semua persediaan ini dapat disempurnakan. Pihak kementerian yakin Yang Berbahagia Dr. Syed Hussin sebagai seorang yang cukup berpengalaman. Dengan bantuan yang diberikan oleh dua orang anggota yang juga cukup berpengalaman, segala tugas diberikan kepada suruhanjaya ini akan dijalankan dengan baik .

#### **UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS DI TRONOH, PERAK - PEMBINAAN**

**5. Datuk Zainudin bin Maidin** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai dalam usaha untuk membina

Universiti Petronas di Tronoh, Perak dan adakah Kementerian Pendidikan terlibat dalam proek pembinaan dan juga penyediaan konsep dan polisinya.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, Universiti Teknologi Petronas dahulunya dikenali sebagai Institut Teknologi Petronas. Ia telah memulakan program ijazah pertama pada tahun 1997 dalam bidang-bidang kejuruteraan kimia, elektrik, elektronik dan mekanikal serta teknologi maklumat. Pihak kerajaan tidak terlibat dalam pembinaan universiti ini terutama dari segi peruntukan kewangan.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan itu bolehkah saya fahamkan bahawa Kementerian Pendidikan tidak tahu menahu mengenai pemberian kontrak bagi pembinaan Universiti Petronas di Tronoh.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan tidak terlibat dalam proses tender tersebut kerana universiti itu merupakan sebuah universiti swasta dan semua keputusan tentang pembinaan dan sebagainya adalah dalam kuasa pihak penganjur, iaitu Petronas.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan tidak mengambil tahu langsung mengenai pemberian tender dan sebagainya dari pihak Petronas, kerana ini ada kena-mengena dengan Kementerian Pendidikan tentang tanggungjawab terhadap dasar dan sebagainya.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, bukan tidak tahu langsung, tetapi kuasa untuk membuat keputusan bukan dalam tangan Kementerian Pendidikan. Memang pada proses rancangan kemudahan dan sebagainya Kementerian Pendidikan dapat peluang memberi nasihat dan sebagainya. Tetapi kuasa membuat keputusan akhirnya bukan di bawah Kementerian Pendidikan. Kita memang beri nasihat dan pandangan kita dan itu telah diambil perhatian dalam proses menentukan bahawa kemudahan itu adalah setanding dengan sebuah universiti.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. berkenaan dengan Universiti Petronas ini dahulu timbul sedikit percanggahan pendapat di antara penempatan Universiti Petronas kerana dari segi kewajaran dan rasionalnya sepatutnya diletakkan di Terengganu, kerana pusat petrokimia, minyak dan gas berada di pesisiran Pantai Timur. Jadi, apakah rasionalnya kerajaan memutuskan untuk dibuat di Perak serta kesan kepada pembangunan pendidikan petrokimia di Universiti Petronas ini sendiri.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang pada satu masa dahulu ada perbincangan tempat yang lebih sesuai untuk universiti ini, tetapi akhirnya universiti ini diletakkan di Tronoh atas alasan-alasan tertentu oleh kerana itu merupakan keputusan pihak Petronas. Namun demikian, Kementerian Pendidikan selalunya bersimpati dengan adanya universiti-universiti di negeri yang lain khususnya di negeri Terengganu. Jadi, Kementerian Pendidikan ada satu cadangan dan kita menungu keputusan terakhir untuk mengadakan universiti kolej di Terengganu. Sekarang kita ada kampus cawangan UPM di Terengganu. Kementerian Pendidikan akan selalu menyokong kuat tentang aspirasi Kerajaan Terengganu supaya ia juga boleh jadi seperti negeri Melaka sebagai kawasan ilmu untuk negara kita. Kita akan memberi sokongan dan bantuan sewajarnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' V.K.K. Teagarajan.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 6.

#### **PESURUHJAYA SUMPAAH - PERKHIDMATAN**

**6. Tuan N. Marimuthu [Di bawah S.O. 23 (2)]** minta Perdana Menteri menyatakan rasional meneruskan khidmat Pesuruhjaya Sumpah kerana tugas tersebut boleh dilaksanakan oleh pihak mahkamah.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul

Aziz yang pada ketika ini sedang menjawab satu soalan yang lain di Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Sumpah adalah dilantik oleh Yang Arif Ketua Hakim Negara di bawah kaedah-kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993. Setakat ini terdapat 908 orang Pesuruhjaya Sumpah persendirian di seluruh negara. Khidmat mereka masih perlu diteruskan kerana Suruhanjaya Sumpah yang bertugas di mahkamah-mahkamah di seluruh Malaysia adalah penjawat awam yang menjalankan tugas-tugas Pesuruhjaya Sumpah tidak sepenuh masa. Mereka ini terdiri daripada kakitangan mahkamah seperti Jurubahasa dan Pembantu Tadbir yang sememangnya mempunyai tugas tetap harian yang lain. Mereka bertugas di kaunter-kaunter Suruhanjaya Sumpah mengikut giliran dan waktu-waktu tertentu sahaja. Oleh yang demikian, perkhidmatan yang diberi oleh Pesuruhjaya Sumpah di mahkamah-mahkamah adalah terhad dan tidak dapat menampung permintaan perkhidmatan berkenaan yang semakin bertambah dari masa ke semasa.

Selain dari itu, tidak semua daerah dan bandar di seluruh Malaysia mempunyai mahkamah sendiri. Jadi, perkhidmatan Pesuruhjaya Sumpah persendirian akan memudahkan orang awam dan rakyat jelata untuk membuat perakuan bersumpah tanpa perlu berjalan jauh untuk ke mahkamah yang terdekat.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pihak kerajaan bahawa kita patut teruskan Pesuruhjaya Sumpah persendirian ini merata-rata di negara kita ini. Tetapi soalan tambahan saya adakah pihak kerajaan hendak mengemaskan lagi, sekarang ini sudah kemas, kalau hendak sumpah kena datang sendiri, kena bubuh masa di situ, kena tandatangan di situ, kena bawa IC, bermakna berhadapan dengan Pesuruhjaya Sumpah. Soalan tambahan saya, adakah pihak kerajaan memikirkan bahawa Pesuruhjaya Sumpah di merata negara kita ini mengadakan kursus khas untuk mengetahui sedikit lagi undang-undang supaya

mereka ini betul-betul layak dan betul-betul boleh menjadi Pesuruhjaya Sumpah dengan tidak ada wasangka oleh rakyat di negara ini.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak Jabatan Ketua Hakim Negara memang meletakkan satu standard yang tinggi di dalam perlantikan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Sumpah, khususnya melihat kepada integriti yang berkenaan. Walau bagaimanapun, oleh kerana pandangan Yang Berhormat saya rasa kerana ilmu itu memang ada dinamik, dynamism of knowledge, jadi saya merasakan pandangan itu boleh diambil kira oleh pihak kementerian.

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah syarat-syarat yang tertentu untuk menjadi Pesuruhjaya Sumpah dan berapakah bayaran yang dikenakan setiap orang yang melanggan kepada Pesuruhjaya Sumpah dan tempoh mereka yang diberi kuasa kepada Pesuruhjaya Sumpah?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat itu, saya akan menjawab secara bertulis kepada Yang Berhormat.

#### **LINKEDUA MALAYSIA-SINGAPURA - MENURUNKAN KADAR BAYARAN TOL**

7. **Dato' P. Krishnan** minta Menteri Kerja Raya menyatakan Linkedua di Gelang Patah menghadapi kekurangan kenderaan kerana bayaran tol terlalu tinggi. Pengguna masih lagi menggunakan jalan lama. Adakah cadangan untuk menurunkan bayaran tol tersebut bagi menggalakkan kenderaan menggunakan Linkedua ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoo Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, laluan kedua Malaysia-Singapura telah dibuka kepada lalu lintas semenjak 2 Januari tahun ini. Walau bagaimanapun bayaran tol hanya dikuatkuasakan pada 17 Mac tahun ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu kekurangan kenderaan kerana bayaran tol di laluan

kedua adalah terlalu tinggi, suka saya menjelaskan di sini bahawa daya maju projek (viability), kos pembinaan, ramalan bilangan trafik, kos kewangan dan beban kewangan kepada pengguna adalah antara kriteria utama yang telah diambil kira oleh kerajaan dalam menimbangkan kadar bayaran tol di laluan kedua. Seperti Yang Berhormat Menteri memaklumkan ketika mengumumkan kadar bayaran tol di laluan kedua, kadar yang dikenakan di jambatan laluan kedua sebenarnya telah diturunkan antara 22% hingga 62% berbanding dengan kadar asal yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Kadar bayaran tol ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 4 Mac tahun ini. Kerajaan berpendapat kadar bayaran tol yang dikenakan sekarang adalah berpatutan setelah mengambil kira kriteria-kriteria yang saya nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menyedari bilangan trafik yang menggunakan laluan kedua adalah rendah berbanding dengan unjuran yang telah dibuat. Antara faktor yang dikaitkan berhubung dengan kurangnya sambutan pengguna adalah kadar bayaran tol yang dianggap tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan jambatan laluan kedua merupakan 'bridge for the future', dengan izin. Memandangkan laluan kedua baru sahaja beroperasi, kerajaan yakin keadaan ini akan berubah ke arah yang lebih positif dalam jangka masa panjang. Berdasarkan pengalaman yang lalu di Jambatan Pulau Pinang dan Lebuhraya Utara-Selatan, bilangan trafik akan meningkat apabila pengguna-pengguna menyedari kadar bayaran tol yang dikenakan sebenarnya tidaklah begitu membebankan sekiranya diambil kira kemudahan canggih yang disediakan di laluan kedua ini, keselesaan yang dinikmati dan penjimatan masa perjalanan jika dibandingkan dengan kesesakan yang dihadapi di Tambak Johor.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin hendak bertanya sedikit, on technical ground, soalan daripada sahabat saya Senator Dato' Krishnan, saya difahamkan beliau adalah Setiausaha Politik kepada Menteri Kerja Raya yang menjawabnya tadi

Setiausaha Parlimen, saya tidak faham dalam satu Kementerian soalan boleh dibawa ke Dewan, adakah soalan ini susah hendak mendapat maklumat di dalam Kementerian antara Setiausaha Politik dengan Menterinya ataupun bagaimana, saya tidak faham.

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Dato' P. Krishnan hendak beritahu dari Kementerian Kerja Raya untuk Dewan yang mulia ini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah kita akui jalan atau laluan kedua ini bukan sahaja kurang pengangkutan yang melaluinya bahkan ianya sunyi dan sepi. Ini saya rasa merupakan satu pembaziran, kalaulah disebutkan tadi dengan kemudahan-kemudahan yang telah diberi, begitu juga mengatasi kesibukan daripada tidak perlu kalau kita dari Utara melalui atau merentasi bandar Johor Bahru begitu kemudahan yang diberi tetapi kerana kos tol yang begitu tinggi. Walaupun telah dikatakan dikurangkan pada bulan Mac 1998, kesunyian kenderaan ini menandakan pengguna-pengguna dapati bahawa kosnya masih lagi tinggi. Kalau kita kata jambatan ini untuk masa jangka panjang adalah lebih baiknya kita murahkan sedikit atau kurangkan kadar tolnya, dengan ini boleh menambah pendapatan dan bila sampai waktunya kita fikir banyak kenderaan yang melaluinya kita naikkan sedikit. Daripada jalan itu benar-benar sunyi sepi, saya rasa dalam masa setengah jam tidak ada 10 buah kereta yang lalu, bayangkan dengan kos yang kita gunakan dan kenderaan yang menggunakannya. Jadi saya sangat berharap kerajaan dapat mengurangkan kadar tolnya.

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kos pembinaannya adalah tinggi kalau kita bandingkan, ini adalah projek penswastaan dan memang dalam perjanjian konsesi ini ada syarat-syaratnya. Dengan mengurangkan tol akan membebaskan kerajaan, kalau volume atau kapasiti ini berkurangan dan kutipan tol tidak cukup barangkali kerajaan akan

memberi pertolongan seperti ianya akan maju dalam projek ini, mengikut kontraknya. Tetapi pandangan dari Yang Berhormat ini memang betul, kita akan menimbangkannya. Beri sedikit masa lagilah, sekarang baru beberapa bulan sahaja, sembilan bulan, beri sedikit waktu. Kalau kita turunkan kadar tol sekarang, tahun akan datang kalau kita naikkan orang akan bising juga.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian dari segi priority kementerian dalam pembinaan lebuhraya ini kerana saya kira dasar kepada kerajaan kita untuk kita memajukan Pelabuhan Klang. Dengan memajukan Pelabuhan Klang bererti transport yang akan melalui jalan ke Singapura, kita menjangkakan akan kurang pada masa akan datang tetapi dengan pembinaan jalan link kedua ini seolah-olah ia bercanggah dengan dasar yang kita juga berhasrat kepada kita rakyat Malaysia untuk melihat Pelabuhan Klang menjadi pelabuhan yang maju.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian dari segi priority kementerian dalam pembinaan lebuhraya ini kerana saya terbaca dalam Dewan Rakyat telah pun diperdebatkan ada lebuhraya yang telah pun dibina bukan sahaja link kedua tetapi tempat lain, tidak cost effective bagi mereka yang mengendalikan lebuhraya tersebut difahamkan bahawa mereka rugi kerana tidak banyak kenderaan yang lalu. Adakah pihak kementerian tidak membuat kajian, tidak menentukan priority dan adakah tender dan kontrak itu menjadi priority dalam kita membuat keputusan?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, link kedua ke Singapura ini memang telah pun dirunding di antara kedua negara Singapura dan Malaysia supaya hubungan di antara dua negara ini dapat diertakan lagi melalui satu laluan yang selesa. Mengenai dengan cost effectiveness, dengan izin, penswastan jalan-jalan atau lebuhraya memang betul kita mengambil kira semua faktor yang berkaitan dengan itu tetapi dari segi dasarnya link kedua

memang adalah satu hubungan, satu batang jalan yang menghubungkan Singapura dengan negara kita yang pentingnya.

#### **MINYAK MASAK - KADAR PENGGUNAAN PENDUDUK MALAYSIA**

**8. Dato' Ting Check Sii** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengikut laporan akhbar tempatan baru-baru ini, setiap rakyat Malaysia menggunakan 30 kg minyak masak setiap tahun. Adakah statistik ini realistik. Jika benar, ia memang kurang sihat. Apakah tindakan kerajaan demi memperbetulkan trend ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan yang dikemukakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, anggaran penggunaan minyak masak per kapita penduduk Malaysia ialah sebanyak 17.8 kg setahun atau 1.4 kg sebulan atau 49 gm sehari dan bukan 30 kg seperti yang dilaporkan. Walau bagaimanapun, pengambilan lemak yang berlebihan perlu dielakkan. Pelbagai usaha sedang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan untuk memperbaiki amalan pemakanan produk hyper penduduk. Antara usaha tersebut ialah kempen 'Makan Untuk Kesihatan' iaitu untuk menggalakkan orang ramai supaya mengamalkan pemakanan yang sihat dan pengambilan lemak yang tidak berlebihan telah dilancarkan pada Januari tahun 1997.

#### **INDUSTRI PERKAPALAN SOKONGAN LUAR PANTAI - MEMBANGUNKAN**

**9. To' Puan Wan Asiah binti Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah kerajaan untuk membangunkan industri kapal sokongan luar pantai untuk syarikat tempatan yang kurang modal kerana kos pembinaan sesebuah kapal boleh mencapai RM30 juta dan adakah benar dakwaan bahawa Petronas lebih cenderung menyewa perkhidmatan kapal sokongan luar pantai syarikat asing. Jika benar, bagaimana untuk mengatasi saingan dari syarikat asing yang mempunyai kapal yang banyak bilangannya itu.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di samping memberi keutamaan dalam penawaran kontrak kepada syarikat-syarikat tempatan, langkah-langkah lain yang diambil oleh Petronas untuk membangunkan industri kapal sokongan luar pantai adalah dengan menawarkan kontrak-kontrak jangka panjang untuk beberapa jenis marine vessel seperti supply vessel, dengan izin, utility vessel dan support vessel. Ini adalah untuk membolehkan syarikat-syarikat perkapalan tempatan memperolehi pulangan terhadap pelaburan mereka. Petronas telah mengehadkan pajakan dan tawaran pembinaan kapal-kapal baru kepada limbungan tempatan sahaja dengan syarat harga yang ditawarkan adalah kompetitif dan keperluan teknikal yang ditetapkan dapat dipenuhi.

#### **BANK ASING/TEMPATAN - JUMLAH DEPOSIT DAN PINJAMAN**

**10. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah deposit dan jumlah serta peratusan pinjaman yang dikeluarkan oleh bank-bank asing dan bank-bank tempatan; dan
- (b) adakah kerajaan berpuas hati dengan peranan bank-bank asing terhadap dasar-dasar pembangunan ekonomi negara dan apakah tindakan yang boleh diambil bagi menggiatkan pembabitan mereka agar lebih berkesan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah yang disimpan dalam sistem perbankan setakat 31 Oktober 1998 adalah sebanyak RM418.71 bilion, manakala RM64.74 bilion ataupun 15.46% adalah dideposit dalam bank perdagangan asing dan RM229.48 bilion ataupun 54.8% disimpan dalam bank perdagangan tempatan. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan setakat 31 Oktober 1998 adalah sebanyak RM420.02 bilion. Daripada jumlah tersebut RM65.46 bilion ataupun 15.6% adalah pinjaman yang dikeluarkan oleh bank-bank

perdagangan asing manakala selebihnya RM236.36 bilion ataupun 56.3% adalah dikeluarkan oleh bank-bank perdagangan tempatan.

Sistem perbankan memainkan peranan perantaraan yang penting dengan menambahkan aktiviti pemberian pinjaman bagi meningkatkan aktiviti ekonomi negara. Secara umumnya, insititusi-institusi perbankan termasuk institusi perbankan milik asing menyokong dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan terutamanya dalam usaha mempercepatkan pemulihan ekonomi. Institusi-institusi perbankan sentiasa diingatkan agar terus memberikan komitmen yang serius dalam pemberian kredit.

Sebagai usaha untuk menggiatkan lagi penglibatan institusi perbankan asing dalam hal ini, Bank Negara Malaysia telah menyarankan agar pihak pengurusan institusi perbankan tersebut mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- (i) mengadakan perjumpaan Exco yang lebih kerap bagi mempercepatkan proses meluluskan pinjaman;
- (ii) mempercepatkan proses penilaian kredit setelah menerima sesuatu permohonan; dan
- (iii) membantu para peminjam dalam hal-hal berkaitan dengan pinjaman dan melengkapkan dokumen cagaran agar pinjaman boleh dikeluarkan secepat mungkin.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sekarang ini masalah yang timbul ialah pihak bank-bank liat sedikit untuk memberi pinjaman kepada peminjam-peminjam. Soalan tambahan saya, daripada angka-angka dan bank-bank yang mengeluarkan pinjaman ini, bolehkah kerajaan mendedahkan kepada rakyat mana-mana bank tadi yang tidak cukup kuotanya untuk memberi pinjaman kepada orang yang hendak meminjam untuk perniagaan dan rumah-rumah kos rendah misalnya, mengapa dan apa tindakan pihak kerajaan hendak ambil untuk bank-bank yang liat hendak meminjam tadi tidak cukup kuotanya?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya kata semalam, kecairan bank tidak ada masalah lagi kerana banyak wang dari dana-dana yang dilepaskan memasuki sistem perbankan. Soal bank-bank liat memberi pinjaman ini adalah satu kenyataan yang betul sepertimana kata Dato' Zuki, mungkin disebabkan oleh kewaspadaan bank itu yang terlalu sangat waspada lebih-lebih lagi dalam keadaan kegawatan ekonomi. Jadi pihak Bank Negara Malaysia, Gabenor Bank Negara sendiri telah pun memanggil semua CEO bank tempatan dan bank luar untuk diberi taklimat dan diberi amaran mana-mana bank-bank ataupun cawangan bank yang sengaja tidak mahu memberi pinjaman untuk mencernakan balik ekonomi kita akan diambil tindakan yang sewajarnya.

Jadi, pihak kerajaan telah pun melakukannya dan kemungkinan selepas ini bank-bank yang liat hendak memberi pinjaman itu dapat didedahkan selepas Bank Negara membuat apa yang diarahkan kepadanya.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Soalan tambahan. Kita mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana sentiasa berusaha untuk hendak meningkatkan sistem perbankan di negara ini. Soalan saya ialah, apakah pihak kerajaan menerusi kementerian ataupun Bank Negara telah mengambil tindakan untuk memberhentikan pihak lembaga pengarah ke, pihak pengurusan ke, kepada bank-bank yang bermasalah kerana terlalu mudah memberi pinjaman. Yang Berhormat Dato' Zuki sebut tadi terlalu payah sehinggakan tidak begitu prudent, tidak begitu cermat dan banyak menimbulkan masalah kepada kerajaan sekarang ini kerana banyaknya peningkatan NPL iaitu hutang tak dibayar.

Jadi saya hendak tahulah, bank-bank yang bermasalah seperti Bank Bumiputra, Sime Bank, adakah pengurusan yang sama masih wujud? Adakah pihak lembaga pengarah yang sama? Walaupun pihak kerajaan bertegas kini kerana Bank Bumiputra misalnya sudah tiga kali kena mendapat suntikan kewangan daripada pihak kerajaan termasuk Petronas mengambil alih dan

sebagainya. Jadi siapa yang telah kena berhenti, yang bertanggungjawab, untuk memberhentikannya ialah pihak kementerian atau pihak Bank Negara. Jadi siapa yang telah diberhentikan untuk membaikpulihkan pengurusan bank-bank ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, untuk saya menjawab siapa yang telah diberhentikan, sekarang ini tidak ada butir-butirnya pada saya. Apa Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz sebutkan tadi adalah satu norma di dalam pengurusan bank. Mana-mana bank rugi ataupun mana-mana wujud salah laku di dalam management, urusan di dalam budaya perbankan, dua pilihan iaitu orang yang bertanggungjawab mestilah meletak jawatan ataupun pihak berkuasa akan mengambil tindakan untuk menghentikan mereka, baik daripada Bank Negara ataupun daripada ibu pejabat bank itu sendiri.

Saya pasti hal ini sedang dikaji oleh pihak Bank Negara dan bank-bank yang berkenaan dan kalau mengikut norma ataupun mengikut budaya perbankan di dalam sistem kapitalis kita ini, orang-orang yang tidak memberi pulangan kepada bank mestilah diberhentikan. Jadi di sini, saya tidak dapat memberi jawapan kepada Yang Berhormat Dato' Aziz siapa yang diberhentikan, mungkin apabila kita baca surat khabar business page itu, mungkin satu hari akan dapat kita lihat, insya-Allah.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita tahu masalah pengakuan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, banyak daripada dana-dana kerajaan diserahkan kepada pengurusan bank untuk disalurkan kepada peminjam yang sememangnya telah menjadi satu masalah besar kepada usahawan di negara kita terutama sekali usahawan kecil dan sederhana yang ingin mendapatkan dana-dana, tambahan baru-baru ini kita sudah dengar penggabungan dalam dana.

Apakah kerajaan bercadang oleh kerana keliatan bank-bank untuk memberi pinjaman kepada usahawan supaya kementerian mengenalkan satu

mekanisme dan kaedah baru. Umpamanya apabila pengilang-pengilang boleh diserahkan kepada persatuan pengilang untuk menguruskan dengan kerjasama Bank Negara dan kementerian. Kontraktor umpamanya diserahkan kepada persatuan kontraktor. Kalau usahawan kecil dan sederhana kepada dewan perniagaan khususnya Dewan Perniagaan Melayu. Apakah mekanisme ini boleh membantu usaha-usaha kerajaan untuk mempersungguhkan usahawan-usahawan kita dan memudahkan mereka ini mendapat bantuan kewangan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu cadangan baik, saya harap Yang Berhormat Senator Rosli sebagai seorang pemimpin di dalam persatuan kontraktor dapat menganjurkan kepada pihak kerajaan untuk membantu Yang Berhormat Senator Rosli di dalam hal ini. Di dalam pergerakan peladang dahulu apabila Bank Pertanian tidak dapat mengendalikan dengan cepat permohonan-permohonan peladang maka sebahagian daripada dananya diserahkan kepada pertubuhan peladang yang dapat dilakukan dengan lebih efisien dan ini telah membuktikan satu kejayaan jikalau institusi itu diberi satu tanggungjawab. Jadi bagi pihak saya untuk menjawab pada hari ini tidaklah begitu tepat. Jikalau ini dianjurkan kepada pihak berkenaan mungkin dapat dipertimbangkan tetapi di sini sebagaimana yang kita sedia maklum segala dana-dana itu disalurkan melalui institusi perbankan dan kewangan yang ada kerana mereka adalah dipandang sebagai orang yang paling qualified untuk menjalankan kerja-kerja ini.

#### **SYARIKAT-SYARIKAT DI BAWAH PERLINDUNGAN MAHKAMAH - LANGKAH-LANGKAH PENTADBIRAN**

**11. Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah pentadbiran yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan syarikat-syarikat di bawah perlindungan mahkamah (clause 176) Akta Syarikat 1965 benar-benar membuat penstrukturan secara konstruktif untuk membolehkan mereka menyelesaikan masalah pinjaman yang tidak boleh dibayar (NPL) dan di samping itu adakah perlu bagi kerajaan untuk memperkenalkan peraturan dan perundangan baru

dan satu mekanisme pemerhatian ke atas syarikat yang di bawah perlindungan clause 176 ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah meminda seksyen 176 Akta Syarikat 1965 berkuat kuasa mulai 1 November 1998 bertujuan untuk mengawal dan memastikan syarikat-syarikat yang mendapat perlindungan mahkamah benar-benar melaksanakan langkah-langkah skim penyusunan semula sebagaimana yang dipersetujui oleh syarikat dan pihak kreditor semasa memohon untuk mendapatkan perlindungan tersebut. Selain daripada itu, keperluan melantik seorang pengarah yang diluluskan atau dilantik oleh mahkamah adalah merupakan peraturan baru yang mana pengarah berkenaan bertanggungjawab untuk melapor kepada mahkamah tentang pelaksanaan skim dan sesuatu transaksi pembelian atau pelupusan aset yang dilakukan dalam tempoh perlindungan.

Ini bermakna setiap transaksi adalah dilakukan dengan pengetahuan pihak mahkamah. Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Penstrukturan Hutang Korporat (CRDC) dengan urusetia di Bank Negara Malaysia untuk bertindak sebagai orang tengah, mediator di antara penghutang (debtor) dan creditor dalam perbincangan mengenai skim penyusunan semula dan membuat cadangan bagi aset tertentu untuk dijual kepada syarikat pengurusan Danaharta Nasional Berhad atau Danaharta.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pindaan ke atas Seksyen 176 ini masih baru dikuatkuasakan, maka kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan peraturan atau perlindungan baru pada masa ini kerana pindaan-pindaan yang dilakukan ke atas Seksyen 176 ini telah mengambil kira aspek-aspek penting terutamanya kepentingan kreditor-kreditor.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya membawa soalan ini ialah untuk memberi keyakinan kepada pelaburan dan juga kepada syarikat-syarikat kita yang ada di negara ini.

Oleh itu adakah pihak kerajaan memikirkan patut kita ada satu pendedahan kepada perjalanan syarikat-syarikat yang mendapat perlindungan di bawah Seksyen 176 melalui majalah, surat khabar seperti majalah-majalah *The Edge*, dengan izin, *Business Week*, *Business Times* dan banyak lagi majalah berkaitan dengan urusan perniagaan supaya kita tahu sebenar-benar apa yang berlaku mestilah ada ketelusan supaya keyakinan kepada pelabur-pelabur di BSKL dan juga pelabur-pelabur lain daripada luar negara yakin bahawa syarikat-syarikat ini diperbetulkan dan sampailah masanya mereka boleh kembali melabur di syarikat-syarikat yang dahulu tinggal nyawa ikan dan sekarang ini boleh masuk ke laut semula. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' Zuki yang telah pun memberikan cadangan dan Bank Negara Malaysia di masa yang terdekat ini akan menganjurkan satu seminar di mana agensi-agensi yang telah ditubuhkan baru-baru ini seperti Danaharta, Danamodal dan CRDC digabungkan bersekali kerana perjalanan mereka adalah berkaitan di antara satu sama lain. Dengan cara itu sahaja dapat kita membuat promosi apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kesemua ketiga-tiga agensi yang berkenaan supaya dapat diberikan keyakinan kepada para pelabur. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sehingga tarikh 18 November 1998 sebanyak 73 buah syarikat telah mendapat perintah perlindungan di bawah Seksyen 176, Akta Syarikat 1965 ini. Dari jumlah tersebut, 21 buah darinya adalah syarikat awam yang disenaraikan, satu syarikat di papan utama dan sepuluh syarikat di papan kedua sementara bakinya sebanyak 40 syarikat adalah syarikat yang tidak disenaraikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Rosli.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, Klausula 176 Akta Syarikat 1965 memang satu klausula yang bagus untuk memberi perlindungan kepada usahawan-usahawan dan pedagang-pedagang kita. Tetapi

sebagaimana kita tahu dari segi 'practicality'nya tadi diumumkan hanya 37 sedangkan ribuan daripada usahawan kecil dan sederhana sedang menghadapi masalah hutang-piutang ini. Apakah satu cadangan yang autoritatif oleh kerajaan untuk menggantikan Klausu 176 ini supaya usahawan kecil dan sederhana yang sedang menghadapi masalah hutang-piutang dengan bank dan lain-lain ini dapat ditanggihkan dengan menggunakan satu sekretariat umpamanya ataupun baru-baru ini kita ada Biro Aduan di Bank Negara Malaysia yang saya nampak tidak berapa berkesan, tidak mempunyai authority seperti keputusan yang akan diputuskan oleh mahkamah.

Jadi kerajaan mesti bersikap lebih praktikal menterjemahkan Klausu 176 ini sekurang-kurangnya untuk membantu usahawan bumiputera khususnya ataupun usahawan di Malaysia yang sedang berhadapan dengan masalah tindakan mahkamah yang begitu hebat di merata-rata. Jadi saya tidak tahulah sejauh mana kementerian dapat mewujudkan satu sekretariat yang secara mempunyai authority untuk menanggihkan sebagai menterjemahkan Klausu 176 ini untuk membantu usahawan kecil dan sederhana di Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, elok saya sorot balik Klausu 176 ini. Akta itu dipinda dengan memasukkan selepas Subseksyen 10, subseksyen yang berikut dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. 10(a), "the court may grant a restraining order under subsection 10 to accompany for a period of not more than 90 days or such longer period as the court may of good reason allow if and only if", ada pula subseksyen (a), "it is satisfied there is a proposal for a scheme of compromise or arrangement between the company and the creditors or any class of creditors of presenting at least one half in value of all creditors".

Jadi ini bergantung kepada firma berkenaan untuk membuat proposal skim yang berkenaan untuk membuat compromise dan boleh membuat arrangement daripada kompeni yang berkenaan dan juga creditors. Jadi

maknanya Klausula 176 ini bergantung kepada kompeni-kompeni yang berkenaan. Jadi jika IKS itu membuat proposal maka Klausula 176 subseksyen 10(a) termaklum. Terima kasih.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya rasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab dengan tidak faham soalan saya. Maksud saya dari segi practicality kita faham masalah Klausula 176 ini tetapi dari segi praktikalnya usahawan kecil dan sederhana tidak mempunyai kewangan yang cukup untuk menggunakan peguam, kadang-kadang dari segi realitinya syarikat gergasi dan besar mampu membayar ratusan ribu ringgit kepada peguam untuk menyelesaikan di mahkamah untuk mendapat perintah mahkamah tetapi syarikat kecil-kecilan umpamanya paid-up capital dia RM200,000 atau RM100,000 kadang-kadang cuma untuk bayar lawyer sahaja. Maksud saya, sebagai sebuah kerajaan yang prihatin kepada masalah ini mesti ada satu pendekatan supaya satu sekretariat khas yang punyai authority ditubuhkan. Jadi saya mencadangkan dan bertanya kepada Yang Berhormat supaya mesti ada satu usaha yang pragmatik untuk membantu usahawan kecil dan sederhana sebagaimana terjemahan Klausula 176 dengan tidak menggunakan usahawan kecil dan sederhana ini pergi mahkamah. Jadi kerajaan sendiri menggunakan kebijaksanaannya untuk menyelesaikan masalah usahawan kecil dan sederhana yang sedang menghadapi masalah. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa untuk membuat satu kompromi, kita buat cara 'top down and bottom up' maknanya sekarang ini kalau boleh seperti mana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi, satu proposal yang dibuat oleh Persatuan IKS kepada kerajaan dan proposal itu kita akan lihat dan kita akan tengok bagaimana boleh kita bantu IKS yang ada ini. Dari segi kerajaan memang prihatin kerana pada kita dalam kegawatan ekonomi ini IKS merupakan satu tenaga yang boleh

membantu kerajaan dalam melonjakkan ekonomi kita di masa kini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan sudah pun selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 58 akan dijilid dalam buku berasingan]*

### USUL

#### **KRISIS EKONOMI ASIA - PERATURAN PENGAWASAN MATA WANG DUNIA**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan atas Usul yang dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman. *[8 Disember 1998]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Perbahasan disambung semula. Ya, silakan.

**11.13 pagi.**

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang untuk membahaskan satu usul yang dibawa oleh sahabat kita Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz. Saya mengucapkan syabas kepada Dato' Aziz kerana usul itu penting dan sesuai pada masa dan ketika ini. Ia membuktikan rakyat Malaysia sentiasa bersatu padu di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita yang kita kasihi sekalipun George Soros melahirkan dan mendesak disingkirkan Perdana Menteri kita. Saya masih ingat selepas beberapa hari kejatuhan mata wang, George Soros sendiri ingin menemui Perdana Menteri kita pada ketika itu, mahupun di mana ataupun di Hong Kong.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menolak, tidak mahu berjumpa dengan Soros, menjadikan Soros malu dan kecewa. Lebih-lebih lagi usaha yang tidak baik itu didedahkan oleh kepimpinan kita sebagai seorang penyangak ataupun pedagang mata wang yang mahu merosakkan ekonomi Asia. Sudah pun rosak ekonomi di Asia ini disebabkan oleh Soros

menyebabkan beberapa buah negara ada berlaku pembunuhan, huru-hara dan berbagai-bagai perkara yang telah berlaku seperti mana berlaku di Indonesia dan saya dapat tahu bahawa di Korea banyak orang bunuh diri kerana kerugian perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Aziz membawa usul tersebut dengan hujah yang cukup tepat dan mantap dan saya yakin ia mengkaji semasa suasana berlaku keadaan serantau di Asia ini. Kita tahu bagi pihak IMF khasnya Pengarah Urusan Tabung Mata Wang tersebut, Michel Camdessus, bukan tujuan membantu memulihkan ekonomi kita atau negara di Asia ini sebaliknya menjatuhkan mata wang, disebabkan banyak negara telah rosak dan kata orang pun merana. Ini menunjukkan George Soros adalah mengikut telunjuk Amerika sendiri untuk menjatuhkan negara-negara dan menjajah cara baru. Perkara ini berkali-kali disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di mana-mana mereka memberikan ucapan.

Memang jelas kita lihat mana-mana negeri yang menerima pinjaman dari IMF, semua keadaannya begitu teruk sekali, bukan menyelesaikan masalah tetapi menimbulkan banyak masalah huru-hara, bunuh diri, rusuhan yang berlaku dan di sana sini yang terjadi sekarang ini. Semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menghadiri satu perjumpaan di Hong Kong beliau berucap dan menerangkan apa yang akan berlaku serta mengecam pihak-pihak yang melakukan spekulasi mata wang yang dilakukan oleh George Soros tetapi tiada negara yang menyokong pandangan Perdana Menteri kita pada ketika itu. Ada yang marah-marah pula termasuk sebahagian rakyat dalam negara kita sendiri pada ketika itu, tidak yakin dengan ucapan, teguran dan pandangan, ulasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika itu di Hong Kong.

Selepas beberapa negeri berlaku krisis ekonomi kejatuhan mata wang termasuk Hong Kong sendiri, negeri Jepun, Korea dan sebahagian negara-negara Barat, baru mereka sedar mengaku telahan-telahan yang dibuat oleh

Perdana Menteri itu adalah baik dan memberi kepujian pula kepada negara kita sebagai sebuah negara Malaysia yang utuh dan memahami keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita merasa bertuah di bawah kepimpinan kita khasnya Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dengan kepintaran, kecekapan, dan ideanya dapat membuat sesuatu dasar dengan cara menyekat pengaliran wang keluar negara kita, kita tahu masa itu banyak peniaga dan korporat yang lari menyimpan wang di negara jiran kita kerana dapat berlebihan keuntungan sehingga dapat bayaran dividen 28%-30% pada ketika itu. Ini yang membuatkan Soros lebih marah keadaannya, pengaliran wang keluar negara tidak dibenarkan lagi. Negara telah berjaya memulihkan ekonomi negara dengan baik dan meminta negara-negara sahabat melakukan satu dasar bagaimana negara kita lakukan tetapi perkara tersebut tidak berkesan.

Salah satu sebab kita tahu negara-negara tersebut telah pun mengambil pinjaman dari pihak IMF. Mereka telah terikat dengan dasar-dasar yang telah ditentukan oleh pihak IMF dan inilah masalah mereka tidak mengikut dan tidak mahu membuat dasar-dasar yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia seperti negeri Thailand bagaimana keadaannya sehingga bertukar pucuk pimpinan, begitu juga di Indonesia dan di Korea dan lain-lain negara lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita bukan sahaja dapat mententeramkan negara dengan aman, masih makmur, pengeluaran negara baik, minyak sawit kita begitu baik pengeluarannya dan harganya. Negara kita dapat mewujudkan beberapa jenis kenderaan kereta-kereta yang dibuat dan dieksport, kita lihat sendiri sekarang ini ke luar negeri.

Kalau kita lihat orang kampung pun tidak terasa sangat dari segi kejatuhan atau kegawatan ekonomi. Kalau kita pergi ke rumah orang kahwin kadang-kadang tidak termakan, makanan begitu melimpah-ruah sekali. Berjaya melaksanakan Sukom ke-XVI, sukan kedua terbesar dalam dunia, dapat pujian dan sanjungan di dunia, tidak ada masalah dan begitu baik sekali dapat

kepujian. Rakyat berbilang kaum masih lagi bersatu padu, muhibah, harmoni antara satu kaum dengan satu kaum. Negara kita dapat menganjurkan pelbagai cara seperti mesyuarat APEC, mengadakan tilawah al-Quran antarabangsa di dunia ini setiap tahun di negara kita, tidak terjejas apa pun. Ini membuktikan keamanan dan keharmonian negara kita masih wujud. Inilah yang menyebabkan negara Barat tidak berpuas hati, cemburu mereka kepada negara kita khasnya negara Barat, Amerika sentiasa cemburu memandangkan kemajuan dan pembangunan negara kita begitu baik sekali. Sekarang ini masih lagi kita katakan bangunan yang tertinggi di dunia di Malaysia, belum wujud lagi negeri China dan saya dapati bahawa Australia bercadang untuk membangunkan bangunan tertinggi di dunia tetapi belum lagi dilaksanakan, negara kita dapat menjayakan, negara kita boleh!

Jadi, itulah salah satu sebab pihak Barat sentiasa cemburu ke atas kepimpinan negara kita tetapi kesedaran ini tidak diikuti oleh sebahagian rakyat kita sendiri. Ada yang menjadi dalang, memberikan modal kepada negara-negara ini sehinggakan Al Gore berani campur tangan dalam hal ehwal negara kita. Mereka ini sepatutnya tidak berhak, begitu juga George Soros. Mengapa mereka menghasut, satu perkara yang tidak patut kita ampun dan maafkan kepada George Soros itu. Kita bangga negara kita masih lagi disegani oleh negara-negara dunia sehingga sekarang ini. Masih banyak lagi lawatan, masih banyak lagi menteri dan ketua negara lain datang ke Malaysia. Boleh dikatakan setiap minggu datang ke negara kita, bukan sahaja mencontohi dan mempelajari atau mengikuti, kalau negara Afrika kita lihat memang ada, hampir kesemuanya datang untuk melihat kemajuan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika difikirkan dari satu segi peristiwa yang berlaku ini sama ada ada krisis mata wang, penekanan-penekanan daripada Al Gore dan Soros mungkin ada hikmahnya kepada kita, ada kebaikannya. Dengan keadaan demikian, rakyat Malaysia masih lagi teguh bersatu padu dan nampak nyata sikap negara Barat yang ingin menjajah kita melalui mata wang

iaitu cara penjajah baru tetapi mereka tidak berjaya, menambah lagi kemarahan mereka untuk mencari jalan menjatuhkan negara kita. Insya-Allah, jika rakyat bersatu padu mengikut jejak langkah kepimpinan yang ada sekarang ini, kita yakin kita akan kukuh dan susah hendak dijajah oleh cara baru bagi negara-negara Barat tersebut tetapi langkah-langkah itu semuanya gagal yang telah dibuat oleh Amerika. Mungkin inilah mereka malu, gagal dan tidak berjaya, jadi pelbagai cara hendak dilakukan.

Kita lihat bahawa telah pun berlaku di negara Islam sebagaimana di Iran, disebutkan rakan saya semalam Datuk Haji Ibrahim Ali dan juga Iraq sehingga banyak anak yang mati, tidak mempunyai ubat, tidak mendapat makanan dan zat yang cukup. Tidak silap saya di Libya pun begitu juga, jadi tekanan! Pernah Amerika melancarkan peluru berpandu sehingga mati anak angkat seorang daripada pemimpin Libya pada ketika itu. Sekarang tidak puas-negeri Barat untuk mengecam hendak menjatuhkan kepimpinan Saddam Hussin tetapi kita bersyukur kepada Allah S.W.T. mereka tidak akan berjaya kerana niat yang tidak baik itu memang Allah Taala tidak mengizinkan kepada mereka. Jadi, pandangan ini patut kita ambil perhatian. Kebanyakan dijadikan mangsa ini kepada negara-negara Islam.

Tuan Yang di-Pertua, jadi apa yang dibawa oleh Dato' Aziz satu cadangan yang sangat baik dari segi imej negara kita khasnya rakan saya di dalam Dewan Negara ini berani dan jitu untuk mengemukakan usul tersebut. Sekali lagi saya ucapkan syabas dan terima kasih, usul yang begitu baik dan jitu bagi mendesak supaya Michel Camdessus ini meletakkan jawatan kerana tidak berjaya untuk melaksanakan IMF ini bukan sahaja menjadikan masalah dan huru-hara kepada negara-negara yang telah pun menggunakan wang IMF, bukan boleh menyelesaikan masalah mereka. Sekarang pun kalau kita tengok di Indonesia, negara yang bersahabat dengan kita begitu sedih sekali keadaannya – berbunuh-bunuhan, tidak habis-habis berlaku rompakan dan juga

bukan rusuhan tetapi membakar rumah-rumah dan keadaan yang tidak begitu tenteram. Jadi, inilah masalah yang timbul.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong cadangan yang baik ini untuk kita luluskan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Yee Lung Fook Geoffrey.

**11.27 pagi.**

**Datuk Yee Lung Fook Geoffrey:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas menyokong usul dari Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pada ketika ini ramai orang yang merasa segan apabila memperkatakan kegiatan spekulasi wang antarabangsa. Ini disebabkan pada permulaan kejatuhan nilai mata wang Ringgit, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan bahawa ini adalah akibat daripada kegiatan spekulasi mata wang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Akan tetapi pada masa itu kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dikaitkan oleh banyak pihak sebagai punca kepada kejatuhan pasaran saham tempatan. Mereka merasa sangsi dengan pandangan dan pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Mereka malah meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya tidak terus membuat kenyataan.

Walau bagaimanapun, masa telah membuktikan bahawa pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah tepat dan kenyataan beliau telah diterima bukan sahaja oleh rakyat negara ini malah pemimpin negara-negara lain. Kenyataan spekulator mata wang, George Soros baru-baru ini supaya rakyat menjatuhkan kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad juga menunjukkan niat jahat dan liar mereka yang sebenar. Ini sekali lagi membuktikan kepada kita bahawa pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita adalah betul dan tepat.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari akan hakikat ini kita telah mencadangkan supaya Tabung Mata Wang Antarabangsa menyediakan Peraturan Pengawasan Perdagangan Mata Wang Dunia. Akan tetapi kelewatan pihak IMF telah menyebabkan negara-negara Asia terus menghadapi tekanan dan ancaman spekulasi mata wang. IMF nampaknya hanya berminat mengenakan syarat dan peraturan mereka yang lapuk dan ketinggalan zaman terhadap negara-negara yang menerima bantuan IMF.

Hakikat telah menunjukkan kepada kita bahawa negara-negara yang menerima bantuan IMF bukan sahaja gagal membangunkan semula ekonomi mereka malah terus menghadapi masa depan yang tidak menentu. Mereka juga diancam masalah-masalah sampingan yang lain seperti politik dan sosial. Justeru itu ketetapan kerajaan untuk tidak menerima IMF adalah tepat sekali. Malaysia sebagai sebuah negara yang berwawasan telah menggunakan cara dan kaedah kita sendiri dalam menangani kegawatan ekonomi. Dengan sokongan padu yang diberikan oleh rakyat terhadap kepimpinan negara dalam usaha mengatasi kegawatan ekonomi, kita telah berjaya menampakkan tanda-tanda pemulihan.

Ini sekali lagi membuktikan bahawa Malaysia boleh membangunkan semula negara ini dengan caranya yang tersendiri. Walaupun pada hari ini banyak pihak yang menjadi mangsa terutama sekali pelajar-pelajar kita yang berada di luar negeri. Akan tetapi saya merasa syukur kerana pihak Kementerian Pendidikan telah dapat menyediakan tempat yang cukup untuk menampung pelajar-pelajar seperti ini. Saya juga dimaklumkan bahawa lebih banyak universiti negara luar akan membuka kampus cawangan mereka di sini seperti University of Curtin dari Australia akan membuka kampus cawangannya di Miri, Sarawak. Ini semua merupakan langkah dan usaha positif yang telah dilakukan oleh kerajaan bagi menangani kegawatan ekonomi.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah kita lakukan dalam usaha memulihkan semula ekonomi negara telah membuktikan bahawa peraturan yang ditetapkan oleh Tabung Mata Wang Antarabangsa perlu diubah mengikut perkembangan semasa dan disesuaikan dengan keperluan setiap negara. Kelewatan atau keengganan pihak IMF melaksanakan penggubalan Sistem Mata Wang Dunia adalah satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan tidak adil terutama sekali kepada negara-negara rantau Asia.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong penuh usul daripada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan juga saya menyokong penuh supaya Pengarah Urusan Tabung Mata Wang Antarabangsa, Michel Camdessus meletakkan jawatan dengan segera. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Tee Thiong Hock.  
**11.34 pagi.**

**Tuan Tee Thiong Hock:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang mengambil peranan dalam perbincangan usul yang dibawa ke dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya Mr. Michel Camdessus sudah gagal melaksanakan tanggungjawab sebagai Pengarah Urusan IMF. Jadi beliau mesti meletakkan jawatannya. Saya menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, apabila rantau Asia dilanda krisis kewangan ataupun krisis ekonomi, IMF dan Amerika Syarikat berlakon seperti 'abang tua', they behave like big brother, beside normally they like to behave a policeman, this time like big brother, dengan izin, tetapi mereka sebenarnya mahu kita semua suffer, mereka cakap lain, buat lain. Sampai hari ini sudah lebih dari 20 bulan the fate of the suffering nation still continue, dengan izin, tidak improved tetapi unhappy to say Malaysia is different, kerana kita ada polisi yang tidak serupa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada seorang murid dalam bidang pengurusan, kalau ikut prinsip-prinsip pengurusan ataupun management principal, accountability dan responsibility, kalau seorang sudah gagal dalam jawatan, dia patut tahu apa yang mahu dibuat. Itu senang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ada tiga perkara yang saya mahu sentuh di sini berkenaan dengan usul ini. Satu ialah polisi IMF yang tidak sesuai, polisi IMF yang diimplementasikan adalah kadar faedah yang tinggi. Pertama peraturan-peraturan kewangan yang ketat ataupun tied monetary policy. Tangguhkan projek-projek besar ataupun austerity drive dan juga kurangkan perbelanjaan, itu adalah basic principals IMF untuk menentang ataupun to overcome the economic crisis, dengan izin. Tetapi krisis sampai hari ini masih lagi melanda negara-negara di rantau Asia, krisis ini bukan sahaja melanda rantau Asia tetapi sekarang sudah pergi ke continent lain Latin Amerika seperti Brazil, Argentina dan juga Eropah iaitu Russia. Tetapi kerana negara kita ada cara yang tidak serupa yang diimplementasikan di bulan September, jadi keadaan Malaysia sekarang berada dalam keadaan membaikpulih, economic recovery dan pada masa itu bulan September bukan sahaja Malaysia yang implement policy, different from IMF, dengan izin, ada juga negara-negara lain di Asia yang mengikuti Malaysia. Dua buah negara yang saya tahu ialah Hong Kong dan Taiwan.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang saya agak mustahak ialah IMF gagal bertindak kepada pihak yang benar-benar melakukan kesalahan iaitu the hedge fund. Kita kata hedge fund ada beberapa jenis, lagi satu jenis, the greatest trouble maker iaitu global macro hedge fund.

Untuk makluman, saya akan membaca sedikit daripada satu magazine yang baru saya terima "*Asia Incorporated*", yang ada sedikit sebanyak cerita berkenaan dengan perkara ini. Title article ini ialah "*Manipulating Currency and Stock Indices Is Comparable To Criminal Insider Trading*".

*“The unregulated flow of short-term capital has not only wreaked havoc in this region, causing severe political and social unrest, but rippled around the world with a devastating domino effect on the markets of Russia and Brazil. Today, even the specter of hunger hangs over communities that little more than a year ago were lifting themselves out of poverty and into emerging middle class.*

*We must also stress the word “some”. We are not against all hedge funds. Some may serve a legitimate purpose in allowing investors to participate in futures markets and to “hedge” their investments.*

*What we are appalled at are the unmitigated currency attacks of the multibillion dollar “global macro funds” of the likes of financier George Soros - bukan dia sahaja - Julian Robertson, Paul Tudor Jones and Michael Steinhardt and Partners.*

*Through the power of derivatives, such funds can “manipulate” - perkataan manipulate digunakan - market by simultaneously “shorting” or “longing” stocks, stock indices and currencies. With huge reserves of billions -- US\$23 billion under Soros and US\$20 billion under Robertson alone - these financiers can move markets in a way that no government can by leveraging or borrowing up to 30 times their capital from investment banks”. Kalau dia ada RM20 bilion, dia akan borrow 30 times that RM600 bilion, reserved of money, monitory reserved Japan hanya wanted this figure.*

*“Their power is magnified even greater - as much as 300 times – through global computer networks when the proprietary trading desks of investment banks and other smaller funds follow their lead and create a pile-on, snowball effect that results in utter panic.*

*Long Term Capital Management fund, LTCM had an equity capital base of US\$4.7 billion at the beginning of this year. Yet on this capital base, it was allowed to borrow at least US\$125 bilion, which it used to buy securities and bonds. In turn, these financial instruments were pledged as collateral to take*

*various positions on all sorts of derivatives that had an underlying value of an astonishing US\$1.25 trillion.”*

Jadi capital dia hanya US\$4.7 bilion, dia boleh move dia punya money power sebanyak US\$1.25 trillion. Dia punya gearing ratio ada 260 kali. Kalau masyarakat kita meminjam dari wang gearing ratio, kalau sudah sampai waktu, sudah kira bank tidak akan beri pinjam lagi, tetapi dia pun boleh pinjam sampai 260 kali. Itulah global macro hedge funds.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam dunia ini negara yang paling besar sekali the currency reserves ialah Jepun, hanya US\$212 bilion sahaja. Ini satu hedge fund sudah cukup. Berapa kali lebih besar dari ekonomi Jepun dan negara yang kedua paling kuat sekali dalam foreign currency ialah Negara China hanya US\$140 bilion sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, last paragraph:

*“We believe that some global macro hedge funds are in effect creating “false market” when they simultaneously attack currencies and stock indices, comparable to insider trading or securities manipulation. Such criminal acts are punishable by fines and potentially jail terms. Why shouldn’t currency and stock-index manipulators be punished in the same way as those convicted of insider trading and securities fraud? Both create victims. For securities fraud, the victims are other investors. For currency manipulation, the victims are countries and their peoples.”*

Inilah satu artikel dari *Asia Incorporated* yang mengapa saya mengatakan sebenar-benarnya culprit ialah hedge fund tetapi IMF tidak ambil tindakan, langsung tidak ambil tindakan. In the name of free market trading, itu tidak patut, itu adalah satu sebab the main reason saya katakan Mr. Michel Camdessus telah gagal di dalam jawatan dia.

Sebab yang ketiga iaitu menyebabkan orang ramai menderita kerana krisis ini ramai orang telah hilang kerja termasuk Presiden Suharto, sudah hilang kerja berjuta-juta orang. Ramai orang dalam keadaan menghadapi

kekurangan makanan walaupun belum sampai starvation tetapi kekurangan makanan dan juga inflasi yang begitu tinggi termasuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kerana hal-hal yang demikian saya sokong penuh usul yang di bawa oleh Dato' Abdul Aziz itu, saya sokong kerana letak jawatan Encik Michel Camdessus akan menjadi satu tanda kehormatan kepada dunia dan juga akan meletakkan semula aliran sejagat dalam dunia bidang pengurusan kewangan dan krisis ekonomi yang melanda dunia pada waktu ini. Dengan ini saya sokong penuh usul yang di bawa oleh Dato' Abdul Aziz. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Hajah Ramlah binti Kassim dahulu, kemudian Datuk Christine.

#### **11.46 pagi**

**Puan Hajah Ramlah binti Kassim:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong usul yang telah di bawa oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman pada hari semalam. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz yang telah merangkakan usul ini dan dibincangkan dengan begitu hangat oleh ahli-ahli Dewan Negara dan saya kira usul ini adalah sangat baik dan bersesuaian dalam keadaan masa dan suasana dan ini juga adalah satu tanggungjawab kita bersama semoga negara luar terutama negara Amerika melihat bahawa pemimpin kita mempunyai sokongan yang kuat dan padu terutama dari Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Negara yang mempunyai sebilangan besar pengikut dan rakyat dan suara kita adalah suara rakyat yang tidak boleh dikotak-katikkan oleh mereka semua. Dan suara kita adalah sah di sisi undang-undang.

Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kita mengharapkan agar Yang Amat Berhormat Dato' Seri tidak gentar menghadapi ini semua kerana kami semua ada di belakang Yang Amat Berhormat. Teruskanlah perjuangan yang murni ini demi untuk kepentingan agama, bangsa

dan negara. Percayalah perjuangan yang sia-sia yang ditunjukkan oleh segelintir rakyat yang masih tidak memahami perjuangan yang sebenar dan disokong oleh negara yang dianggap maju iaitu negara Amerika sedangkan negara mereka adalah negara yang moral muda mudinya begitu rendah sekali. Adalah sebilangan besar rakyat di negara ini marah dan rasa kecewa kerana perkara ini berlaku. Dengan susah payah dalam suasana pemimpin kita berusaha mengatur strategi-strategi yang begitu hebat untuk kepentingan rakyat dan negara dan ada sebahagian lagi berusaha untuk mencemarkan negara. Seharusnya kita rakyat semua, bangun menentang gejala-gejala yang merugikan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin mereka yang melakukan reformasi yang tidak sihat baru-baru ini adalah terdiri daripada mereka yang tidak mengalami kepeghatan dan kesengsaraan kehidupan dan terdiri daripada mereka yang mempunyai kepentingan diri tanpa memikirkan masalah orang lain dan negara. Tambahan pula mereka diasuh dengan cerita-cerita yang kurang tepat dan diberi dengan semangat yang kurang sihat. Semoga ini semua tidak menjadi berpanjangan dan saya berharap kepada pihak kerajaan agar dapat memainkan peranan yang berkesan dengan menyusun langkah-langkah pemulihan terutama kepada sebilangan dari pegawai kerajaan dan swasta dan sebilangan penuntut-penuntut universiti dan sebahagian daripada orang awam termasuk sebahagian pemandu-pemandu teksi yang mana bila kita berada di sampingnya, mereka telah mengutuk berbagai cerita yang tidak sihat dan juga peniaga-peniaga dan lain-lain kerana mereka inilah yang kita dapati melebarkan perkara yang kurang tepat mempengaruhi di mana-mana sahaja.

Kalau ini tidak dibanteraskan dari sekarang, saya bimbang perkara ini akan memusnahkan negara. Jadi dengan kata-kata yang demikian, saya menyokong penuh usul ini. Saya mengucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Christine.

**11.48 pagi**

**Datuk Christine Vanhouten:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap di Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu saya ingin memohon maaf di atas suara saya yang sangat seksi pada hari ini.

Saya bangun untuk menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman kelmarin, saya setuju bahawa spekulator mata wang seperti George Soros telah memiskinkan kita. Masa kini kita sedang menghadapi economic compel, dengan izin, atau kegawatan. Perkataan gawat ini tidak pernah timbul dahulu, tetapi dia telah muncul sekarang sampailah orang-orang di tepi-tepi bukit atau di mana-mana di Sabah pun sudah pandai bercakap mengenai gawat.

Kegawatan ekonomi pada masa ini lebih-lebih lagi pada masa Kerajaan Barisan Nasional di Sabah telah dan sedang membawa kesan yang sangat negatif, di negeri kami. Projek-projek pembangunan yang telah dirancang untuk Sabah banyak yang tidak dapat diadakan ataupun diteruskan berikutan masalah kegawatan ekonomi negara. Semua projek yang belum ditawarkan kepada kontraktor adalah ditangguhkan, ini membawa kesan negatif kepada Kerajaan Barisan Nasional di Sabah dan hangat digunakan oleh pembangkang sebagai isu memburuk-burukkan Kerajaan Barisan Nasional.

Krisis ekonomi telah berlarutan selama 19 bulan. Pada ucapan Belanjawan 1999 pada 23 Oktober oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan Malaysia, beliau menyatakan pada masa itu belum ada tanda-tanda ke arah kestabilan ekonomi yang melanda beberapa negara Asia Timur dan yang telah merebak ke Russia dan Latin Amerika.

Walaupun begitu teruknya keadaan gawat ini, saya sangat bangga di atas keputusan Malaysia untuk tidak meminjam wang IMF untuk membantu memulihkan ekonomi kita. Saya mengucapkan tahniah kepada pucuk pimpinan negara kita khususnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr.

Mahathir bin Mohamad di atas keberanian beliau menentang apa juga kuasa-kuasa luar yang berniat untuk mencampuri hal-hal dalaman negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tanda-tanda pemulihan ekonomi sudah dan sedang dirasakan oleh masyarakat kita. Pemulihan ini adalah akibat tindakan-tindakan dan strategi-strategi yang telah diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah gawat ini. Pada bulan September komposit indeks di BSKL adalah some way between, dengan izin, 200 lebih tetapi sekarang dia hanya sudah sampai kepada 500 point dan lebih. Di atas langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memulihkan ekonomi, saya mengucapkan syabas.

Pemulihan ekonomi sangat penting dan bererti khususnya kepada kami di Sabah. Kami di Sabah jauh ketinggalan di dalam banyak aspek khususnya infrastruktur, sekolah dan hospital. Pemulihan ekonomi membawa harapan kepada kami untuk terus dapat membawa pembangunan yang lebih pesat di Negeri Di Bawah Bayu. Di sini saya juga bersetuju dengan rakan-rakan Senator saya di Dewan yang mulia ini supaya Pengarah Urusan Tabung Mata Wang Antarabangsa IMF ataupun International Money Failure, Michel Camdessus meletakkan jawatan di atas kegagalan beliau mengatasi masalah krisis ekonomi Asia.

Walau bagaimanapun saya juga percaya bahawa Michel Camdessus itu adalah hanya alat kuasa besar untuk memiskinkan kita supaya agenda mereka yang tertentu dapat dicapai. Barangkali ekonomi kita ini telah dijadikan sebagai experiment semata-mata untuk kepuasan kuasa-kuasa yang tertentu. Saya percaya bahawa dengan strategi-strategi dan insentif-insentif yang disediakan oleh kerajaan kepada kita dalam usaha memulihkan ekonomi, saya yakin, dengan izin, we shall overcome kegawatan ini. Untuk memulakan sikap optimistik kita untuk mengatasi masalah gawat ini, barangkali kita mengelakkan, menonjol-nonjolkan perkataan gawat ini. Gawat ini adalah satu perkataan yang negatif dan seharusnya tidak digunakan kerana psychologically perkataan ini akan membawa aspek-aspek yang negatif. Misalnya, ada didapati

di kalangan orang ramai sekarang di mana walaupun mereka mempunyai wang enggan membeli atau berbelanja banyak kerana inilah kononnya gawat. Saya mempunyai expectation yang sangat positif dan optimistik untuk tahun hadapan.

Perpaduan kaum di Malaysia pada masa ini adalah baik dan ianya akan menjadi asas kemajuan dan kejayaan negara kita. Di samping itu, pendekatan-pendekatan yang direka oleh kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara sudah mulai dirasai kesannya. Saya yakin kedudukan ekonomi kita akan pulih semula dengan pertumbuhan yang membanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman semalam. Sekian.

**11.56 pagi**

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mulakan, saya mohon untuk memberitahu saya kalau ada yang hendak bercakap lagi, kalau tidak, saya hendak terus bercakap sampai pukul 1.00 tengah hari.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh beri chance kepada Datuk Haji Sairin, okey.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman iaitu usul untuk mendapat persetujuan daripada Dewan yang mulia ini untuk menyuruh Michel Camdessus meletak jawatan di atas kegagalannya membuat perhitungan yang lebih sesuai bagi mengatasi masalah krisis ekonomi Asia pada masa sekarang ini. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk Christina, IMF ini ialah International Money Failure, kalau saya dengar tadi, bukan International Monetary Fund.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada majalah *Economic View Point*, dengan izin, di hadapan saya ini iaitu yang diperkatakan oleh Robert J. Barrow ialah seorang Professor of Economic di University Havard dan juga dia ini seorang Senior Fellow of the Hoover Institution. Pada bulan September yang lepas beliau datang ke negara kita dan bila dia sampai ke Lapangan Terbang KLIA, dia telah mendapati dua perkara yang pada dia aneh ataupun tidak betul. Satu daripadanya apabila dia sampai sahaja melalui pemeriksaan kastam, dia telah ditanya oleh kastam kita untuk memberi penerangan dan penjelasan dan juga untuk mengisytiharkan berapa Dolar Amerika yang dia bawa. Ini disebabkan kita ada kawalan masuk dan keluar kewangan kita.

Yang keduanya, dia nampak ialah lapangan terbang kita yang begitu indah dan besar, besar lagi daripada banyak lapangan terbang di dunia ini. Seperti mana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali semalam bahawa Al Gore sampai ke lapangan terbang memikirkan dia berada di Chicago. Jadi, Encik Robert J. Barrow ini memperkatakan dua perkara ini:

- (i) sebab kita mengadakan kawalan wang (capital control) yang mana dia fikir tidaklah begitu betul; dan
- (ii) dia memikirkan kita telah membuat lapangan terbang begitu besar, bermaknanya kita telah menggunakan banyak duit untuk membina bangunan-bangunan yang besar dan istimewa.

Tetapi sebaliknya dia pun berkata, 'capital control may be superior to policy recommended by the IMF - International Money Failure tadi. Jadi, ini menggambarkan kepada kita satu persepsi ataupun pandangan orang-orang luar terhadap negara kita Malaysia. Mereka tidak tahu apa yang berlaku di dalam negara kita ini disebabkan dakyah-dakyah, berita-berita yang tidak benar yang disebarkan meluas melalui media-media massa di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana saya pada pagi ini bercakap perlahan sedikit sebab perkara ini penting dan saya hendak mengambil masa sedikit sebab saya fikirkan bahawa kita ada banyak masa

daripada semalam sampai hari ini saya menganggap bahawa Ahli-ahli Dewan Negara tidak begitu ramai hendak bercakap tetapi ini saya tersilap bahawa Ahli-ahli Dewan Negara banyak hendak memainkan peranan dan menyumbang kepada negara ini dari segi idea-idea yang berkaitan dengan kegawatan ekonomi kita di negara ini, sebab kita pada hari sebelum ini kita telah cuba membuat satu usul untuk menghabiskan Dewan cepat sedikit.

Jadi oleh itu saya hendak bercakap perlahan-perlahan sedikit, saya harap saya ada masa 10 minit, kemudian untuk bagi kepada sahabat saya, tetapi dia bercerita dengan saya bahawa dia hendak bercakap  $\frac{1}{2}$  jam, jadi saya ada banyak juga perkara yang hendak dicakapkan kerana persediaan saya ini adalah untuk 5 jam saya fikirkan dan bukanlah maknanya hendak ambil masa yang lain - tidak, takut-takut sahabat saya memikirkan dia hendak bercakap dalam masa budget lebih lagi.

Walau bagaimanapun saya teruskan, ini menggambarkan apa, Tuan Yang di-Pertua, ini menggambarkan keyakinan. Yang saya hendak bercakap sedikit ialah berkenaan keyakinan, dengan izin, confident. Keyakinan ini maknanya luas, yang penting sekali kepada saya ialah keyakinan dan kepercayaan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala, kepada Tuhan Yang Maha Esa.

Yang kedua, kita mesti yakin kepada diri kita sendiri. Apa makna keyakinan ini? Jikalau kita hendak makan ubat, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ada sakit jantung ke, sakit kepala ke, sakit kekuatan tenaga ke, kita mesti yakin ubat yang kita hendak makan itu adalah mujarab dan memberi faedah kepada kita. Kalau kita tidak yakin kita tidak makan ubat itu dan apabila kita tidak yakin kita tidak makan ubat itu, sakit kita tidak akan pulih dan baik.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bawa kereta di malam hari pun kita mesti yakin diri kita baru kita boleh bawa kereta di malam hari. Saya menunjukan kepada yang telah berumur sedikit, tidak termasuk Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua muda lagi, siapa yang berumur 60 tahun ke atas

itu waktu malam dia kurang hendak bawa kereta sebab kadang-kadang mata dia kurang baik dan dia kurang dan tidak yakin bawa kereta. Jadi kalau kita yakin, kita boleh. Alhamdulillah, saya yakin membawa kereta waktu malam walaupun pukul 12.00 malam hendak pergi ke Kuala Lipis saya yakin, boleh bawa, malam ini pun boleh.

Jadi keyakinan kepada diri sendiri, yakin kepada kehakiman negara kita ataupun judiciary kita sekarang ini, kita mesti yakin tetapi untuk kita menjadi yakin kepada sesuatu itu, kita yakin hendak bertanding dalam UMNO yang boleh kita menang, kita yakin kalau kita hendak bertanding Jawatankuasa CPA dan IPU kita boleh menang, insya-Allah, kita boleh menang, tetapi kadang-kadang kita yakin tetapi kita tidak boleh menang, ada sebabnya. Jadi apakah sebab-sebab yang keyakinan kepada kita itu tidak ada, ambil satu contoh, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau kita jadi pengerusi satu-satu mesyuarat kerajaan, kalau kita datang lambat sekali dengan minta maaf, tidak menjadi apa. Kalau kita datang dua kali minta maaf tidak menjadi apa, kalau kita datang tiga kali lambat juga, apa fikiran kita terhadap pengerusi itu. Kita tidak yakin kepada pengerusi itu. Saya pun datang lambat juga. Akhirnya syarikat itu ataupun jawatankuasa itu terjejas.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur alhamdulillah bahawa saya amat yakin kepada pemimpin utama kita di negara ini. Saya amat yakin kepada Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Sebab apa saya yakin kepada dia sebagai Perdana Menteri ialah sebab apa yang dia kata, apa yang dia buat itu meyakinkan saya. Dia pergi ke pejabat, pukul 8.00 pagi patut kita punch kad, dia datang sebelum itu lagi, sebelum pukul 8.00 pagi sudah sampai ke pejabat dan dalam satu hari dia ada upacara kadang-kadang sampai 3, 4 kali, maknanya menunjukkan kesungguhan untuk bekerja bagi negara ini. Ini yang memberi keyakinan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh itu keyakinan ini mesti ada kepada kita dan oleh itu kalau tidak

ada keyakinan, tidak ada apalah yang boleh kita buat. Yakin diri sendiri amatlah penting sekali.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini bagaimana keyakinan terhadap negara kita, tadi pihak kerajaan telah pun menjawab bahawa pelaburan di negara ini telah pun bertambah iaitu telah pun bertambah pada tahun 1997 antara bulan Julai dan September kita telah mendapat pelaburan RM34 bilion dan saya difahamkan di dalam taklimat semalam bahawa angka ini telah pun naik lagi. Kita boleh perkatakan pelaburan ini berlaku pada tahun 1997, pada masa ekonomi baru-baru hendak mula gawat.

Apabila mentaliti herd ataupun mentaliti 'kumpulan kerbau', hendak saya terjemahkan, mulai diikuti oleh negara-negara di rantau Asia ini bermula dengan Thailand pada tahun 1997. Herd mentaliti, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ia mengikut sama gawat, mulalah dia ingatkan Malaysia pun tidak boleh bertahan dan mulalah mereka mengeluarkan pelaburan-pelaburan, duit-duit di pasar bursa saham dan ini juga telah melemahkan negara kita dari segi ekonominya.

Sekarang ini kita kena beri keyakinan kepada pelabur-pelabur di luar negara dan keyakinan ini akan terhakis dan cuba dihakiskan, dengan izin, cuba *undermind the confident of investment in this country*. Jadi siapa salah seorang daripada penyangak yang cuba hendak meng'*undermind*'kan, hendak memberi tidak yakin kepada negara ini satu daripadanya ialah George Soros. Dia cuba memperkatakan bahawa Perdana Menteri kita patut meletak jawatan. Jadi dia hendak uji kepada rakyat negara ini, dan baru-baru ini kita baca dengan izin, dia sudah regret apa yang diperkatakan. Saya serupa juga dengan pandangan Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi, saya tidak menerima perkataan regret ini sebab dia telah dapat tahu bahawa apa yang diperkatakan itu telah membangkitkan perasaan marah rakyat di negara ini termasuk Al Gore. Rakyat yang cintakan negara, yang sayangkan negara kita, yang mempunyai darah semangat nasionalisme mula bangkit sekarang ini. Mereka marah apabila

orang-orang luar cuba mempertikaikan dan cuba hendak ambil tahu pentadbiran dan pemerintahan negara kita ini

Jadi apabila Soros dapat tahu yang rakyat marah dia mula kata regret, ini cara dia memainkan peranan. Al Gore adalah, dengan izin, blessing in disguise, sebab dengan dia memperkatakan berkenaan dengan apa yang berlaku di negara ini membangkitkan semangat taat setia rakyat kepada negara. Inilah yang telah pun dibangkitkan oleh pemimpin-pemimpin yang tidak tahu apa yang berlaku di negara kita. Kepada saya, ini amat baik. Sekarang ini betul-betul kita tahu mereka ini terpendam, mereka sayangkan negara ini, kebanyakannya, tetapi setengah daripadanya mengambil ini sebagai sambil lewa tetapi apabila ada orang luar hendak campur tangan dengan hal ehwal pemerintahan negara kita, memperkecilkan negara kita, hendak meng'colonised'kan negara kita secara ekonomi bukan lagi secara senjata, rakyat mula sedar bahawa ini tidak patut, mereka tidak boleh campur tangan dengan hal negara kita. Inilah satu perkara yang Tuhan tunjukkan kepada kita. Sekarang ini mereka tidak lagi memandang sepi, tidak lagi hendak duduk di tepi jalan, tidak lagi hendak mengambil tahu hal tepi kain orang, berkenaan dengan hal negara kita, mereka telah mula menunjukkan cinta, sayang, taat setia, bahagia, syukur berada di dalam sebuah negara Malaysia.

Negara Malaysia kita ini, dengan izin, is blessed by God, Tuhan menyayangi negara kita Malaysia selama ini dan, insya-Allah, Tuhan akan melindungi perkara-perkara yang tidak baik, gejala-gejala yang tidak baik dan malapetaka yang akan menimpa negara kita. Tuhan akan lindungkan, tetapi Tuan Yang di Pertua, rakyat kita dan pemimpin-pemimpin kita yang ada mestilah sentiasa bersyukur, bersih, ikhlas untuk membantu rakyat kita. Itu sebabnya, di dalam Dewan yang mulia ini berkali-kali saya menyoal kepada kerajaan ketelusan, transparency, berapa syarikat-syarikat yang menggunakan seksyen 176 Akta Syarikat. Sebab apa kita hendak tahu mana-mana syarikat yang lemah, mana-mana syarikat yang telah pun dapat melepaskan dari

ketenatan ini disenaraikan supaya keyakinan dapat muncul semula dari segi ekonomi kita di Malaysia.

Ekonomi kita, fundamental kita masih kuat, tetapi untuk meyakinkan orang ini susah untuk meyakinkan, seperti mana saya bawa cerita balik daripada New Zealand, satu couple hendak datang ke Malaysia, mereka tidak yakin sebab baca dalam surat khabar takut hendak datang ke Malaysia takut ada porak-peranda, pergaduhan yang berlaku di sini yang tidak selamat pada dirinya dan isterinya, tetapi apabila saya nasihatkan dia tidak ada apa yang berlaku, dia pun mula yakin, ha, tak apalah saya akan pergi, dia kata. Ini yang penting, keyakinan. Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia ini kalau tidak ada keyakinan, susahlah. Keyakinan amat penting. Saya harap pada satu masa kita boleh mendapat satu lecture berkenaan dengan 'keyakinan' ini. Tuan Yang di-Pertua boleh memberi lecture itu kepada ahli-ahli Dewan Negara. Kami sudah yakin, tetapi kami hendak yakin lagi.

Tuan Yang di-Pertua, masa pun masih ada lagi. Sekarang saya hendak sebut sedikit, mengapa Michel Camdessus ini patut meletakkan jawatan. Saya tidak ada apa-apa, saya tidak berapa kenal, bersalam pun tidak pernah. Jadi, apa yang kita tahu melalui surat khabar, melalui polisi-polisi yang tersiar dalam surat khabar, dalam televisyen, jadi Camdessus ini dari segi organisasi dia itu tidak betul, jadi ketuanya kenalah meletak jawatan. Tanggungjawab diambil oleh ketua, itulah maknanya responsibility ataupun collective responsibility di mana ketua dan semuanya patut bersara atau meletakkan jawatan, tetapi di sini Managing Director of the International Monetary Fund, Michel Camdessus should resign because of the policy adopted by IMF is not suitable to realise the country in the South East Asia, dengan izin. Jadi mengapa sebab-sebabnya yang kita fikirkan Michel Camdessus ini patut meletakkan jawatan. Apakah kesilapan yang besar yang dilakukan oleh IMF ataupun International Money Failure.

IMF buat tiga kesilapan yang besar, saya hendak sebutkan kesilapan yang besar. Kesilapan yang besar ialah dia menjejaskan dengan cara dia memberi pinjaman, dia menjejaskan kepercayaan peminjam dunia. Yang keduanya, dia cuba membuat satu pertukaran yang amat radical ke atas struktur ekonomi negara yang berkenaan seperti Thailand, Indonesia dan Korea Selatan. Yang ketiga, membuat penekanan yang berlebihan kepada physical monetary policy. Ini tiga kesilapan yang amat besar. Tuan Yang di-Pertua, banyak ahli kewangan, para akademi, termasuk Dr. Paul Krugman, dan juga World Bank ataupun Bank Dunia telah mendapati kesilapan dan cacat cela dasar-dasar IMF yang telah pun disyaratkan kepada negara-negara yang mengalami jangkitan masalah ekonomi yang saya sebutkan tadi.

Antara dasar-dasar IMF lagi tadi yang besar, yang ini sampingan, yang besar juga cacatnya, yang cacatnya ialah dasar IMF menyebabkan deflasi, kadar faedah yang tinggi - 30%, dasar kewangan yang ketat dan pengurangan kredit semasa krisis kewangan dan mata wang yang serius yang akan menyebabkan penguncupan ekonomi. Dasar IMF bertentangan dengan cara pemulihan keyakinan semasa penguncupan ekonomi. Cara yang bertentangan dengan canescent teori telah mempercepatkan kejatuhan ekonomi pada tahun 1930 semasa great depression of the 1930, dengan izin.

Dasar-dasar IMF telah menyebabkan kemerosotan ekonomi Indonesia, Thailand dan South Korea. Tanpa mengira perbezaan dalam masalah dan ciri-ciri sesuatu ekonomi, maknanya ia tidak tahu apa yang berlaku di Indonesia, di Thailand dan di South Korea, IMF telah mensyaratkan dasar deflasi secara menyeluruh ke atas negara-negara yang menghadapi masalah ekonomi, IMF tidak ada tolak ansurnya, dia tidak boleh bertolak ansur, IMF ini, apa yang dinyatakan, disyaratkan mestilah diikuti oleh negara-negara yang menghadapi masalah ekonomi. IMF tidak ada tolak ansur seperti yang dikatakan tadi dan dia percaya sepenuhnya kepada dasarnya mengenakan syarat-syarat yang

hampir sama kepada Indonesia serupa, Thailand serupa, South Korea atau Korea Selatan pun serupa.

Ini adalah tidak wajar kerana setiap ekonomi ada masalahnya sendiri, Indonesia lain dengan Thailand, Thailand lain dengan South Korea. Sememangnya selepas melaksanakan dasar-dasar IMF negara-negara tersebut telah menjadi semakin teruk dan terus jatuh seperti Indonesia sekarang ini. Kesemua negara tersebut telah mengalami perubahan. Kerajaan Indonesia, baru-baru ini di Thailand telah dilanda dengan keganasan yang amat-amat teruk seperti yang kita tahu apa yang berlaku di Indonesia. Gambar menunjukkan parang di atas leher, sudah mati pun dipukul lagi, sudah mati, diheret pula dengan motosikal. Jadi tidak payahlah saya cerita perkara-perkara yang ngeri dan gerun ini. Nanti kita semua berasa takut hendak pergi ke Indonesia lagi.

IMF percaya dengan ketegasannya, sekurang-kurangnya pada peringkat awal krisis kewangan bahawa apa yang baik untuk Mexico semasa ia mengalami masalah pada tahun 1990-an dan semasa IMF melaksanakan dasarnya kepada Timur Asia juga, adalah baik untuk Asia Timur. Tetapi apa yang berlaku menunjukkan sebaliknya. Adalah dirasakan bahawa IMF yang dianggotai oleh birokrasi tidak boleh bertolak ansur, flexible, Tuan Yang di-Pertua, tidak mengikuti perkembangan semasa dengan kerumitan globalisasi dan ciri-ciri kewangan, industri dan perniagaan yang global. Mereka masih lagi tertutup.

Mereka juga tidak mengikuti perkembangan terbaru teori-teori pembangunan ekonomi dan sememangnya mereka terikut-ikut dengan cara ekonomis tahun 1930-an. Dalam keadaan ini amatlah dirasakan IMF perlu pembaharuan untuk membawa idea-idea baru untuk masa hadapan dan bukan menoleh ke belakang kepada tahun 1930-an.

Tuan Yang di-Pertua, ada kumpulan berpendapat IMF ini International Monetary Failure dipenuhi oleh pelobi-pelobi Barat yang menjaga kepentingan bank-bank Barat yang ada pelaburannya di rantau. Apabila ada negara Asia yang menunjukkan ketidakmampuan membayar balik hutang wang IMF sekiranya digunakan ialah untuk membayar balik kepada bank-bank tersebut

dahulu. Bermakna IMF ini, ia hendak menyenangkan pelabur-pelabur asing mendapatkan duitnya dengan diberi pinjaman tadi untuk kembali kepada bank-bank luar negara dahulu mengambil kesempatan, maknanya dari segi priority, jelaskan hutang orang luar dahulu, selebihnya baru belanja untuk mengatasi masalah ekonomi negara itu dan negara semua akan menambah hutang luarnya pula.

Jadi apabila dia bayar, dia menambahkan lagi hutang luar. Maknanya duit masuk tiada, tidak beri masa, tempoh. Sepatutnya reschedule loan, pinjaman itu di'schedule'kan supaya masa ada untuk dia mendapat duit asing masuk dahulu untuk membayar hutang kemudian. Seperti juga negara-negara Komanwel sepertimana saya katakan di New Zealand baru-baru ini, bahawa saya ucap tahniah kepada Kanada sebab Kanada telah pun melupa dan memansuhkan hutang yang dipinjam kepada negara-negara membangun kecil sebanyak US\$940 juta, orang Kanada pun tidak tahu yang mereka telah pun memansuhkan ini, lepas itu dia tanya saya: "betulkah negara kami memansuhkan". Saya kata: "Ya, betul, you tak baca, sebabnya dalam surat khabar di Malaysia, saya baca, ada." Di Kanada dia tidak ada keluarkan benda-benda semacam ini, dia keluarkan benda-benda tidak baik berkenaan Malaysia tetapi negara kami, surat khabar-surat khabar menyiarkan apa juga yang berlaku di luar negara dengan betul. Dia kata: "Tahniah, terima kasih kerana bawa berita itu."

Jadi saya hendakkan negara-negara kecil yang meminjam tadi, developing small countries yang berhutang kepada negara-negara besar dalam keadaan kita menghadapi kegawatan ekonomi ini dimansuhkan, dilupakan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, adalah difahamkan apabila IMF ini memberi, meluluskan hutang di dalam pengurusan hutang yang lebih ketat, perlu juga berlaku fleksibel, mereka ini bila hendak menguruskan hutang-hutang ini, tidak ada flexibility langsung. Mereka kena longgarkan sedikit dari segi pembayaran hutang ini. Jika benar Korea Selatan, Thailand telah melalui saat-saat yang genting dan mungkin sedang menuju sekarang ini ke arah pemulihan,

kita boleh tanya satu soalan sama ada ianya disebabkan oleh dasar-dasar IMF ataupun disebabkan oleh rakyat dan pengusaha-pengusaha di negara itu sendiri, macam Korea, nampak hendak pulih sedikit, Thailand, nampak hendak pulih, adakah disebabkan IMF, kita tanya soalan. Adakah duit diberi kepada IMF ataupun disebabkan dengan kesungguhan usahawan-usahawan di negara itu.

Bila ekonomi merosot ke bawah hanya ada satu jalan lagi iaitu ia akan naik ke bawah, ke atas. Sebenarnya adakah dasar-dasar inflasi atau lain-lain cara menjadi jalan-jalan pemulihan yang baik sekarang ini, ini satu soalan. Lagi satu tanggapan IMF ialah adakah timbul konspirasi Barat yang menjadi ahli IMF ini 182 yang pembayaran terbesarnya ialah United States of America.

Lagi satu tanggapan IMF, adakah yang saya katakan tadi timbul konspirasi. Tanggapan ini telah menampak di dalam beberapa negara di Asia Timur. Mungkin IMF tidak secara sedar tergolong dalam teori konspirasi ini tetapi telah dicucuk oleh kerana pengaruh kuat pihak Barat di dalam koridor kuasa dan jentera membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya semalam telah pun menyelak ataupun membuat searching juga serving the Internet dan banyak perkara yang boleh dapat dalam Internet. Satu daripadanya, The UK Chancellor, desk checker, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Golden Brown, sekali lagi menyatakan patut kita mengadakan satu financial global watchdog untuk memerhatikan keadaan ekonomi yang berlaku di seluruh dunia sekarang ini bukan sahaja di Asia tetapi di seluruh dunia. Mr. Brown kata: "Financial architecture has to be rereform."

Saya setuju, financial architecture, struktur finance di seluruh dunia ini patutlah diperbetulkan sepertimana yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dahulu lagi. Ini satu yang saya yakin sangat kepada Perdana Menteri kita. Dia sudah nampak, orang belum nampak lagi, Perdana Menteri kita sudah nampak, kawalan mata wang satu daripadanya, restructure financial system di dunia ini, satu lagi dan juga dari segi spekulator satu lagi, dia nampak. Sekarang ini yang takut, Tuan Yang di-Pertua, orang negeri-negeri lain mengikut contoh Malaysia, ini yang takutnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya panjangkan lagi panjang, banyak perkara yang hendak dipertikaikan dan saya rasa walaupun banyak sangat lagi perkara yang hendak saya perkatakan tetapi saya hendak beri peluang kepada sahabat saya, yang sudah tentu setengah jam pun tidak cukup. Jadi akhir kata ataupun boleh perkatakan lagi, banyak sangat lagi, walau bagaimanapun, kita ada masa lagi, Tuan Yang di-Pertua, iaitu dalam budget session nanti ataupun perbahasan budget saya akan cuba bahaskan lagi.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan tanggapan bahawa IMF - International Monetary Failure ini ataupun kalau hendak dikatakan juga International Monetary Fund ini perlulah sama ada untuk menukar dasarnya sejajar dengan proses globalisasi, ekonomi global dan pembentukan teori dan amalan kemajuan global ataupun perlu IMF sendiri menjalani perubahan selepas Michel Camdessus meletak jawatannya. Saya menyokong. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Sairin bin Karno.

**12.31 tgh.**

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi seperti kawan-kawan lain, saya ingin merakamkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman kerana membawa satu cadangan yang dapat membolehkan kita membahas dan memikirkan supaya IMF menguatkuasakan badan-badan dunia khasnya Tabung Mata Wang Antarabangsa ini membuat peraturan pengawasan perdagangan mata wang dan telah pun dipersetujui oleh pakar-pakar ekonomi dunia. Akhirnya kita meminta supaya Pengarah Urusan Tabung Mata Wang Antarabangsa, Michel Camdessus – susah mahu sebut namanya, kita juga persetujui.

Untuk itu saya juga turut memberi pandangan dan pendapat meskipun IMF dari segi tujuan asalnya baik, tetapi para pelaksananya adalah terdiri daripada boneka-boneka negara Barat terutama Amerika Syarikat. Mereka yang

mempunyai agenda tersendiri termasuk ingin membolot segala hasil mahsyul kekayaan negara-negara lain termasuk negara-negara Asia. Selain dari cemburu atas kejayaan Malaysia yang menyatukan pelbagai kaum, pelbagai anutan bangsa dan pelbagai fahaman politik, ditambah dengan adanya pemimpin yang berhemah tinggi seperti Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad meletak dan mengharumkan negara Malaysia di persada dunia. Pemimpin-pemimpin yang hebat malah lebih hebat daripada pemimpin-pemimpin negara besar.

Kita tidak ingin menyentuh peribadi pemimpin-pemimpin, tetapi terdapat beberapa pemimpin yang hari ini sedang dilanda kegawatan moral dan ada juga pemimpin yang mempunyai anak luar nikah sehingga melebihi 10 orang menjadi pemimpin yang turut ingin menyelar negara kita. Bukan lagi rahsia dalam surat khabar beberapa bulan yang lalu ternyata bahawa ada negara-negara yang turut ingin barangkali melihat negara kita supaya menyertai meminjam daripada dana kewangan IMF sebagaimana kegagalan demi kegagalan yang mereka alami dan barangkali mereka ini juga adalah merupakan alat kepada negara-negara yang ingin melihat supaya negara kita juga turut terjunam seperti mereka.

Pemimpin-pemimpin negara seperti ini yang melihat kuman seberang lautan tetapi gajah di depan mata tidak nampak. Apakah negara seumpama ini boleh menjadi sahabat kita atau inikah yang dimaksudkan oleh orang tua-tua kita 'harapkan pagar, pagar makan padi, harapan telunjuk, telunjuk mencucuk mata, pepat di luar runcing di dalam'. Atau kerana mereka inilah yang telah masuk ke perangkap jarang IMF yang juga ingin turut serta, gagal seperti yang mereka alami sebelum ini.

Kita bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana selama merdeka kita terus dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang membawa kestabilan politik, keamanan dan pembangunan yang membanggakan. Di era Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang dikasihi ternyata

Malaysia terus cemerlang dan satu demi satu kejayaan yang beliau terokai. Bermula dengan penyelenggaraan waktu Malaysia Timur dengan Malaysia Barat, kemudian diikuti dengan 'Kepimpinan Melalui Teladan' seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki. Apa yang pernah saya alami bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya berkesempatan bersama dengan beliau semasa melawat sambil bekerja di sebuah negara Timur Tengah, Lebanon. Saya melihat bahawa kepimpinan melalui teladan. Beliau meminta kita bersedia jam 8.30 pagi, beliau mula bertugas jam 9.00 pagi, kemudian berakhir sehingga 11.30 malam. Bayangkan seorang pemimpin dari hari ke hari, tiga hari berturut-turut bersama beliau dan itulah jadual yang beliau laksanakan satu demi satu tugas yang beliau buat dengan contoh yang terbaik saya rasakan.

Kita bersyukur kepada Tuhan kerana barangkali inilah yang dipanggil, dengan izin, gifted leader ataupun pemimpin yang Tuhan berikan kepada negara Malaysia yang tercintai. Selepas itu, 'Bersih, Cekap dan Amanah'. Kemudian Punch Card dan Pandang ke Timur. Saya rasa inilah antara sebab kejayaan demi kejayaan yang kita capai dan menyebabkan negara-negara Barat ini terutama Amerika cemburui kejayaan yang kita alami. Kemudian, begitu juga dengan hubungan kita dengan negara-negara luar terutama negara-negara kecil di mana apabila mengadakan perdagangan dengan keadaan win-win situation, dengan izin, di mana Malaysia terus unggul dan cemerlang di mata dunia sehingga banyak negara dunia yang menjadikan Malaysia sebagai model mereka.

Di era Dr. Mahathir kita berjaya membuat Proton Saga. Kemudian, kalau kita lihat bahawa Jambatan Pulau Pinang juga adalah merupakan satu projek yang satu ketika dahulu menjadi buah mulut yang tidak dipersetujui oleh ramai rakyat kerana tidak melihat dari segi jangka panjangnya. Tetapi atas keupayaan Dr. Mahathir ia dilaksanakan dan hari ini ia telah tercatat di dalam sejarah negara kita yang tercintai. Begitu juga dengan bangunan berkembar

Petronas yang hari ini merupakan bangunan yang tertinggi di dunia. Begitu juga dengan Kuala Lumpur International Airport yang mampu menampung 125 juta orang hingga ke tahun 2060 yang mana dengan keluasan 10,000 hektar merupakan satu airport yang terbesar di seluruh dunia.

Saya yakin dan percaya inilah antara sebab kenapa Malaysia menjadi tumpuan kepada kuasa-kuasa Barat. Mereka tidak ingin melihat Malaysia terus cemerlang. Sebagai contoh, menurut Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) mereka berpendapat konon boleh menyelesaikan kemelesetan ekonomi. Sebaliknya apa yang berlaku di negara yang telah menerima bantuan itu semakin hari semakin parah. Lihat sahajalah apa yang berlaku kepada negara Thailand, negara Indonesia dan negara Filipina. Mereka datang sebagai penyelamat dengan hati yang penuh tipu muslihat. Dengan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, beliau menolak bantuan IMF. Tetapi kuasa-kuasa Barat ini tetap tidak putus asas. Mereka mencuba dari dalam untuk melemahkan negara kita. Kalau kita lihat atau kita dengar, kita kaji ucapan Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore ketika menghadiri Sidang Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) lalu, mereka tidak memperdulikan apa sahaja asalkan niat jahat mereka tercapai. Bagi negara yang tidak mengikut telunjuk mereka seperti yang disebut oleh rakan-rakan sebelum ini, Iraq, Iran, Libya, Cuba dan beberapa negara sedaya upaya mereka menindas negara itu dengan pelbagai sekatan sehingga pemimpin negara berkenaan menurut telunjuk mereka.

Mereka juga yang melaung keamanan dan mereka jugalah yang menghancurkan dunia ini. Apa yang terjadi pada Iraq. Pemeriksaan senjata dilakukan bertahun-tahun di Iraq, tetapi sekatan tetap tidak dimansuhkan, malah mereka cuba untuk membuli negara ini dengan pelbagai ugutan. Ramai anak yang telah meninggal, yang tidak berdosa mati setiap detik. Mereka cuba berlagak seperti polis dunia yang tidak diiktiraf oleh dunia. Adakah kerana kemajuan yang mereka miliki menjadikan mereka begitu takbur. Amerika

jangan lupa bahawa sekuat-kuat Amerika ada lagi kuasa yang lebih besar, lebih berkuasa dari Amerika, iaitu Allah S.W.T. Marilah kita sama-sama bangun dan celikkan mata kita supaya kita tidak terpedaya, kita tidak ditipu muslihat oleh orang-orang yang tidak ingatkan Tuhan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut di mana pinjaman-pinjaman kecemasan yang telah diberikan oleh IMF kepada Thailand pada bulan Ogos 1997, di mana sejumlah besarnya dipohon cuma diberikan RM17.2 bilion, Indonesia pada bulan November 1997 hanya berjumlah RM35 bilion, walaupun lebih banyak daripada itu yang mereka pohonkan. Korea dengan bantuan pada Disember 1997 berjumlah RM58.4 bilion, begitu juga yang akhir sekali Russia pada akhir tahun ini juga hanya diberi bantuan sebanyak RM20 bilion, yang mana mereka memerlukan RM40 bilion. Jumlah-jumlah yang mereka berikan ini adalah merupakan 'gula-gula' yang bukan membantu negara tersebut tetapi telah menghancurleburkan negara-negara berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin antara strategi IMF yang menjadikan ia gagal, yang pertama ialah untuk meyakinkan pasaran. Gagal membangunkan ekonomi sederhana, gagal menyuburkan kredit, gagal membayar hutang yang berterusan, gagal menstabilkan pertukaran asing, gagal mengurangkan inflasi malah nilai mata wang jatuh menjunam, tersungkur ekonomi negara. Demikian juga IMF gagal kerana kadar faedah terlalu tinggi, payah mendapat pinjaman, hutang lapuk terus meningkat, kekurangan mudah tunai, kadar inflasi terus melambung tinggi, menutup institusi kewangan termasuklah di Indonesia dan di Thailand. Pedagang asing melarikan wang keluar sebagaimana yang berlaku di Indonesia, lebih berminat menyelamatkan bank asing yang memberi pinjaman, daripada menyelamatkan kejatuhan negara.

IMF juga mengaku membuat kesilapan iaitu mudah tunai tidak cukup, kadar faedah terlalu tinggi, pinjaman terhenti, hutang tidak berbayar, nilai mata wang jatuh 80%, ahli perniagaan menderita dan ramai yang bankrap, kilang-

kilang telah ditutup, masalah sosial merebak, ramai penganggur, pelacuran menular, angka kemiskinan memuncak, ekonomi meleset mengembalikan kemiskinan 30 tahun kebelakang, subsidi dihentikan, perselisihan kaum terus meruncing, nyawa terkorban, hubungan negara jiran terus retak, rakyat menderita dan akhirnya maruah berkecai. Inilah antara kegagalan-kegagalan yang telah dialami oleh IMF dan memang sesuai sekalilah usul hari ini meminta supaya Pengarah Urusan IMF, Michel Camdessus ini meletakkan jawatan atas kegagalan yang beliau alami.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kita daripada sekarang dan saya percaya pemimpin-pemimpin kita terutama Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah pun memikirkan beberapa perkara yang patut dibuat telah dibuat dan akan dibuat. Inilah sebenarnya kegagalan yang IMF alami, kegagalan yang negara-negara Barat alami ini untuk meminta supaya Malaysia terus berada di bawah telunjuk mereka. Mari kita bersama-sama menyusun strategi, kita contohi pasukan tentera yang sanggup mati dan rakan-rakan yang meninggalkan kawan-kawan mereka akhirnya mereka juga akan mati. Kita lari meninggalkan kawan kita untuk menyelamatkan diri tetapi akhirnya kita tidak akan selamat, kita juga akan turut mati.

Kita susun strategi kita, pendekatan kita, kita lihat sejarah apa terjadi dengan tentera Melaka, kalah kepada Portugis kerana tanpa pendekatan yang baik di mana hanya 200 tentera Portugis telah dapat mengalahkan 5,000 tentera Melaka, dan di antara sebab mengapa kekalahan ini berlaku kerana salah strategi. Kita jangan ikut nafsu, kita kena fikir secara strategis kalau perlu kita undur setapak untuk maju dua tapak.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada orang yang perfect 100%. Indonesia dengan jumlah penduduknya 260 juta orang, Filipina dengan 70 juta orang, pelbagai kegagalan masalah yang mereka alami kerana antara lain mereka sebenarnya diharu-birukan oleh IMF dan kuasa-kuasa Barat. Kita lihat bagaimana Malaysia mengendalikan APEC pada baru-baru ini, di mana kalau

tidak silap saya, Jakarta semasa menjadi tuan rumah kepada APEC terpaksa mengadakan cuti selama tiga hari, tidak kerja kerana konon ingin menjaga keselamatan sehingga kota Jakarta pada masa itu telah lengang. Demikian juga dengan Jepun apabila menjadi tuan rumah terpaksa bercuti tiga hari kerana menjaga keselamatan tetapi pemimpin-pemimpin daripada 21 negara yang berada di Kuala Lumpur baru-baru ini, mereka dari Kuala Lumpur ke Cyber Jaya untuk menghadiri mesyuarat, walau pun dalam keadaan sibuk tidak ada cuti langsung tetapi kita perfect, kita telah dapat mengadakan persidangan APEC ini dengan begitu sempurna sekali. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan pimpinannya.

Demikian juga mengenai dengan Sukom, yang mana kita dapat urus 25,000 orang dan sukarela yang berjumlah 20,000, selama 11 hari ia dapat dilaksanakan kerana dengan slogan 'Malaysia Boleh', dengan disiplin yang telah dibekalkan kepada rakyat Malaysia terutama para petugas pada waktu itu. Tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana dapat melaksanakan tugas negara ini terutama kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Zaman kulit sawo matang sudah sampai waktunya akan menguasai dunia, apatah lagi dengan Kemboja yang telah pun diterima semula sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) semalam dan kita berdoa mudah-mudahan Pelan Tindakan Hanoi yang menggariskan program dan aktiviti bagi tempoh enam tahun akan datang seiring dengan Wawasan ASEAN 2020 dan ASEAN 10 akan menjadi kenyataan., insya-Allah.

Akhirnya sekali lagi, oleh kerana ada lagi rakan yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul ini, maka sekali lagi kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman saya ingin mengucapkan tahniah, mudah-mudahan rakyat Malaysia akan terus bersatu padu dan kita mendesaklah supaya IMF ini menggariskan undang-undang dan peraturan yang lebih ketat dalam

usaha menangani serangan mengejut spekulator mata wang pada masa-masa mendatang. Maka dengan ini saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:**Yang Berhormat Haji Hassan bin Ali.

**12.48 tgh.**

**Tuan Haji Hassan bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk bersama-sama menyokong usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Selaku rakyat Malaysia yang cintakan agama, bangsa dan negaranya, maka saya harapkan supaya rakyat negara kita jangan dijadikan alat oleh pemimpin kuasa besar dan sebuah negara kecil yang mempunyai harapan dan hasrat yang begitu tinggi untuk memusnahkan kita dan juga oleh pedagang mata wang yang mempunyai hasrat yang amat ghairah sekali untuk menghancurkan ekonomi dan menghancurkan negara kita.

Kita mesti akui bahawa masalah yang kita hadapi sekarang berpunca daripada IMF dan juga pedagang mata wang dan ditambah dengan para pemimpin kuasa besar, ini tidak dapat dinafikan lagi. Perkara ini amat jelas dan seharusnya tidak dipertikaikan oleh seluruh rakyat Malaysia khasnya dan seluruh dunia amnya. Perkara ini telah diperlihatkan sewaktu berlangsungnya persidangan APEC baru-baru ini yang mana ucapan Al Gore, Naib Presiden Amerika dan juga Madeleine Albright dan juga ucapan Soros dalam sehari dua ini amat jelas memperlihatkan keangkuhan, kesombongan, sokongan, yang diberikan untuk melihat negara kita terus hancur dan rakyatnya merempat, papa kedana.

Dengan cara ini rakyat akan bangkit, maka datanglah satu perkara yang tidak kita mimpikan iaitu huru-hara yang amat buruk akan berlaku. Inilah hasrat dan niat yang amat buruk yang telah diperlihatkan oleh kuasa besar ini. Maka kita selaku rakyat Malaysia, walaupun setinggi mana pangkatnya, sebanyak mana hartanya, serendah mana darjatnya, semiskin mana hidupnya, hendaklah kita sedar dan insaf. Dengan kesedaran dan keinsafan inilah kita

mesti menyatukan fikiran, tenaga dan eratkan hubungan kita untuk sama-sama berganding bahu memikul tanggungjawab yang maha getir ini supaya negara kita akan kembali ke tahap kekuatan ekonomi yang sewajarnya dan perpaduan yang amat kukuh. Kita telah dicaci, kita telah dihina, kita telah diumpat, kita telah dikeji. Kita ada martabat kita, kita ada maruah kita, maka sama-samalah kita mempertahankannya.

Kita akui pelaksanaan ekonomi yang dilancarkan oleh kerajaan pada hari ini tidak terdapat dalam buku-buku rujukan. Kalau kertas kerja ini dibentangkan untuk mendapat Master, pasti reject, lebih-lebih lagi Ph.D, lagi direject kerana dasar ini dilakukan dengan langkah pemikiran, penghayatan dan ilmu yang berada dalam pemikiran anak bangsa kita sendiri. Sebab itulah kita harapkan bahawa masih ada jalan lagi pada saat-saat genting ini unsur-unsur jahat, unsur-unsur yang berniat buruk, menghentam di antara kita sama kita. Kita mesti menunjukkan sikap ketaatan kita kepada pemimpin kita.

Walau bagaimanapun, masalah yang kita dihadapi, tetapi kita selaku rakyat mestilah menunjukkan sikap baik, sikap yang patuh kepada pemimpin, barulah ancaman luar ini tidak akan menular sepertimana yang berlaku pada hari ini. Oleh itu saya harapkan sampai masa dan ketikanya supaya kita bangkit dan bangun menunjukkan sikap yang jujur dan ikhlas untuk mempertahankan maruah dan martabat bangsa kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya hormat Dato' Zuki yang meminta saya bercakap pendek, sedih saya, saya karang panjang sampai jam 3.00 pagi, oleh kerana ada orang lain yang hendak bercakap kerana pada sesi pagi ini sahaja masa untuk dibahaskan, sampai pukul 1.00 tengah hari habis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada 3 minit lagi sekarang.

**Tuan Haji Hassan bin Ali:** Walau bagaimanapun, selaku menghormati dan memberi ruang dan peluang kepada sahabat lain, dengan ini saya sudah dengan wabillahitaufik walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Sri Sarasa.

**12.57 tgh.**

**Puan Sri Sarasa Pasamanickam:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

Tuan Yang di-Pertua, selama 4 dekad selepas mencapai kemerdekaan, pemimpin negara ini telah berusaha untuk mencapai kestabilan politik dan ekonomi. Kerajaan yang beroperasi melalui konsensus, telah berjaya menjaga keamanan dan kemajuan negara. Pembangunan negara bukanlah satu perkara yang senang, lebih-lebih lagi dalam sebuah negara yang berbilang bangsa, berbilang bahasa dan berbilang agama. Malaysia telah mengalami beberapa cabaran dalam perjalanan ini. Dengan izin, we have weathered many storms, seperti rusuhan pada tahun 1969, kegawatan ekonomi tahun 80-an dan lain-lain.

1997 ialah tahun yang membawa ugutan yang terserius kepada ekonomi dan politik Malaysia. Tetapi krisis ini adalah krisis yang diakibatkan oleh peniaga mata wang. Spekulasi mata wang ini telah membawa akibat buruk kepada negara-negara ASEAN – Thailand, Indonesia, Malaysia, Korea adalah negara-negara yang terjejas. Malaysia di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita yang dikasihi telah menuju ke arah Wawasan 2020. Dengan tiba-tiba kegawatan ekonomi telah menolak negara ini 20 tahun ke belakang.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah dengan tepatnya menunjuk kepada punca utama krisis ekonomi ini spekulasi dengan mata wang negara-negara ASEAN. Serangan ini telah membawa penderitaan kepada penduduk-penduduk ASEAN. Beribu-ribu pekerja telah berhenti kerja. Rusuhan berlaku di negara Indonesia sehingga kehilangan nyawa, harta benda berlaku juga. Keadaan politik diancam kerana keadaan ekonomi terancam. IMF, institusi yang diharapkan untuk memulihkan

ekonomi, telah masuk dengan cadangan-cadangan sendiri. Tetapi selepas 16 bulan IMF dipandang sekarang bukan sebagai saviour atau penyelamat tetapi sebagai pemusnah atau penghancur. Lebih dahsyat lagi, IMF dipandang sebagai devil ataupun syaitan. Mengikuti artikel dalam surat khabar hari ini yang bertajuk, 'caught between the devil and the deep sea', ini berkenaan dengan Thailand. Mereka sekarang marah kepada IMF. Pakej keselamatan untuk ekonomi tidak berkesan. Lebih dari itu, rusuhan dan penderitaan berlaku dan kestabilan politik juga diancam.

Sudah sampai masanya pegawai-pegawai IMF dengan izin, IMF bureaucrats share the suffering and feel the pain. Seorang bekas calon Presiden Amerika dan pencetak namanya Steve Force berkata, dengan izin, "for well paid IMF bureaucrats to forswear prescribing the toxic drug of the valuation. Let them be paid in the currencies of the countries to whom they give advice, that is in Russian Ruble, Thai Bahts, Indonesian Rupiahs, Mexican Pesos, etc". Biarkan mereka menerima gaji mereka dalam nilai mata wang negara yang mereka memberi nasihat.

Seramai 8 juta pekerja telah hilang pekerjaan mereka di Thailand. 20,000 syarikat di South Korea telah ditutup. 25 juta orang telah jatuh ke paras kemiskinan. Dan di Thailand rakyat sudah soal mana yang lebih penting, pemulihan ekonomi atau maruah negara?

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita adalah pemimpin unggul yang menolak pakej IMF dan beliau telah menginstitusikan beberapa remedies yang tersendiri sebagai penubuhan MTEN dan Pelan Tindakan Pemulihan Ekonomi Negara. Negara-negara lain sekarang pandang kepada Malaysia untuk solution. Sudah jelas bahawa IMF itu telah gagal dalam usahanya mengawal ekonomi dunia dan baru hari ini keluar dalam surat khabar George Soros sendiri telah mengeluarkan kekesalan akibat tindakan beliau. Jadi patutlah Pengurus Eksekutif IMF iaitu Michel Camdessus mengakui kekalahan dan undur diri supaya badan IMF boleh disusun semula.

Sekian, dengan itu saya menyokong usul Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah usul atas nama Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan di setujukan.

Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini,

menyedari hakikat krisis ekonomi yang melanda rantau Asia sejak bulan Julai 1997 telah pun mengakibatkan keretakan sosial dan politik negara-negara terlibat dan memahami bahawa antara lain krisis ekonomi yang kini merebak ke peringkat antarabangsa adalah diakibatkan oleh kegiatan sepekulasi mata wang;

menginsafi hal yang demikian, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia setahun dahulu telah pun menggesa badan-badan dunia seperti Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) membuat Peraturan Pengawasan Perdagangan Mata Wang Dunia dan disokong kini oleh pemimpin-pemimpin dan pakar-pakar dunia tetapi sehingga kini peraturan ini masih belum digubal dan dilaksanakan;

bersetuju membuat ketetapan supaya Pengarah Urusan Tabung Mata Wang Antarabangsa - International Monetary Fund (IMF), Michel Camdessus, meletakkan jawatan di atas kegagalannya membuat perhitungan yang lebih sesuai bagi mengatasi masalah krisis ekonomi Asia dan menggubal serta melaksanakan dengan agak segera Sistem Pengawasan Perdagangan Mata Wang Dunia.”

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

**Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**2.30 ptg.**

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu rang undang-undang bertajuk suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mulakan ucapan, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan pendirian tegas mereka terhadap usaha-usaha untuk menjejaskan kedudukan ekonomi negara kita termasuklah tindakan-tindakan badan-badan seperti IMF dan juga individu tertentu seperti Soros yang telah banyak menjejaskan ekonomi negara. Tahniah kita ucapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1999 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 23 Oktober 1998 bertujuan menangani krisis kewangan yang sedang dihadapi negara sekarang. Ianya mengandungi strategi serta langkah-langkah untuk membolehkan Malaysia bebas daripada kegawatan ekonomi dan meletakkan semula ekonomi negara di atas landasan pertumbuhan yang lebih kukuh. Krisis

kewangan yang melanda rantau Asia hampir 18 bulan yang lalu telah meninggalkan kesan teruk ke atas ekonomi negara kita. Tempoh ini merupakan tempoh yang paling sukar pernah dilalui oleh ekonomi negara kita.

Kita menyaksikan nilai ringgit menjunam dengan ketara. Sementara pasaran saham jatuh mendadak sehingga menyebabkan kerugian yang amat besar yang tidak pernah dialami sebelum ini, akibatnya pendapatan dan kekayaan negara terhakis menyebabkan sistem kewangan dan sektor korporat terjejas teruk. Kira-kira RM600 bilion telah hangus daripada pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur. Selain itu, pendapatan per kapita kita dalam Dolar Amerika telah merosot sebanyak 60%. Sekatan kredit yang ketat oleh Bank Negara telah menjejaskan pertumbuhan pinjaman dan mengakibatkan penguncupan aktiviti-aktiviti ekonomi. Bank Negara telah menghadkan pertumbuhan kredit sistem perbankan dari 30% sebelum krisis tahun lalu kepada 25% pada akhir tahun lalu dan seterusnya 15% pada awal tahun ini.

Seterusnya sebagai contoh, sungguhpun Bank Negara Malaysia pada bulan Mac tahun ini telah mengurangkan Nisbah Rizab Berkanun (SRR) daripada paras tertinggi 13.5% kepada 10%, kedudukan mudah tunai tidak meningkat kerana Bank Negara menyerap kembali pertambahan mudah tunai tersebut. Institusi perbankan telah membatalkan pinjaman serta kadar faedah meningkat sehingga mengakibatkan kos pinjaman meningkat ke paras tertinggi 24%. Syarat-syarat sewa beli juga telah diperketatkan. Bank Negara sebenarnya telah melaksanakan dasar kewangan yang ketat sejak tahun 1995 khususnya terhadap pemberian kredit, misalnya bagi sektor hartanah pada bulan Oktober tahun 1995 Bank Negara telah mengenakan margin pembiayaan maksimum 60% bagi pinjaman untuk membeli rumah kediaman berharga lebih RM150,000, rumah kedai berharga melebihi RM300,000 dan juga bagi pembelian tanah. Pada akhir Mac 1997 Bank Negara telah mengenakan had 20% ke atas pinjaman sistem perbankan kepada sektor hartanah dan sektor

hartanah disifatkan sebagai satu sektor, dengan izin, yang unproductive ataupun tidak mampu menjanakan pulangan.

Bagi pembiayaan sewa beli Bank Negara pada Oktober 1995 telah mengehendkan margin pembiayaan sebanyak 75% bagi pembelian kereta penumpang persendirian. Langkah-langkah Bank Negara ini juga telah memusnahkan keyakinan pelabur dan pengguna terhadap ekonomi negara. Adalah sukar untuk kita memulih semula keyakinan dan ianya memerlukan masa.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil berbagai langkah pengubahsuaian pengurusan makro ekonomi dan reformasi kewangan bagi menangani krisis ini. Walau bagaimanapun, krisis kewangan ini terus berlarutan. Memandangkan ini, kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah lagi bagi memulihkan keyakinan dan mengembalikan kestabilan dalam pasaran kewangan negara. Di antara langkah-langkah ini termasuklah, pertama, bagi melindungi ekonomi negara daripada kesan-kesan negatif perkembangan luaran, kerajaan telah mengambil langkah berikut:

- (i) menetapkan kadar pertukaran ringgit pada RM3.80 bersamaan US\$1 mulai 2 September 1998;
- (ii) mengenakan kawalan modal secara selektif bagi menyekat pihak asing daripada menjalankan urusan niaga ringgit di luar negara khususnya bagi tujuan spekulatif;
- (iii) menentukan semua urusan jual beli saham Malaysia dibuat melalui Bursa Saham Kuala Lumpur di atas nama pemilik sebenar dan tidak lagi atas nama nominee.

Langkah kawalan pertukaran wang asing secara selektif ini telah memulihkan keyakinan dalam ekonomi negara. Langkah ini berserta dengan penetapan kadar pertukaran mata wang telah memberi kepastian kepada pedagang dan pelabur di samping menghalang tekanan ke atas ringgit oleh faktor luaran yang tidak berkait dengan asas ekonomi negara. Maklum balas

daripada pekilang-pekilang dan usahawan menunjukkan bahawa kadar pertukaran pada US\$1 bersamaan RM3.80 merupakan paras yang berpatutan dan dapat mengekalkan daya saing mereka.

Kerajaan akan memastikan agar jentera pentadbiran kawalan pertukaran asing akan dapat memberi kelulusan yang lebih cepat. Pada masa yang sama kawalan yang ketat akan menghalang penyelewengan termasuk wujudnya pasaran gelap. Untuk tujuan ini, peraturan ke atas pengurusan wang telah diketatkan dengan berkuatkuasanya Akta Pengurusan Wang 1998 pada 25 September lalu. Denda bagi kesalahan telah dinaikkan dari RM10,000 atau 3 tahun penjara kepada RM100,000 atau 5 tahun penjara. Akaun pengurup wang juga perlu diaudit.

Tuan Yang di-Pertua, langkah yang kedua yang kita ambil ialah bagi memperkukuhkan lagi sistem kewangan negara dengan memanjangkan semula tempoh hutang tidak berbayar (NPL) daripada tiga kepada enam bulan bermula 23 September lalu. Memulih dan memperkukuhkan sistem perbankan dengan penubuhan Syarikat Danaharta bagi mengeluarkan NPL daripada sistem perbankan dan Syarikat Danamodal bagi menyuntik modal ke dalam bank-bank yang bermasalah. Menubuhkan jawatankuasa penstrukturan semula hutang korporat untuk membantu syarikat-syarikat Malaysia yang berdaya maju tetapi telah terjejas oleh krisis kewangan.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, meningkatkan mudah tunai pasaran melalui pengurangan kadar faedah dan nisbah rizab berkanun (SRR) bagi menambah mudah tunai sistem perbankan dan penetapan kadar pertumbuhan kredit sistem perbankan sebanyak 8% pada akhir tahun 1998. Sejak bulan September 1998 sebagai langkah untuk memulihkan ekonomi, kerajaan terpaksa melonggarkan sekatan kredit yang telah dikenakan oleh Bank Negara sebelum ini. Kelonggaran-kelonggaran ini termasuklah:

- (i) had pinjaman 20% ke atas pinjaman sistem perbankan bagi pembinaan dan perolehan rumah berharga RM250,000 ke bawah dimansuhkan;
- (ii) had maksimum margin pembiayaan sebanyak 60% bagi perolehan rumah kediaman berharga RM150,000 ke atas, rumah kedai berharga RM350,000 ke atas dan perolehan tanah juga telah dimansuhkan.
- (iii) had pinjaman bank perdagangan dan syarikat kewangan bagi perolehan saham dan unit amanah dinaikkan daripada 15% kepada 20% dari jumlah pinjaman;
- (iv) margin maksimum pembiayaan bagi pembelian kereta penumpang persendirian berharga di bawah RM40,000 ditingkatkan daripada 70% kepada 85% daripada harga pembelian dan tempoh pembayaran dipanjangkan daripada lima tahun kepada tujuh tahun.

Pada bulan November tahun ini had margin 80% dimansuhkan sama sekali dan kadar faedah campur tangan tiga bulan dikurangkan daripada 11% pada awal bulan Ogos, pada 7% pada 9 November dan kadar belian pinjaman asas (BLR) bank perdagangan diturunkan kepada 8.04% daripada kadar tertinggi 12.27%.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun arahan telah pun dikeluarkan supaya sistem perbankan meningkatkan pinjaman bagi mencapai pertumbuhan sebanyak 8% namun sehingga Oktober kadar pertumbuhan pinjaman hanya di lingkungan 2%-3% sahaja. Oleh yang demikian, adalah sukar matlamat pertumbuhan 8% dicapai oleh kerana sistem perbankan perlu mengambil masa untuk menyesuaikan sekatan kredit yang dikenakan terdahulu. Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku ialah sistem kewangan telah mengambil tindakan yang begitu drastik, memanggil kembali pinjaman dan meningkatkan kadar faedah dan ini telah menyebabkan usaha-usaha kita bagi menambahkan

meningkatkan kadar pertumbuhan pinjaman terjejas walaupun matlamat 8% ditetapkan, angka ini tidak akan tercapai menjelang akhir tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha kerajaan untuk menangani krisis kewangan, terutamanya kawalan modal secara selective telah mendapat kritikan daripada masyarakat antarabangsa. Mereka menganggap usaha ini sebagai langkah ke belakang dan boleh menjejaskan proses pemulihan ekonomi, walau bagaimanapun sejak akhir-akhir ini pandangan masyarakat antarabangsa sudah mula berubah, mereka sudah mula melihat bahawa tindakan kita adalah wajar dan sesuai sebagai langkah jangka pendek dalam usaha menangani situasi ekonomi yang kita hadapi sekarang.

Kalangan masyarakat antarabangsa juga sering bertanya bila kita akan menamatkan sekatan terhadap dagangan mata wang kita. Kita ingin menegaskan bahawa kerajaan Malaysia terus committed pada sistem pasaran bebas dan pengaliran bebas modal. Langkah kawalan modal secara selective yang diambil kerajaan adalah bersifat sementara bagi melindungi ekonomi negara daripada kesan negatif krisis kewangan daripada berterusan.

Justeru itu, langkah ini akan kita tamatkan hanya apabila sistem kewangan dunia kembali stabil dan persetujuan dicapai bagi mewujudkan peraturan yang berkesan ke atas sistem kewangan antarabangsa khususnya kawalan ke atas hedge fund, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini pula terdapat kecenderungan pihak asing untuk campur tangan dalam urusan dalaman negara. Ini termasuklah kenyataan yang dibuat oleh Naib Presiden Amerika Syarikat sewaktu Persidangan APEC baru-baru ini. Ini diikuti pula oleh kenyataan keras lagi tidak bertanggungjawab oleh pedagang mata wang iaitu George Soros yang meminta supaya Perdana Menteri yang dikasihi meletakkan jawatan. Kenyataan-kenyataan ini telah menimbulkan kemarahan rakyat dan dengan ini telah memperkuatkan lagi azam dan semangat rakyat Malaysia untuk menghadapi segala cabaran dan ancaman dari luar ini.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diperkenalkan oleh kerajaan memerlukan masa yang agak panjang untuk memulihkan kembali ekonomi sepenuhnya, tambahan pula sebahagian besar dari langkah-langkah ini baru sahaja dilaksanakan sejak awal bulan September 1998. Kesan positif dan langkah-langkah permulaan ini dijangka akan hanya dapat dilihat dalam suku keempat dalam tahun ini dan seterusnya pada tahun-tahun hadapan.

Namun begitu, kini sudah pun terdapat tanda-tanda yang menunjukkan sektor ekonomi benar, negara sudah pun berada dalam fasa pemulihan, manakala keyakinan pengguna dan pelabur telah bertambah kukuh terutamanya sejak awal bulan September 1998. Sungguhpun pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar dalam suku ketiga tahun menunjukkan penguncupan ketara sebanyak 8.6% jika dibandingkan dengan suku ketiga tahun lalu, ianya mencerminkan asas yang tinggi pertumbuhan KDNK pada suku ketiga tahun lalu sebanyak 7.5%.

Namun begitu jika dibandingkan dengan pertumbuhan KDNK pada suku kedua tahun ini, kadar untuk suku ketiga menunjukkan peningkatan sebanyak 2.3%. Tanda-tanda pemulihan ekonomi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, antara lain adalah seperti berikut. Yang pertama, sentimen pelabur dalam pasaran saham telah bertambah baik, indeks BSKL ditutup pada paras 510.85 mata pada semalam iaitu 8 Disember 1998 iaitu kira-kira 100% lebih tinggi daripada 262.7 mata pada 1 September 1998 yang lalu. Purata jumlah saham yang diniagakan setiap hari telah meningkat sebanyak 49.2% daripada 284.88 juta saham bernilai RM406.63 juta dalam bulan September kepada 425.11 juta saham bernilai RM662.52 juta dalam tempoh empat minggu bermula 9 November hingga 4 Disember 1998. Manakala nilai pasaran atau market capitalization pula telah meningkat sebanyak 100.6% daripada RM181 bilion kepada RM304 bilion dalam tempoh 1 September hingga 4 Disember 1998.

Kedua, keyakinan pengguna telah meningkat dengan bertambahnya pembelian barangan tahan lama khususnya kereta penumpang, jumlah jualan kereta penumpang meningkat sebanyak 32.3% kepada 38,163 unit dalam suku ketiga berbanding dengan jumlah jualan suku kedua manakala bagi bulan Oktober 1998, jualan ini meningkat sebanyak 10.5% berbanding dengan jumlah jualan bulan September 1998.

Ketiga, keyakinan pelabur asing mula kembali pulih, permohonan pelaburan asing yang diterima oleh MIDA pada bulan September 1998 telah meningkat kepada RM560.3 juta dari segi modal cadangan berbanding dengan kurang RM300 juta bagi bulan Julai dan Ogos 1998. Nilai modal pelaburan asing yang diluluskan oleh MIDA pula telah meningkat kepada RM4.7 bilion pada bulan September 1998 berbanding dengan kurang dari RM100 juta bagi bulan Julai dan Ogos 1998. Dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, jumlah pelaburan yang diluluskan kepada pelabur-pelabur Amerika Syarikat meningkat kepada RM5.9 bilion berbanding dengan RM2.3 bilion bagi keseluruhan tahun 1997.

Keempat, indeks pengeluaran sektor perkilangan telah meningkat sebanyak 0.5% pada bulan September 1998 berbanding dengan indeks pengeluaran bulan Ogos 1998. Bagi bulan Oktober 1998, data awal menunjukkan pengeluaran sektor perkilangan telah meningkat sebanyak 2.6% lagi melebihi pengeluaran bulan September 1998.

Kelima, permintaan luar negeri bagi barangan Malaysia telah bertambah kukuh. Ini telah membolehkan nilai eksport dalam Dolar Amerika Syarikat meningkat sebanyak 15.7% kepada US\$6.7 bilion dalam bulan Oktober 1998 berbanding dengan eksport bulan Ogos 1998, iaitu sebelum pengenalan langkah kawalan modal. Hasilnya, Malaysia mencatat lebih dagangan pada paras tertinggi pada bulan Oktober 1998 iaitu US\$1.74 bilion atau RM6.6 bilion. Dengan ini Malaysia mencatatkan lebih perdagangan sebanyak

RM44.5 bilion atau US\$11.5 bilion sepanjang 10 bulan pertama tahun ini dan angka ini amatlah membanggakan kita.

Keenam, rizab negara yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia telah meningkat sebanyak US\$3.5 bilion dari US\$20.2 pada akhir Ogos 1998 kepada US\$23.7 bilion pada 30 November 1998. Mampu untuk membiayai 4.5 bulan import tertangguh, peningkatan rizab ini sebahagiannya adalah hasil daripada lebih dalam imbang perdagangan serta pengaliran masuk modal yang besar. Peningkatan rizab ini akan meningkatkan daya tahan negara kepada kejutan luaran di samping meningkatkan mudah tunai dalam negeri bagi mencergaskan semula ekonomi negara.

Ketujuh, langkah kerajaan menutup urus niaga saham di Singapura iaitu CLOB dan menetapkan semula urusan jual beli saham dibuat melalui BSKL sahaja telah dapat membawa balik urusan jual beli saham ke dalam negara kita. Sejak CLOB beroperasi pada 2 Januari 1990 ianya telah mengendalikan urus niaga saham Malaysia sebanyak RM144.1 bilion bernilai S\$229 bilion. Ini telah menyebabkan kehilangan pendapatan oleh syarikat broker saham Malaysia yang dianggarkan sebanyak S\$4.8 bilion. Ini adalah satu angka kehilangan yang besar oleh syarikat broker Malaysia dan kerajaan juga telah kehilangan hasil dari cukai dan duti setem.

Kelapan, jumlah NPL sistem perbankan telah berkurangan daripada RM66.8 bilion dalam bulan Ogos 1998 kepada RM55.8 bilion pada akhir Oktober 1998. Dengan itu nisbah kasar NPL kepada jumlah pinjaman terkumpul telah berkurangan daripada 15.8% kepada 13.3% dalam tempoh tersebut.

Kesembilan, jumlah deposit akaun luar intitusi kewangan dalam negara telah meningkat daripada RM9.1 bilion pada akhir Ogos 1998 kepada RM14.6 bilion pada akhir Oktober 1998. Ini disebabkan oleh penghantaran masuk ringgit ke dalam negeri dan jualan aset ringgit oleh bukan pemastautin. Selain itu, mata wang kertas yang dideposit semula dalam sistem perbankan

berjumlah RM1.5 bilion dalam bulan September 1998 dan RM0.6 bilion dalam bulan Oktober 1998.

Kesepuluh, arah aliran inflasi yang meningkat semenjak suku keempat 1997 telah kembali stabil dalam suku ketiga 1998 pada paras 5.7% dan kini terus berkurangan kepada 5.3% dalam bulan November 1998. Pada masa yang sama jumlah pemberhentian pekerja juga telah berkurangan kepada purata 1,700 orang seminggu berbanding paras tertinggi dalam minggu kedua bulan Julai tahun ini iaitu seramai 5,245 orang.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan-perkembangan yang saya sebutkan tadi adalah menggalakkan dan menunjukkan bahawa perkembangan ekonomi negara telah melewati masa sukar dan sedang menuju ke arah pemulihan. Bagi suku keempat tahun ini, aktiviti ekonomi dijangka bertambah cergas dan kadar penguncupan dianggar berkurangan. Namun begitu, setelah mengambil kira penguncupan ketara terutamanya dalam suku kedua dan ketiga akibat daripada pengurangan kredit berikutan arahan-arahan daripada Bank Negara, kadar penguncupan KNDK pada keseluruhan 1998 dijangka lebih tinggi daripada 4.8 % yang dianggarkan dalam Belanjawan 1999.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu sehingga kini beberapa kemajuan juga telah dicapai dalam usaha kerajaan untuk memperkukuhkan lagi sistem perbankan. Danaharta kini dalam proses mengambil alih NPL dalam sektor strategik dan dijangka selesai pada akhir tahun ini.

Setakat 3 Disember, Danaharta telah mengenal pasti untuk mengurus dan mengambil alih jumlah NPL kasar sebanyak RM19.3 bilion iaitu lebih kurang 34.6 peratus daripada jumlah keseluruhan NPL sistem perbankan setakat akhir Oktober tahun ini. Daripada jumlah tersebut Danaharta telah menandatangani perjanjian dengan 13 buah institusi kewangan untuk mengambil alih NPL yang bernilai sebanyak RM12.2 bilion Danaharta akan menerbitkan bon yang dijamin oleh Kerajaan Malaysia kepada institusi-institusi kewangan sebagai ganjaran untuk pembelian NPL. Danaharta akan

menerbitkan bon boleh tebus tanpa kupon dengan nilai nominal berjumlah RM15 bilion. Ia akan diterbitkan secara berperingkat-peringkat di mana saiz dan masa terbitannya akan selari dengan proses pengambilalihan NPL oleh Danaharta yang dijangka akan selesai pada akhir tahun ini.

Pada masa yang sama Danamodal telah menyuntik modal ke dalam 9 buah institusi perbankan berjumlah RM4.55 bilion. Usaha penyuntikan semula modal perlu untuk membolehkan bank-bank dan syarikat kewangan yang bermasalah dapat meneruskan semula operasi perniagaan mereka. Dalam usaha ini Danamodal akan bekerjasama dengan Danaharta serta institusi perbankan. Sebagai prasyarat untuk mendapatkan suntikan modal, institusi perbankan dikehendaki menjual NPL supaya nisbah NPL mereka kurang daripada 10 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, Danamodal juga akan menyusun semula struktur pegangan saham institusi perbankan terutamanya melalui pengambilalihan ekuiti daripada pemegang saham yang lemah memandangkan pentingnya pengurusan yang cekap dan berkesan dalam institusi perbankan. Danamodal akan menggunakan pegangan majoritinya bagi memperbaiki keberkesanan dan kecekapan pengurusan bank -bank berkenaan jika perlu.

Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat telah ditubuhkan bagi melengkapkan peranan Danamodal dan Danaharta untuk membolehkan sektor perbankan memainkan peranan yang lebih dalam usaha pemulihan kewangan sektor korporat. Usaha-usaha yang sedang dilaksanakan oleh CDRC untuk membantu syarikat-syarikat yang bermasalah juga telah menunjukkan kemajuan. Sehingga kini CDRC telah menerima sebanyak 32 permohonan bernilai RM9.5 bilion. CDRC akan membantu syarikat-syarikat bermasalah yang mempunyai pinjaman daripada sistem perbankan sekurang-kurangnya RM50 juta. Bagi syarikat-syarikat kecil dan mempunyai pinjaman kurang daripada RM50 juta pula, kerajaan baru-baru ini telah melancarkan Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana dengan modal permulaan sebanyak

RM750 juta. Kerajaan akan menyelaras serta mengawasi pelaksanaan operasi ketiga-tiga badan tersebut. Ini bertujuan untuk memastikan usaha memperkukuhkan lagi sistem kewangan negara akan berjalan dengan teratur dan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mempercepatkan proses pemulihan ekonomi negara, strategi Belanjawan 1999 ditumpukan kepada lima perkara:

- (i) mencergaskan aktiviti ekonomi serta melindungi ekonomi daripada kesan jangkitan krisis kewangan serantau;
- (ii) memperkukuhkan ketahanan dan daya saing ekonomi;
- (iii) menyusun semula sektor kewangan dan mempertingkatkan tahap pengurusan sektor awam dan swasta;
- (iv) mengukuhkan lagi kedudukan imbalan pembayaran;
- (v) menjamin kesejahteraan rakyat.

Dalam merangka Belanjawan 1999 prinsip pengurusan kewangan yang berhemat dijadikan landasan di mana kerajaan akan memastikan negara mempunyai lebihan atau sekurang-kurangnya kedudukan berimbang dalam akaun semasa kewangan kerajaan. Di samping itu memandangkan pentingnya dorongan fiskal bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi, dasar Belanjawan defisit yang dilaksanakan dalam tahun 1998 akan diteruskan lagi di tahun depan.

Berlandaskan strategi dan dasar tersebut, saya mencadangkan sejumlah RM65.09 bilion diperuntukkan bagi Belanjawan 1999 iaitu sebanyak RM47.042 bilion untuk Perbelanjaan Mengurus dan RM18.053 bilion untuk Perbelanjaan Pembangunan. Berasaskan anggaran hasil sebanyak RM47.160 bilion akaun keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan defisit sekitar RM16.135 bilion. Walau bagaimanapun, setelah mengambil kira tambahan hasil sebanyak RM539 juta dan kehilangan hasil sebanyak RM494 juta berikutan pengenalan langkah-langkah percukaian baru akaun keseluruhan

kewangan kerajaan akan mencatatkan defisit sebanyak RM16.093 bilion atau 6.1% daripada KNK.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membiayai defisit ini kerajaan bercadang untuk mendapatkan sebahagian besar sumber-sumber pembiayaan daripada dalam negeri terutamanya melalui pengeluaran Sijil Kerajaan Malaysia ataupun Government Securities kepada institusi-institusi kewangan. Pada masa yang sama kerajaan sedang mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi pelbagai hala seperti Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia serta sumber-sumber dua hala seperti Kerajaan Jepun dan Singapura untuk mendapatkan sumber-sumber kewangan daripada luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk menjelaskan salah tanggapan bahawa kerajaan menggunakan wang KWSP terutamanya bagi menyelamatkan dan membantu projek syarikat atau individu tertentu. Ada yang mengatakan wang simpanan mereka dengan KWSP mungkin tidak selamat. Tanggapan ini adalah tidak benar sama sekali. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga 31 September lalu, jumlah pelaburan KWSP ialah sebanyak RM143.33 bilion terdiri daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia sebanyak RM38.95 bilion iaitu 27.8%, pinjaman dan bon korporat sebanyak RM38.84 bilion iaitu 27.7%, ekuiti sebanyak RM24.55 bilion iaitu 17.5%, pasaran wang sebanyak RM37.45 bilion iaitu 26.6% dan pelaburan dalam hartanah sebanyak RM540 juta iaitu 0.4%.

Akta KWSP menetapkan supaya sekurang-kurangnya 70% daripada jumlah dananya dilaburkan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia iaitu pelaburan yang paling selamat dan stabil dari segi pulangannya. Walau bagaimanapun, peruntukan ini tidak dapat dipenuhi oleh KWSP disebabkan kerajaan tidak perlu membuat pinjaman yang besar berikutan daripada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang kukuh sejak tahun 1990 sehingga 1997. Oleh yang demikian KWSP terpaksa membuat pelaburan menerusi cara lain termasuk pinjaman dan bon korporat, ekuiti dan pasaran wang.

KWSP juga memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat milik kerajaan dan swasta melalui pinjaman dan pembelian bon korporat. Pemberian pinjaman ini adalah berdasarkan kepada kajian, dengan izin, due diligence dari segi daya maju projek atau kekukuhan kewangan syarikat yang memohon pinjaman atau menerbit bon. Kebanyakan pinjaman yang diberikan adalah untuk projek-projek infrastruktur dan utiliti yang boleh memberi sumbangan kepada perkembangan dan pertumbuhan ekonomi negara. Bagi pelaburan ekuiti pula semua pembelian saham dibuat setelah kajian pasaran dijalankan dan berasaskan fundamental serta potensi pulangan dalam jangka panjang. Sementara pelaburan dalam pasaran wang dibuat dalam akaun dengan Bank Negara Malaysia dan menerusi institusi kewangan yang diluluskan oleh Akta Bank dan Institusi Kewangan. Kerajaan menjamin bahawa caruman ahli dalam KWSP adalah selamat dan pihak KWSP berupaya memenuhi sebarang permohonan keluaran caruman ahli-ahlinya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 1999 sebanyak RM24.572 bilion atau 52.23% daripada Perbelanjaan Mengurus diperuntukkan di bawah pemberian dan kenaan bayaran tetap termasuk perbelanjaan bayaran khidmat hutang negara, bayaran pencen dan ganjaran serta sumbangan kepada kumpulan-kumpulan wang berkanun. Sebanyak RM13.971 bilion adalah untuk emolument, RM6.18 bilion untuk perkhidmatan dan bekalan, RM460 juta di bawah aset untuk pembelian dan kelengkapan serta kemudahan pejabat dan RM1.850 bilion bagi perbelanjaan lain termasuk bayaran balik cukai.

Agihan perbelanjaan pembangunan mengikut sektor utama ialah RM7.89 bilion atau 43.7% untuk sektor ekonomi, RM5.946 bilion atau 32.9% untuk sektor sosial, RM2.650 bilion atau 14.7% untuk sektor keselamatan dan RM1.067 bilion atau 5.9% untuk sektor perkhidmatan am. Baki sebanyak RM500 juta atau 2.8% adalah untuk simpanan luar jangka.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan prasarana diberi keutamaan selaras dengan objektif untuk merangsangkan ekonomi negara. Bagi tujuan ini

peruntukan RM4.04 bilion disediakan bagi projek-projek prasarana yang meliputi jalan raya dan jambatan, kereta api, pelabuhan dan penerbangan awam. Kerajaan akan terus memberi perhatian kepada pembangunan sumber manusia bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Sebanyak RM13.5 bilion disediakan untuk meningkatkan prasarana dan kemudahan sokongan serta pembangunan kurikulum.

Daripada jumlah tersebut sebanyak RM8 bilion untuk pendidikan rendah dan menengah, untuk keselamatan dan pertahanan negara sejumlah RM8.73 bilion disediakan di bawah beberapa jabatan termasuk Polis, Tentera, Penjara dan Imigresen. Peruntukan ini meliputi perbelanjaan pengurusan dan operasi, pembelian peralatan tentera, pembinaan prasarana keselamatan serta perolehan kelengkapan operasi. Sebanyak RM4.51 bilion disediakan untuk perkhidmatan perubatan dan kesihatan supaya rakyat dapat terus menikmati taraf perkhidmatan yang baik dan selesa. Ini termasuklah pengambilan 3,900 orang pegawai perubatan dan paramedik, peningkatan kemudahan dan peralatan hospital dan klinik terutamanya bagi rawatan penyakit jantung, kanser, diabetes dan beberapa perkhidmatan kepakaran baru.

Keperluan perumahan golongan berpendapatan rendah tetap diberi keutamaan oleh kerajaan walaupun negara sedang menghadapi kegawatan ekonomi. Peruntukan sebanyak RM783 juta adalah untuk pembinaan rumah kediaman bagi anggota perkhidmatan awam termasuk guru, tentera, polis, kastam dan imigresen serta pembinaan rumah kos rendah oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan juga telah menubuhkan syarikat perumahan negara pada awal tahun ini dengan modal berbayar RM2 bilion untuk menyediakan kemudahan pinjaman kepada pemaju projek-projek perumahan kos rendah. Di samping itu kerajaan telah dapat menambah sebanyak RM200 juta untuk Tabung Perumahan Rakyat Termiskin berikutan daripada penangguhan dua projek lebuhraya di Lembah Klang. Dengan tambahan ini tabung ini kini berjumlah

RM800 juta, dari jumlah tersebut sebanyak RM583.4 juta sedang dibelanjakan bagi membina 14,745 unit rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya maklumkan bahawa kerajaan telah juga meluluskan pembinaan sebanyak 10,000 unit lagi rumah-rumah kos rendah di Mukim Batu, Setapak, Jalan Ipoh dan Pantai Dalam dalam kawasan Wilayah Persekutuan. Projek yang melibatkan kos sebanyak RM360 juta ini adalah satu projek tambahan dan merupakan tambahan kepada pembinaan sebanyak 3,500 unit yang sedang dilaksanakan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini adalah merupakan usaha berterusan pihak kerajaan dan melambangkan keprihatinan kerajaan bagi memenuhi keperluan perumahan yang semakin mendesak khususnya di kawasan Lembah Klang.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan desa akan diteruskan melalui Program Meningkatkan Produktiviti Hasil Pertanian seperti penggunaan teknologi dan latihan, pembinaan jalan desa, penyediaan bekalan air dan elektrik dan pembangunan semula kampung tradisional serta pusat-pusat pertumbuhan desa. Sejumlah RM1.124 bilion diperuntukkan bagi membiayai program ini termasuk RM138 juta bagi Sabah dan RM151 juta bagi Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu pengusaha-pengusaha kecil kerajaan telah menubuhkan Tabung Industri Kecil dan Sederhana berjumlah RM1.5 bilion di bawah Bank Negara Malaysia. Setakat 8 Disember sebanyak 765 permohonan telah diluluskan dengan nilai sebanyak RM764.9 juta, daripada jumlah tersebut sebanyak RM183.8 juta telah dikeluarkan, daripada jumlah yang diluluskan sebanyak 468 permohonan yang bernilai RM512.9 juta adalah bagi sektor perkilangan, 239 permohonan bernilai RM164.6 juta bagi sektor perkhidmatan dan 58 permohonan berjumlah RM87.3 juta bagi industri yang berasaskan pertanian.

Di samping itu dana sebanyak RM750 juta telah disediakan di bawah Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana yang baru ditubuhkan dua

minggu lalu juga di bawah Bank Negara Malaysia. Tabung ini bertujuan untuk membantu Industri Kecil dan Sederhana yang berdaya maju tetapi mempunyai masalah Pinjaman Tidak Berbayar untuk mendapat pinjaman. Oleh kerana tabung ini baru dilancarkan, setakat ini satu permohonan sahaja diluluskan bernilai RM100,000.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan penyelarasan dan kawal selia yang begitu berkesan Bank Negara sedang mengambil langkah untuk menggabung kesemua tabung yang ditubuhkan di bawahnya. Berikutan ini Bank Negara telah mengambil keputusan untuk menutup Tabung Industri Bumiputera. Pemohon-pemohon yang ingin mendapatkan pembiayaan di bawah tabung ini akan disarankan memohon pembiayaan di bawah Tabung Usahawan Baru. Keputusan tersebut dibuat memandangkan baki peruntukan TIB telah hampir habis digunakan dan ianya pula mempunyai tujuan yang hampir sama dengan TUB iaitu untuk membantu pembangunan usahawan bumiputera dalam bidang perniagaan. Tambahan pula, kerajaan telah menambah dana TUB sebanyak RM500 juta pada 15 Julai lalu, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM1.25 bilion. Tabung-tabung lain di bawah Bank Negara tidak akan digabungkan memandangkan setiap tabung tersebut adalah khusus untuk sektor-sektor ekonomi tertentu dan adalah penting dalam usaha untuk memulihkan ekonomi negara. Tabung-tabung ini adalah TIKS, Tabung Pemulihan IKS, Skim Khas Perumahan Kos Rendah dan Sederhana, Tabung Untuk Makanan dan Tabung Perkapalan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan usahawan yang mempunyai projek yang produktif terutamanya melibatkan pendapatan eksport mendapat pembiayaan, Unit Aduan dan Pengawasan Pinjaman telah ditubuhkan di Bank Negara Malaysia pada 19 Januari tahun ini. Sehingga akhir November sejumlah 533 aduan telah diterima dan daripada jumlah tersebut sebanyak 25% telah dapat diselesaikan dan berjaya mendapat pinjaman. Sebab-sebab utama penolakan pinjaman ialah pemohon tidak mengendali akaun pinjaman yang

sedia ada dengan memuaskan atau keupayaan pembayaran balik pemohon adalah diragui.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1999 ini juga menyediakan peruntukan bagi membantu golongan miskin, penjaja dan peniaga kecil untuk meningkatkan tahap ekonomi mereka. Peruntukan sebanyak RM100 juta disediakan di bawah Program Amanah Ikhtiar Malaysia dan sebanyak RM150 juta untuk Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga termasuk untuk membantu usahawan wanita. Kedua-dua tabung ini dijangka akan membantu 12,000 penjaja dan peniaga kecil untuk memulakan atau membesarkan perniagaan mereka. Sejumlah RM45 juta pula diperuntukkan lagi bagi skim mudah untuk pembelian mesin dan peralatan untuk usahawan kecil di kawasan desa.

Bagi mewujudkan usahawan kelas menengah bumiputera, kerajaan telah memperkenalkan beberapa skim pembiayaan modal teroka dan bantuan modal, antaranya ialah peruntukan tambahan sebanyak RM25 juta bagi Skim Pembiayaan Secara Islam yang dikendalikan oleh MARA dan RM34 juta bagi Skim Pembiayaan Kilang Bimbingan dan Pembiayaan Am yang diuruskan oleh Bank Pembangunan Malaysia. Selain itu, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad dan Perbadanan Nasional Berhad juga telah memperkenalkan beberapa program bagi mencapai hasrat ini.

Peruntukan bagi membantu mereka yang tidak berkemampuan dan kurang upaya juga diteruskan. Sebanyak RM265 juta disediakan untuk meneruskan agenda masyarakat penyayang melalui program-program pemulihan dan perlindungan bagi golongan yang memerlukan bantuan, membina dan menaikkan taraf rumah kebajikan dan pembinaan pusat aktiviti perpaduan serta Institut Sosial Malaysia. Sebanyak RM108 juta adalah bagi membasmi kemiskinan melalui Program Pembasmian Rakyat Termiskin, Peningkatan Ekonomi Kampung dan Program Pemulihan Rumah yang dijangkakan akan memanfaatkan seramai 41,300 keluarga miskin. Di samping itu

RM440 juta akan disediakan untuk bantuan buku teks dan bantuan makanan tambahan kepada pelajar kurang mampu di seluruh negara. Seramai lebih kurang empat juta pelajar layak menerima bantuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kedudukan kewangan kerajaan mengalami defisit keseluruhan, kerajaan amat prihatin kepada masalah yang dihadapi oleh kakitangan awam terutamanya golongan berpendapatan rendah. Bagi meringankan beban kewangan terutamanya bagi membiayai perbelanjaan persekolahan dan sambutan perayaan, kerajaan pada 2 Disember lalu telah mengumumkan pemberian bantuan khas sebanyak RM400 bagi setiap kakitangan awam melainkan pegawai-pegawai di dalam Jawatan Utama Sektor Awam ataupun JUSA. Bantuan kewangan ini melibatkan perbelanjaan tambahan sebanyak RM350 juta dan dijangka dibayar pada akhir tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 1999 ini beberapa langkah percukaian dicadangkan bagi tujuan-tujuan berikut:

- (i) memperkemaskan sistem pentadbiran cukai;
- (ii) merangsang aktiviti perniagaan syarikat-syarikat tempatan;
- (iii) menggalakkan penyusunan semula sektor kewangan;
- (iv) mengukuhkan kedudukan akaun semasa bahagian pembayaran; dan
- (v) menggalakkan gaya hidup sihat;

Usaha untuk memoden dan memperkemaskan sistem pentadbiran cukai negara merupakan proses yang berterusan. Dalam hubungan ini, saya mencadangkan supaya sistem taksiran cukai berasaskan tahun sebelum dipinda kepada sistem cukai berasaskan tahun semasa bermula tahun 2000. Langkah ini bertujuan membolehkan pengutipan cukai dibuat dengan lebih cekap dan segera bagi memastikan aliran tunai kerajaan menggambarkan prestasi ekonomi semasa. Selain daripada itu, sistem baru ini akan dapat menghubungkan secara langsung prestasi ekonomi dan keupayaan membayar cukai. Dengan pelaksanaan sistem cukai yang berasaskan tahun semasa ini saya juga mencadangkan supaya pendapatan pada tahun 1999 tidak

dikenakan cukai sementara kerugian bagi tahun tersebut dibenarkan dibawa ke tahun berikutnya.

Sungguhpun pembaharuan sistem percukaian ini akan memberi faedah kepada kerajaan dan juga pembayar cukai, ada kemungkinan pembayar cukai akan cuba mengambil kesempatan untuk memaksimumkan faedah tersebut yang telah disediakan oleh kerajaan dengan mengambil tindakan yang tidak beretika. Saya ingin menegaskan amalan untuk mendapatkan faedah yang lebih besar melalui langkah-langkah perancangan cukai tertentu adalah dipandang berat oleh kerajaan kerana ia adalah satu tindakan yang tidak bertanggungjawab. Sehubungan dengan ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri sedang menyediakan peruntukan-peruntukan anti-avoidance, dengan izin, untuk memastikan penyalahgunaan dapat dibanteras dan tindakan sewajarnya diambil ke atas mana-mana pihak yang cuba menyalahgunakan faedah yang diberi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan sistem taksiran tahun semasa beberapa isu dasar telah pun diputuskan oleh kerajaan, ianya adalah seperti berikut:

- (i) pendapatan dividen yang dilepaskan daripada dikenakan cukai pendapatan adalah bagi dividen yang dibayar atau diagihkan daripada pendapatan yang diperolehi dalam tempoh asas tahun 1999 sahaja;
- (ii) pendapatan daripada sumber-sumber di luar Malaysia diremit oleh individu pemastautin ke negara ini dalam tahun 1999 adalah dilepaskan daripada dikenakan cukai;
- (iii) pekerja tempatan yang mula bekerja dalam tahun 1999 akan dilepaskan daripada pembayaran cukai ke atas pendapatan yang diperolehi dalam tahun tersebut;
- (iv) pekerja yang tertakluk kepada pembayaran cukai di bawah Sistem Potongan Cukai Berjadual (PCB) dan mula bekerja sebelum 1 Januari 1995 akan terus dikehendaki membayar cukai pada tahun 1999 bagi pendapatan yang diperolehi

dalam tahun 1998. Pendapatan yang yang diperolehi dari tahun 1999 akan dilepaskan daripada pembayaran cukai pada tahun 2000 dan cukai akan dibayar berasaskan pendapatan yang diperolehi pada tahun 2000;

- (v) bagi pekerja yang mula bekerja selepas 1 Januari 1995 dan bekerja di Sabah dan Sarawak, mereka akan dikecualikan daripada potongan di bawah PCB dalam tahun 1999 oleh kerana mereka ini telah pun membayar cukai ke atas pendapatan tahun 1998 melalui potongan PCB dalam tahun ini juga. PCB akan dikenakan semula kepada mereka mulai tahun 2000 berasaskan pendapatan yang diperolehi dalam tahun tersebut;
- (vi) bagi pekerja tempatan yang bersara dalam tahun 1999, mereka mendapat manfaat serta-merta daripada sistem taksiran tahun semasa kerana apa-apa pendapatan pengajian yang diterima dalam tahun 1999 akan dilepaskan daripada dikenakan cukai dalam tahun 2000;
- (vii) bagi syarikat-syarikat yang menikmati galakan taraf perintis, tempoh taraf perintis yang bertindih dengan tempoh asas 1999 yang mana cukai yang dilepaskan tidak akan dilanjutkan;
- (viii) bagi syarikat-syarikat yang tahun kewangannya adalah tidak sama dengan tahun kalender selepas mengambil pertimbangan pendapatan yang diperolehi dalam tahun 1999 dilepaskan daripada cukai, mereka masih perlu membayar cukai untuk tempoh yang lebih daripada satu tahun dalam tahun 2000. Bagi syarikat-syarikat seumpama ini kerajaan akan memberi masa sehingga akhir tahun 2001 untuk menyelesaikan pembayaran keseluruhan tanggungan cukai;
- (ix) pendapatan yang diperolehi oleh pekerja asing yang mula bekerja atau menamatkan pekerjaan di negara ini dalam tahun 1999 akan dikenakan cukai pendapatan. Walau bagaimanapun, seseorang pekerja asing boleh menikmati

pelepasan cukai bagi pendapatan dalam tempoh asas 1999 sekiranya dia bekerja di negara ini bagi tempoh berterusan sekurang-kurangnya dua tahun termasuk sepanjang tempoh 1999 itu sendiri;

- (x) cukai pegangan yang merupakan cukai muktamad yang dikenakan ke atas pendapatan kasar bukan pemastautin akan terus dikenakan cukai pendapatan dalam tahun 1999; dan
- (xi) pelaksanaan sistem taksiran tahun semasa adalah tidak terpakai kepada pembayar-pembayar cukai yang tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan Petroleum 1967.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap semua pihak terutamanya pembayar cukai dapat memberi sokongan sepenuhnya dalam membantu hasrat kerajaan untuk memodenkan pentadbiran cukai supaya pelaksanaannya dapat dijalankan dengan penuh berkesan untuk manfaat negara dan juga pembayar cukai sendiri. Di samping itu, saya juga ingin mencadangkan supaya sistem taksiran formal yang diamalkan pada masa kini berhubung dengan cukai pendapatan bertukar kepada sistem taksiran sendiri secara berperingkat-peringkat bermula dengan kumpulan syarikat pada tahun taksiran 2001. Langkah ini akan meningkatkan kutipan hasil sejajar dengan peningkatan tahap pematuhan cukai di kalangan pembayar cukai. Lembaga Hasil Dalam Negeri akan memperkemas sistem maklumat dan meningkatkan program pendidikan percukaian untuk melaksanakan langkah-langkah yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, peranan sektor swasta adalah penting bagi membantu memulihkan ekonomi, oleh itu langkah-langkah perlu diambil bagi membantu meringankan beban kewangan serta merangsang aktiviti-aktiviti perniagaan yang telah terjejas oleh kegawatan ekonomi sekarang. Langkah-langkah percukaian yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (i) 50% daripada pendapatan faedah dalam akaun 'interest in suspense' tidak akan diambil kira sebagai pendapatan untuk tujuan pengiraan cukai pendapatan. Walau bagaimanapun, faedah itu akan dikenakan cukai apabila ianya dijelaskan oleh peminjam, kemudahan ini diberi bagi tahun taksiran 1999 dan

2000. Langkah ini diharap dapat membantu institusi kewangan yang menghadapi peningkatan dalam NPL;

- (ii) syarikat tempatan yang diluluskan taraf sebagai syarikat perdagangan antarabangsa diberikan pengecualian cukai sebanyak 70% pendapatan berkanun daripada nilai peningkatan jualan eksport. Bagi mendapat faedah tersebut, antara lain, syarikat hendaklah dimiliki sekurang-kurangnya 70% oleh rakyat Malaysia dan menggunakan kemudahan tempatan seperti insurans, perkapalan serta pelabuhan tempatan dan hendaklah mendaftar dengan MATRADE;
- (iii) surat cara bagi pembiayaan semula Pinjaman Berterma (Term Loan) untuk tujuan perniagaan dikecualikan daripada duti setem. Dengan pengecualian ini kos untuk menjalankan perniagaan dapat dikurangkan;
- (iv) untuk menggalakkan pembangunan Unit Amanah Pendapatan Faedah yang diperolehi oleh unit amanah dikecualikan daripada cukai pendapatan;
- (v) bagi industri insurans hayat cukai pendapatan dikenakan ke atas lebih aktuari yang sebenarnya diagihkan kepada Kumpulan Wang Pemegang Saham berbanding dengan amalan sekarang yang mengenakan cukai tersebut berasaskan prinsip terakru. Langkah ini akan menggalakkan syarikat insurans hayat mengekalkan lebih aktuari dalam Kumpulan Wang Hayat supaya lebih berkenaan dapat digunakan bagi pembangunan jangka panjang perniagaan insurans hayat di negara ini, dan duti eksais ke atas peti sejuk, televisyen dan alat hawa dingin dimansuhkan bagi membolehkan industri tempatan bersaing dengan pengeluar-pengeluar daripada negara ASEAN apabila Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan usaha untuk menstabilkan pasaran kewangan kerajaan sedang mengambil langkah untuk menyusun semula sektor kewangan negara. Salah satu strategi bagi mengukuhkan institusi kewangan

adalah dengan menggalakkan penggabungan. Bagi maksud ini, saya mencadangkan supaya duti setem dan cukai keuntungan hartanah yang terlibat dalam urusan penggabungan dikecualikan. Bagi mempercepatkan proses penggabungan, pengecualian cukai akan hanya diberi bagi urusan penggabungan yang disempurnakan di antara 24 Oktober tahun ini dan 30 Jun tahun hadapan.

Bagi memperkukuhkan lagi kedudukanimbangan pembayaran langkah-langkah meningkatkan eksport dan mengurangkan import akan terus dipergiatkan. Ini termasuklah menggalakkan pengeluaran pertanian, mengembangkan industri perkapalan dan menggalakkan lagi industri pelancongan. Sehubungan dengan ini, langkah-langkah percukaian berikut dicadangkan:

- (i) dalam mengira cukai pendapatan, kerugian yang dialami dalam pengeluaran bahan makanan yang banyak diimport dibenarkan ditolak daripada keuntungan syarikat dalam kumpulan yang sama. Sebagai permulaan, bahan makanan yang telah dikenal pasti adalah jagung dan lembu yang melibatkan nilai import masing-masing sebanyak RM619 juta dan RM438 pada tahun 1997. Group relief ini dibenarkan untuk pengeluaran bahan makanan sahaja dan akan hanya terbuka bagi permohonan yang diterima sebelum akhir tahun 1999;
- (ii) pendapatan freight daripada carter masa (time charter) dan carter perjalanan (voyage charter) dikecualikan daripada cukai pendapatan;
- (iii) pendapatan syarikat pelancongan yang berpunca daripada pengendalian pakej pelancongan dalam negeri yang melibatkan sekurang-kurangnya 1,200 orang pelancong tempatan setahun dikecualikan daripada cukai pendapatan;
- (iv) pengecualian cukai diberi ke atas pendapatan yang diperolehi oleh pelumba kereta Formula 1 dan lain-lain kenderaan bermotor yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang diadakan di Malaysia; dan

- (v) penganjur perlumbaan Formula 1 dan lain-lain perlumbaan kenderaan bermotor yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang diadakan di Malaysia diberikan pengecualian cukai sebanyak 50% ke atas pendapatan yang diperolehinya;

Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah percukaian lain juga dicadangkan khusus bagi membantu memperkukuhkan kedudukan kewangan kerajaan, di samping menggalakan gaya hidup yang lebih sihat. Cadangan-cadangan ini adalah:

- Mengenakan levi keuntungan ke atas minyak sawit mentah apabila harganya melebihi RM2,000 setan. Pada harga dalam lingkungan RM2,000 sehingga RM2,050 levi ditetapkan pada kadar bersamaan nilai harga yang melebihi RM2,000. Walau bagaimanapun, apabila harga melebihi RM2,050 kadarnya adalah RM50.00 setan.
- Duti import ke atas rokok dan lain-lain keluaran tembakau dinaikkan daripada RM138 sekilogram dan RM162 sekilogram kepada RM180 sekilogram. Bagi rokok yang dikilangkan dalam negara, duti eksais dinaikkan dari RM28.60 sekilogram kepada RM40 sekilogram.
- Duti import dan duti eksais ke atas semua jenis minuman keras dinaikkan sebanyak 20% daripada kadar semasa.
- Kadar cukai perjudian dinaikkan dari 7% kepada 8%, duti pertaruhan dinaikkan dari di antara 5% dan 11.5% kepada 10% dan 15% dan duti keuntungan kasino yang dikenakan di antara 22% dan 25% diselaraskan kepada satu kadar iaitu 25%.

Tuan Yang di-Pertua, dengan langkah-langkah tambahan pada awal September 1998 kerajaan telah dapat melindungi ekonomi kita daripada digugat oleh aktiviti spekulator mata wang asing. Keadaan ekonomi sekarang semakin stabil dan ini telah membolehkan usaha-usaha memulihkan ekonomi dijalankan dengan lancar. Saya yakin pelan pemulihan ekonomi negara akan berhasil mencergaskan semula aktiviti-aktiviti ekonomi. Pada masa yang sama sektor perbankan semakin kukuh dan insya-Allah, pada tahun hadapan ia akan menjadi semakin kukuh.

Dalam tahun 1999 kerajaan menjangkakan kadar KDNK akan meningkat sebanyak 1%. Sektor perkilangan dijangka meningkat pada kadar 1% berikutan peningkatan prestasi industri berorientasikan pasaran dalam negeri terutamanya industri bekalan bahan-bahan binaan, industri berorientasikan pasaran eksport khususnya industri pengeluaran separa konduktor berkembang selaras dengan permintaan dunia lebih tinggi. Sektor pertanian dijangka berkembang pada kadar 3.9% manakala sektor perlombongan pada kadar 1.3%.

Sejajar dengan pemulihan sektor-sektor utama ini, sektor perkhidmatan dijangka berkembang pada kadar 2.7%, sektor pelancongan dijangka dapat memberi sumbangan besar kepada perkembangan sektor ini berikutan daripada langkah kerajaan untuk menambah peruntukan sebanyak RM150 juta kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk memperhebatkan program promosinya di dalam dan di luar negara. Peruntukan tambahan sebanyak RM150 juta ini keputusannya baru dibuat dan ia adalah sebagai tambahan pada peruntukan yang telah diluluskan untuk tahun 1999.

Kegiatan-kegiatan sektor pembinaan pula dijangka kembali cergas berikutan dengan langkah kerajaan melonggarkan syarat pembiayaan terutamanya bagi pembelian rumah kediaman. Satu kempen pemilikan rumah akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 12 Disember ini di mana pelbagai insentif seperti potongan harga dan pembiayaan yang menarik serta pengecualian duti setem akan diberikan kepada pembeli dalam tempoh kempen selama sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kedudukan sektor luar negara terus kukuh berikutan dengan prestasi perdagangan negara yang menggalakkan. Ini akan membolehkan akaun semasa imbalan pembayaran terus mencatat lebihan yang besar sebanyak RM11 bilion atau 4.2% daripada KDNK, pada masa yang sama kadar inflasi dijangka dapat dibendung di bawah paras 4%.

Prospek pertumbuhan ini juga mengambil kira perkembangan yang berlaku di peringkat serantau dan antarabangsa. Sejak kebelakangan ini terdapat petanda-petanda bahawa keadaan ekonomi serantau semakin bertambah baik. Kita juga menjangkakan ekonomi di kalangan rakan-rakan perdagangan utama negara khususnya rantau Asia Timur kembali pulih dan pasaran kewangan serantau yang lebih stabil. Negara-negara perindustrian dijangka berkembang sederhana pada kadar 2% dengan diterajui oleh pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat sebanyak 2%.

Di samping itu, negara Asia Timur juga akan mengalami pertumbuhan yang bertambah sedikit. Persekitaran luaran yang menggalakkan ini akan memberi sumbangan positif kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Walau bagaimanapun, sekiranya prestasi ekonomi antarabangsa tidak menggalakkan, ianya akan turut menjejaskan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini usaha-usaha gigih yang sedang kita laksanakan telah menunjukkan hasil yang positif. Kita yakin kejayaan yang begitu besar akan dapat kita capai sedikit masa lagi berkat ketabahan, keazaman dan kesungguhan kita semua. Apa yang membanggakan, kita masih bebas merangka dasar pemulihan ekonomi tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Di sebalik kesulitan dan kesukaran berikutan krisis ini negara terus dapat bertahan tanpa perlu meminta bantuan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa. Dengan ini kita dapat mengelak daripada terpaksa tunduk dan mematuhi segala syarat ketat yang dikenakan oleh institusi tersebut.

Kita telah berjaya mempertahankan kedaulatan negara dan maruah bangsa daripada campur tangan kuasa besar dalam menangani krisis semasa. Usaha kita untuk membawa semula ekonomi negara menuju ke arah pemulihan dan kejayaan yang lebih cemerlang adalah merupakan inisiatif dan perahan fikiran anak bangsa kita sendiri. Negara kita adalah tanggungjawab kita. Namun begitu, tanpa sokongan dan kerjasama padu daripada rakyat semua matlamat perjuangan kita tidak akan tercapai. Kejayaan untuk mengatasi masa

sukar ini amat penting kerana ianya merupakan prasyarat bagi persediaan untuk membolehkan negara memasuki alaf baru dengan penuh yakin dan lebih bersemangat. Ianya menjadi landasan untuk membolehkan negara mengulangi kejayaan cemerlang di dekad yang lalu. Dengan ini hasrat Kerajaan Barisan Nasional untuk terus memupuk dan memperkukuhkan lagi kesejahteraan dan jalinan, keharmonian rakyat berbilang bangsa akan terjamin, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Marimuthu.

**3.26 ptg.**

**Tuan N. Marimuthu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang membahaskan Belanjawan Negara 1999 di Dewan yang mulia ini. Bermula dari Julai 1997, masalah kegawatan ekonomi telah menyerang kawasan Asia Tenggara. Negara kita Malaysia tidak ketinggalan daripada masalah akibat daripada serangan ini. Sehingga kini masalah kegawatan ekonomi ini memang telah memberi kesan yang membimbangkan ke atas perjuangan kita ke arah mencapai Wawasan 2020. Kita bersyukur kerana kesan ini tidaklah begitu mendalam berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini. Badan Kewangan Dunia (IMF) sendiri telah memuji langkah-langkah pemulihan yang sedang kita ambil dan juga telah meyakinkan kita bahawa ekonomi negara kita masih kukuh dan stabil. Oleh itu, IMF sendiri telah berpendapat bahawa negara kita tidak perlukan bantuan daripada Badan Kewangan Dunia.

Walaupun Keluaran Negara Kasar (KNK) telah ditetapkan antara 2.3% berbanding dengan 7% sebelum ini, taraf hidup rakyat adalah masih di peringkat tinggi. Langkah-langkah seperti meningkatkan eksport, mengurangkan import, menggunakan barang-barang buatan tempatan, membawa masuk wang simpanan rakyat Malaysia dari simpanan luar negara, kestabilan negara serta pentadbiran negara yang lebih cekap telah meyakinkan pemulihan ekonomi yang lebih cepat. Ramai cendekiawan negara telah mengesyorkan bahawa keyakinan rakyat jelata dan semangat 'Malaysia Boleh' dapat menyelamatkan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Belanjawan 1999 telah mengurangkan sebanyak 9.3% dibandingkan dengan tahun 1998. Belanjawan baru telah memperuntukkan sebanyak RM4.04 bilion untuk perbelanjaan pengurusan RM18,053 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Berasaskan anggaran hasil sebanyak RM40.16 bilion akaun keluaran Kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan defisit kita RM16.635 bilion. Belanjawan 1999 juga telah memberi tamparan hebat kepada mereka yang gemar merokok, meminum minuman keras dan juga suka berjudi. Ini adalah kerana kerajaan telah menaikkan duti import dan duti eksport ke atas minuman keras, rokok dan pertaruhan judi sebanyak 2.40%. Dengan ini pastinya harga barang-barang tersebut akan dinaikkan kerana Yang Berhormat Menteri mensifatkan tindakan tersebut untuk membendung gejala sosial di kalangan remaja di samping bertujuan mengurangkan penggunaan minuman keras dan rokok di kalangan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1999 juga tidak mengisytiharkan bonus kepada kakitangan awam sebaliknya Perdana Menteri mengumumkan satu hari Sabtu setiap awal bulan dijadikan hari cuti bagi sektor awam bermula Januari 1999 demi mencergaskan industri pelancongan negara. Kerajaan juga telah membuat pelepasan cukai pendapatan untuk rakyat dan ahli-ahli perniagaan walaupun negara kita kini dalam suasana kegawatan ekonomi yang

serius dan berbagai masalah lain. Dimaklumkan juga pada tahun 2000 cukai pendapatan akan dikenakan mengikut sistem taksiran baru. Bagi menggalakkan rakyat membeli barang-barang buatan Malaysia, khas peti sejuk dan televisyen, kerajaan telah mansuhkan duti eksais.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1999 juga telah memperuntukkan sebanyak RM800 bilion untuk bidang pendidikan. Saya amat bangga dengan kerajaan walaupun kita menghadapi keadaan ekonomi yang serius. Kerajaan tetap memandang berat dan mengutamakan bidang pendidikan, juga telah diumumkan sebanyak 1,270 buah sekolah menengah dan rendah dibina di seluruh negara. Dalam 1,270 itu, sekolah Tamil perlu terlibat beberapa buah sekolah akan dibina walaupun sekolah-sekolah Tamil pun dibina di seluruh negara tetapi kerajaan tetap menyediakan kenyataan bahawa kebanyakan sekolah Tamil bantuan modal masih terbiar tanpa mempunyai kemudahan-kemudahan infrastruktur yang sepenuhnya.

Justeru itu, Kementerian Pendidikan harus memandang berat terhadap perkara ini dan usaha perlu dibuat untuk membaharui sekolah-sekolah kebangsaan Tamil, Melayu dan China yang ada di ladang-ladang mahupun di kawasan pedalaman menjelang tahun 2000. Jumlah pelajar di universiti tempatan kini ialah seramai 71,000 orang. Tindakan untuk meningkatkan jumlah itu ke angka 84,000 orang harus diberi pujian. Statistik menunjukkan seramai 58,000 pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Tinggil Pelajaran Malaysia (STPM) pada tahun 1996 hanya 30,000 pelajar berpeluang untuk melanjutkan pelajaran di universiti tempatan. Selepas itu Menteri Pendidikan Yang Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak mengambil keputusan untuk meningkatkan bilangan pelajar sebanyak 10.15%.

Kini seramai 14,000 pelajar sedang mengikuti pengajian tinggi di Amerika. Juga kajian pendidikan British menyatakan seramai 18,000 pelajar-pelajar yang kini mengikuti pengajian tinggi di Britain. Malaysia adalah antara negara yang paling ramai pelajar sedang mengikuti pelajaran tinggi di luar

negara. Mengikut laporan, lebih kurang 50,000 pelajar sedang mengikuti pengajian tinggi di Britain, Amerika, New Zealand, Jepun, India dan juga tidak ketinggalan negara-negara Asia.

Menteri Pendidikan telah mengeluarkan kenyataan bahawa akibat tindakan mereka ini pengaliran keluar wang telah berlaku sebanyak RM2.3 bilion. Kajian Kementerian Pendidikan juga menunjukkan bilangan pelajar yang melanjutkan pelajaran di luar negara dengan bantuan kerajaan dan juga pihak swasta adalah seramai 60,000 orang. Bakinya seramai 30,000 pelajar melanjutkan pelajaran dengan bantuan-bantuan ibu bapa. Kementerian Pendidikan juga berhasrat untuk mengurangkan pelajar-pelajar yang mendapat biasiswa kerajaan sebanyak 80% mulai tahun ini sebaliknya pelajar-pelajar dalam bidang tertentu yang dianggap penting seperti Sains dan Teknologi sahaja dihantar ke luar negara. Diharap keputusan kerajaan ini konkrit dan muktamad kerana dengan berbuat demikian dapat menghalang membazirkan wang berjuta-juta ringgit, lebih-lebih lagi dalam keadaan kegawatan ekonomi kini.

Tuan Yang di-Pertua, saya begitu bangga dengan kerajaan kerana kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM45.10 juta bagi menempatkan pakar-pakar perubatan seramai 3,900 orang, pembangunan infrastruktur hospital, pembelian peralatan perubatan. Hospital kerajaan tidak dapat memberi perkhidmatan kepakaran seperti mana yang diberikan oleh hospital swasta.

Tuan Yang di-Pertua, isteri dan saudara mara saya menuduh saya bahawa anak bongsu saya meninggal dunia akibat kemalangan tidak mendapat perkhidmatan kepakaran di hospital kerajaan. Seorang lagi anak saya yang dihantarkan ke hospital kerajaan akibat kemalangan walaupun telah menerima rawatan perubatan yang baru tetapi ia tidak berubah perkhidmatan kepakaran. Selepas itu, lebih kurang RM60,000 dibelanjakan dan barulah dia dapat sembuh. Saya sungguh memuji perkhidmatan rawatan di daerah pedalaman tetapi memerlukan lebih banyak lagi perkhidmatan kepakaran di hospital

kerajaan. Saya memuji tindakan drastik kerajaan yang sentiasa berusaha memberi rawatan kepakaran yang canggih untuk rakyat Malaysia. Selain daripada itu, kerajaan juga harus memberi perhatian yang serius, terdapat bayaran tinggi yang dikenakan oleh hospital-hospital swasta demi memberikan perkhidmatan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perumahan. Perhatian yang diberikan oleh kerajaan terhadap masalah perumahan disambut baik. Kerajaan telah memutuskan untuk membina 27,000 buah rumah kos rendah dalam tahun 1999. Sejak tahun 1993 pertambahan penduduk setiap tahun kian meningkat sebanyak 2.6% sehingga mencecah ke angka 2 juta pada tahun yang lalu, justeru itu, kerajaan harus memperbanyakkan lagi pembinaan rumah kos rendah. Dalam pada itu, dalam suasana pembangunan negara yang pesat, kebajikan pekerja-pekerja ladang, penduduk pedalaman terasa ketinggalan tanpa perhatian yang sewajarnya.

Pekerja-pekerja ladang yang sentiasa bekerja keras untuk meningkatkan produk negara selalunya menjadi mangsa. Kerajaan sepatutnya melaksanakan projek-projek perumahan untuk pekerja-pekerja ladang ini sepertimana yang sedang dinikmati oleh masyarakat China dan Melayu melalui projek kampung-kampung baru China dan kampung-kampung tersusun. Baru-baru ini Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamed telah mengumumkan bahawa RM400 juta yang diperuntukkan bagi projek-projek jalan raya ditangguhkan sementara waktu. Sebaliknya wang tersebut akan digunakan untuk pembinaan rumah kos rendah untuk rakyat kurang berkemampuan.

Keputusan ini sangat menggembirakan, dari jumlah wang tersebut sebanyak RM200 juta harus diperuntukkan bagi pembinaan rumah pekerja-pekerja ladang di seluruh negara. Perkara ini pernah disuarakan oleh Presiden MIC dan Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu sebelum ini. Statistik juga menunjukkan bahawa sebanyak 39% kaum India, 39% kaum Melayu dan

juga kaum lain terlibat dalam kategori pekerja-pekerja ladang, maka perhatian serius harus juga diberikan kepada mereka.

Justeru itu, saya mewakili masyarakat India ingin menyeru kerajaan supaya melaksanakan projek-projek perumahan untuk mereka. Satu kumpulan tindakan di bawah kuasa Menteri Kabinet harus ditubuhkan bagi mengenal pasti dan melaksanakan projek-pojeK perumahan tersebut. Walaupun beberapa projek perumahan telah dilaksanakan bagi pekerja-pekerja ladang malangnya terdapat syarikat-syarikat ladang besar tidak memberikan perhatian yang khusus kepada perkara ini. Kini pekerja-pekerja ladang telah berusia 100 tahun dan mereka pernah menikmati serba sedikit kemudahan infrastruktur di zaman Eropah, tetapi setelah negara kita mencapai kemerdekaan apabila berlaku pengagihan ladang, pekerja-pekerja ladang terus mengalami kesan buruk. Statistik juga menunjukkan terdapat lebih kurang 2,000 ladang di seluruh negara pada masa ini. Kerajaan tidak sepatutnya memandang ringan terhadap bantuan infrastruktur yang diberikan kepada pekerja-pekerja ladang.

Para Menteri pula tidak seharusnya membela diri hanya setakat mengeluarkan kenyataan-kenyataan sebaliknya mereka semestinya mengenal pasti dan seterusnya berusaha untuk menyelesaikan masalah-masalah pekerja-pekerja ladang. Pekerja-pekerja ladang sebelum sampai ke tahap mogok di tepi jalan demi membela kebajikan mereka. Mereka pasti tidak akan berbuat demikian. Pekerja-pekerja ladang mempunyai perasaan toleransi, semangat patriot dan lebih-lebih lagi mempunyai perasaan terhutang budi terhadap kerajaan. Mereka mempunyai pegangan yang kuat terhadap kerajaan, kerana kerajaan berkeupayaan membuat apa juga untuk mereka. Pekerja-pekerja ladang sedia maklum bahawa mereka tidak boleh memperolehi rumah-rumah tersebut secara percuma. Sebaliknya mereka berkehendakkan projek-projeK perumahan tersebut dimajukan di kawasan berhampiran dengan ladang-ladang

mereka. Justeru itu, saya ingin menekankan sekali lagi agar kerajaan akan memberikan perhatian yang serius terhadap masalah ini.

Masalah pengangguran ini negara kita pada tahun lalu sebanyak 2.6%, ia dijangka meningkat dari 4.3% ke 4.9% menjelang penghujung tahun ini. Oleh sebab itu seperti mana yang telah disarankan oleh kerajaan, rakyat harus bersedia menerima apa juga pekerjaan tanpa melihat kelayakan khususnya golongan mahasiswa.

Tuan Yang di-Pertua,, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2.265 bilion untuk Kementerian Pertahanan, RM106.070 juta untuk pengurusan dan RM1.12 juta untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Dalam keadaan kegawatan ekonomi yang teruk peruntukan sebanyak RM1.12 juta untuk pembangunan luar bandar sangat menggalakkan. Ini menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa peka terhadap kemudahan infrastruktur bagi penduduk-penduduk luar bandar. Saya amat merasa bangga dengan sikap kerajaan yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, timbul pula perasaan wasangka terhadap kementerian apabila wujud perbezaan dasar dalam melaksanakan projek-projek tersebut. Secara umumnya, walaupun peruntukan ini dianggap tepat untuk mereka yang tidak mempunyai kemudahan infrastruktur tetapi malangnya dasar perlaksanaan oleh kementerian dalam perkara ini telah menimbulkan perbezaan yang ketara. Jika kita mengimbas kembali pewujudan kampung-kampung 46 tahun yang lalu, kampung tersusun, kampung baru Cina, tahun 1946 yang pertama wujud, selepas itulah wujud kampung-kampung tersusun, juga kampung-kampung tradisional dalam sistem perkampungan tersebut khasnya kampung baru Cina, bergiat di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tindakan drastik kerajaan menyatukan masyarakat Melayu di bawah program kampung-kampung tersusun dan geran tanah khas mendapat peruntukan ini meliputi juga projek-projek yang melibatkan masyarakat India.

Tuan Yang di-Pertua, Negeri Perak dan juga lain-lain tempat khususnya berhampiran bandar raya terdapat beberapa buah kampung tersusun yang tidak mempunyai kemudahan jalan dan parit sejauh kampung itu wujud. Sehubungan dengan perkara itu, walaupun telah dimaklumkan kepada majlis tempatan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, mereka sentiasa memberi jawapan tidak membawa sebarang penyelesaian. Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pula memberi jawapan kata dua sahaja, 85% terhadap masyarakat India. Calon-calon yang bertanding dalam pilihan raya di kawasan tersebut pula sentiasa menjanjikan sesuatu setiap kali pilihan raya diadakan.

Saya ingin bertanya kepada pihak yang terbabit apakah tindakan harus diambil demi mendapatkan kemudahan infrastruktur untuk kampung-kampung seperti itu. Saya ingin mendapatkan jawapan yang ikhlas dan muktamad. Kita sedia maklum bahawa Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan I telah pun membentangkan Belanjawan Negara 1999. Dalam suasana demikian, saya ingin tahu kementerian manakah yang bertanggungjawab dalam menangani masalah infrastruktur di kampung-kampung tersusun tersebut. Saya mengharapkan sangat pihak berkenaan akan memberi jawapan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, kita menghadapi beberapa masalah rumit di negara kita sebelum ini kini kita telah menghadapi dengan jayanya. Saya berharap masalah kegawatan ekonomi sekarang ini diselesaikan dengan kerjasama rakyat dengan ditentukan oleh Tuhan yang maha berkuasa.

Akhirnya, saya menyokong penuh Belanjawan Negara 1999. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua : Dr. Yeow Seng Huat.**

**3.48 ptg.**

**Dr. Yeow Seng Huat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya kira saat yang paling gawat di zaman kegawatan ini baru sahaja berlalu dan saya kira kita sekarang sedang berada, insya-Allah, di peringkat pemulihan dan

dengan peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan sama ada Persekutuan ataupun negeri, pihak swasta, dan setiap individual, rakyat sendiri, ekonomi kita akan kembali pulih.

Pengalaman telah mengajar kita dan sejarah juga telah membuktikan dalam era krisis tenaga, krisis bahan mentah, kejatuhan harga komoditi dan tekanan pasaran antarabangsa yang pernah kita tempuhi dan kita merasakan kegawatan telah mampu kita lalui dan setiap era yang kita lalui itu telah ditakdirkan negara kita menjadi kian maju dan berprestij. Ini adalah berdasarkan kepada kecekapan kerajaan kita menghadapi situasi begini. Kecekalan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, pengalamannya dan keyakinannya, kita menjadi semakin maju dan saya kira Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan pandangannya yang luas telah menganggap kegawatan ini sebagai satu peluang untuk negara kita berada di tingkat yang lebih maju. Usaha yang pragmatik dan sokongan daripada beberapa lapisan masyarakat telah menjadikan negara kita sebagai sebuah negara yang disegani oleh masyarakat dunia.

Kegawatan ekonomi yang berlaku sekarang adalah sebagai satu peluang kepada kita untuk menjadikan kita lebih maju dengan mengadakan pendekatan yang lebih berkesan serta mampu bersaing dengan negara-negara lain dalam hal-hal yang berkaitan dengan kemajuan ekonomi, kestabilan politik dan menjadikan kita, maksud saya seluruh rakyat mempunyai semangat yang lebih utuh dalam menghadapi tekanan-tekanan.

Tuan Yang di-Pertua, era kegawatan yang paling menekan telah mula meninggalkan kita dan keyakinan dunia kepada negara kita semakin terserlah dan saya kira usaha yang berterusan daripada pihak tertentu telah banyak menyelamatkan keadaan yang saya yakin Malaysia akan lebih maju dan lebih dikenali, hanya kadang-kadang jiran-jiran kita bertindak agak terlebih sedikit, apakala mereka merasakan kita mempunyai kekuatan untuk menyaingi mereka, namun hal ini dapat diselesaikan oleh kerajaan kita dengan cara terhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana anggaran perbelanjaan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Oktober lalu dan baru-baru ini dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II, saya kira pembentangan ini merupakan hadiah kepada rakyat marhaen dan juga merupakan sebagai langkah-langkah yang merangsang ke arah kepesatan ekonomi dan sekali gus dapat memulihkan keadaan ekonomi negara. Imbangan perdagangan telah menunjukkan tanda positif dan dana wang negara telah meningkat begitu ketara.

Dengan cadangan belanjawan yang telah mewujudkan defisit yang agak besar, perbelanjaan yang berhemat dapat menghindarkan kesan yang agak ketara dan hasrat pencapaian matlamat. Kita masih yakin dengan pasaran ekonomi bebas dan sistem antarabangsa yang diamalkan selama ini, kita hanya mahu sedikit perubahan dari segi pendekatan pengamal-pengamal sistem agar pasaran bebas tidak mendatangkan penganiayaan kepada mana-mana negara dan pengurusan ekonomi hendaklah dijalankan dengan adil dan betul dalam banyak hal. Keutamaan kerajaan untuk mempergiatkan aktiviti-aktiviti yang dapat merangsangkan pertumbuhan ekonomi adalah merupakan sebagai satu langkah yang bijak.

Di samping itu, saya juga melihat bahawa kerajaan mengadakan peruntukan yang agak besar dalam menangani hal yang berkaitan dengan pemulihan alam sekitar. Masalah pencemaran udara, air, pembekalan air yang tidak mencukupi dan masalah sumber semula jadi yang semakin berkurangan. Saya berharap benar agar kementerian yang bertanggungjawab dalam menangani isu-isu ini dapat melaksanakan tindakan yang pragmatik demi memastikan perihal ini dapat diuruskan dengan bijaksana. Kawalan ke atas pembangunan dan pemeliharaan kawasan tadahan air yang mencukupi hendaklah juga dijadikan sebagai agenda utama dan dalam menjalankan urusan sebegini, saya menyarankan agar usaha-usaha pencegahan utama supaya apa-apa kemudaratan tidak terjadi. Saya percaya, kerajaan sedar dan sedang

melihat isu ini dengan bijak dan kerana itulah saya perhatikan peruntukan yang lebih besar diberikan kepada jabatan-jabatan yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga rasa terpenggil untuk bercakap berhubung dengan isu-isu semasa terutamanya hal yang berkaitan dengan gejala sosial. Masalah-masalah yang diwujudkan oleh generasi muda, hal-hal yang berkaitan dengan kesedaran sivik, perpaduan, kewujudan masyarakat madani, peningkatan terhadap keilmuan rakyat, masalah AIDS, cadangan mewujudkan bandar sejahtera dan selamat serta apa-apa hal yang berkaitan dengan isu-isu pembentukan akhlak yang baik di kalangan rakyat demi mewujudkan sebuah negara yang aman damai dan sentosa. Ini juga merupakan sebagai isu-isu yang mesti diambil berat dan setiap kementerian atau mana-mana agensi berkenaan hendaklah memperkuatkan iltizam, meningkatkan usaha menangani isu-isu ini sebelum ianya menular terhadap isu yang lebih besar dan sukar ditangani. Program pendidikan moral yang berkesan hendaklah ditanam di peringkat awal lagi agar akhlak yang mulia dapat diterap kepada generasi muda yang saya kira akan mengambil alih tempat kita di dalam Dewan yang mulia ini.

Cadangan pewujudan bandar sejahtera yang diurusetikan oleh Kementerian Kesihatan hendaklah diberi perhatian yang serius, begitu juga program Bandar Selamat yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan hendaklah digembleng sebaik-baiknya dengan cara yang bijaksana, supaya kedua-dua program ini diselaraskan dan dijadikan sebagai asas untuk menangani permasalahan-permasalahan yang saya nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan aktiviti mengeluarkan makanan di dalam negara kita telah pun meningkat tetapi belum lagi sampai ke tahap berdikari. Saya bersetuju dengan usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh Kementerian Pertanian dan sekiranya boleh saya menyarankan agar Kementerian Pertanian dapat menjalankan usaha-usaha yang berkesan untuk memastikan bahawa negara kita bukan sekadar mampu menghasilkan bahan

makanan yang mencukupi dengan keperluan negara, namun sekiranya boleh menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang mampu mengeksport makanan ke luar negara kerana daripada perangkaan yang ada masih banyak lagi tanah terbiar yang tidak diusahakan dan sebahagian daripada tanah ini adalah sangat sesuai dan subur untuk mengeluarkan makanan-makanan.

Begitu juga dengan pengeluaran hasil laut, saya difahamkan spesies-spesies ikan tertentu telah pupus di beberapa lokasi dan beberapa jenis ikan berkualiti baik kian berkurangan di negara kita atas sebab-sebab tertentu. Usaha kementerian memperbanyakkan tukun-tukun tiruan sebagai lubang tempat ikan membiak adalah usaha yang baik dan hendaklah diteruskan serta banyak kerosakan yang berlaku kepada beberapa kawasan paya bakau yang menyumbang ke arah kekurangan populasi ikan tertentu dan ancaman ini hendaklah dilihat secara serius kepada tindakan pencegahan, itu adalah lebih baik daripada tindakan mengatasi permasalahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira pihak kerajaan dapat mempertingkatkan lagi sektor penyelidikan dan pembangunan untuk menghasilkan ciptaan baru dalam hal-hal yang berkaitan dengan teknologi dan perkembangan multimedia. Dalam menuju ke era 2020, kegiatan sektor ini adalah tersangat utama dan ini juga merupakan sebagai satu usaha yang dapat meningkatkan status ekonomi negara kita di mana hasil penemuan-penemuan baru dari segi teknologi ini dapat dijual ke negara-negara yang lain yang memerlukan.

Saya difahamkan beberapa tahun yang akan datang kita akan menghadapi krisis tenaga kerana bekalan minyak merupakan sumber semula jadi akan kian berkurangan dan kos pengeluarannya menjadi semakin mahal. Saya difahamkan bekalan minyak asli kini hanya tinggal di antara 2 hingga 3 trilion barrel sahaja. Dengan penggunaan sumber asli ini yang kian meningkat di akhir-akhir ini, satu masa nanti sumber ini akan kehabisan. Di sinilah saya rasa perlu para ilmunan kita digalakkan untuk melakukan penyelidikan mencari

apa-apa alternatif tenaga lain yang bersesuaian lagi murah untuk mengambil tempat penggunaan minyak asli.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menamatkan perbahasan saya, saya menyokong penuh agar Rang Undang-undang Perbekalan 1999 diterima oleh Dewan yang mulia ini, kerana cadangan belanjawan yang dibentang adalah belanjawan yang prihatin kepada hasrat rakyat yang mana walaupun defisit tetapi masih dapat mengadakan aktiviti-aktiviti yang membawa negara kita ke arah negara maju dan sentosa. Dalam apa-apa hal, saya cadangkan juga mana-mana agensi kerajaan hendaklah mempertingkatkan usaha mempercepatkan jentera pengurusan dalam hal memungut hasil-hasil yang tertunggak supaya defisit yang dihadapi dapat diperkecilkan jumlahnya. Dengan ini, sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Janggu Anak Banyang.

**4.01 ptg.**

**Tuan Janggu Anak Banyang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun ingin mengambil kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1999. Tuan Yang di-Pertua, dengan kesempatan ini juga saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Kerajaan Malaysia di atas usaha untuk mengambil berbagai-bagai langkah di bawah NREP yang bertujuan untuk mempercepatkan kejayaan pemulihan ekonomi kita.

Walau bagaimanapun, ketika usaha ditumpukan kepada NREP, kerajaan juga hendaklah memastikan golongan miskin juga diberi perhatian dan diberi perlindungan sewajarnya daripada kesan kegawatan ekonomi kita. Saya ingin menyeru kerajaan agar mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengekalkan keamanan dan memelihara negara kita daripada keadaan yang tidak menentu untuk mengelakkan daripada berlakunya keadaan yang dialami oleh negara jiran kita. Keamanan, kestabilan dan nama baik negara kita adalah amat penting ke arah mempercepatkan pemulihan ekonomi negara kita.

Kesemua ini akan memberi keyakinan yang tinggi kepada pelabur asing dan juga sebagai daya penarik kepada mereka untuk kembali semula melabur di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak begitu wajar untuk kita secara sesuka hati membuat kritikan terhadap orang luar terutama dari Barat. Negara Barat mungkin secara kejam telah mengambil kesempatan ini untuk menghentam kita serta mempolitikkan seterusnya keadaan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, saya menyokong sepenuhnya pendirian tegas yang telah diambil oleh kerajaan dengan menerangkan apa yang sebenarnya berlaku mengenai keadaan politik negara kita. Seperti sering diperkatakan kebenaran terbukti juga akhirnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyeru Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat agar berusaha lebih gigih lagi memberi penerangan kepada kegawatan ekonomi semasa dan sedikit pergolakan di dalam politik negara - langit tidak selalu cerah. Tentang pembangunan sumber manusia, meskipun keadaan ekonomi yang meruncing ianya tidak hanya dikekalkan, malah perlu diperluaskan lagi. Sediakan payung sebelum hujan.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya mengutarakan semua perkara ini, saya ingin juga mengambil peluang ini untuk menyuarakan serta berkongsi pandangan terhadap beberapa masalah yang melibatkan penduduk luar bandar dan kaum bumiputera yang mundur di Sarawak yang kebanyakan adalah peribumi kaum Iban. Dengan peluang ini juga saya ingin membuat beberapa cadangan untuk membina atau menghapuskan beberapa masalah yang mendatangkan kesan terhadap sosio-ekonomi penduduk luar bandar yang miskin. Adalah tidak memadai hanya dengan mengurangkan jurang antara yang kaya dan miskin tetapi usaha mesti dilaksanakan untuk mengurangkan atau menghapuskan sama sekali kemiskinan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pendidikan iaitu Maksud B.26 adalah diperuntukkan RM10,000 juta lebih untuk pendidikan. Saya telah

difahamkan pada tahun 1993 *Borneo Review* telah menyiarkan kajian mengenai pendidikan luar bandar di Sarawak oleh Tan Chee Beng, Pensyarah Bahagian Antropoligi dan Sosiologi, Universiti Malaya telah menyimpulkan senario yang membimbangkan terhadap perkara di atas. Hasil kajian ini bukanlah merupakan satu perkara yang baru. Kita telah menyentuh mengenai perkara itu dalam tiap-tiap seminar, dialog dan konvensyen. Juga semasa persidangan Parlimen dan ADUN semenjak beberapa dekad yang lalu setakat ini tiada apa-apa perubahan atau pembaharuan dan tiada sesiapa yang berani tampil ke hadapan untuk mengemukakan masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di luar bandar dan golongan bumiputera yang mundur.

Tuan Yang di-Pertua, jurang kemudahan atau standard pembelajaran di antara luar bandar dengan bandar adalah membimbangkan. Pelajar di bandar telah menikmati dan terjamin dengan kemudahan-kemudahan asas seperti komputer, kelas tabika, guru-guru yang berpengalaman, kemudahan jalan raya, kelengkapan fizikal dan bahan bacaan, buku teks, perabot, surat khabar, bahkan elektrik dan lain-lain kemudahan yang berkaitan. Sementara itu ibu bapa juga beranggapan kemudahan-kemudahan seperti di atas hampir tidak wujud di sekolah-sekolah luar bandar. Kebanyakan daripada bilik darjah dan tempat tinggal pelajar adalah dalam keadaan yang menyedihkan. Bilik darjah yang beratap zink adalah terlalu panas pada siang hari, sementara beratap daun pula di pedalaman akan mengalami kebocoran semasa hari hujan.

Keadaan persekitaran sekolah juga didapati tidak sesuai untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Apatah lagi untuk memotivasikan para pelajar untuk berada di sekolah. Ini bukan hanya faktor penyebab terhadap kemerosotan prestasi akademik, malah juga sebagai penyebab masalah keciciran pelajar yang tinggi. Begitu tempat kediaman guru-guru didapati tidak jauh bezanya dengan keadaan kediaman para pelajar mereka. Apabila dua elemen utama dalam pendidikan ini diabaikan, maka keputusan yang diperolehi adalah mendukacitakan. Menurut laporan tidak rasmi seramai 41,000 orang

pelajar yang tercicir dari sekolah di antara tahun 1991 hingga 1997. Kita mempunyai alasan yang kukuh untuk mengandaikan bahawa sebahagian besar pelajar tercicir ini adalah terdiri dari pelajar-pelajar luar bandar. Keadaan di rumah ini juga didapati tidak sesuai untuk mereka belajar kerana tidak adanya kemudahan bekalan elektrik dan mereka terpaksa menggunakan lampu minyak tanah.

Tuan Yang di-Pertua, adalah didapati kebanyakan daripada keluarga pelajar luar bandar berada di bawah tahap kemiskinan. Ini menyebabkan hanya segelintir sahaja ibu bapa yang dapat membantu terhadap pelajaran anak-anak mereka. Satu-satunya harapan pelajar luar bandar ialah dengan mengharapkan agar pihak yang bertanggungjawab mempercepat untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang telah dinikmati oleh pelajar-pelajar bandar. Mereka juga berharap agar usaha yang bersungguh-sungguh dan segera hendaklah diambil ke arah itu.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat* ]

Tuan Yang di-Pertua, semakin lama masalah ini dibiarkan berterusan maka semakin sukarlah penduduk luar bandar yang terlibat. Ini akan menyebabkan mereka akan berasa kurang berpuas hati terhadap kerajaan dan bentuk sistem pemerintahan negara. Kesannya nanti ialah wujudnya ketidakstabilan sosial, politik dan ekonomi serta keadaan yang huru-hara. Kita perlu memandang jauh mengenai keadaan seumpama itu.

Tuan Yang di-Pertua, kajian juga mendapati sukatan pelajaran dan kandungan buku teks yang terlalu banyak cenderung kepada kepentingan pelajar bandar juga merupakan halangan untuk pelajar luar bandar di samping berusaha mencapai kejayaan yang cemerlang. Mereka juga didapati lemah dalam kebanyakan mata pelajaran seperti Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris. Saya berharap Kementerian Pendidikan mengambil serius terhadap mata pelajaran yang disebut tadi. Terdapat inspirasi dan motivasi yang rendah untuk pelajar di sekolah luar bandar, kebanyakan daripada pelajar tercicir di

peringkat sekolah menengah. Mereka beranggapan bahawa cuma terdapat sedikit sahaja peluang pekerjaan. Satu-satunya cara atau jalan ialah sebagai pemandu jentolak di kem pembalakan, dengan keadaan yang meruncing di bidang industri pembalakan tiada banyak pilihan lagi oleh penduduk luar bandar dan bumiputera yang miskin untuk menyara anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyebut tentang peluang perniagaan. Kebanyakan masyarakat luar bandar tidak tahu apa-apa peluang perniagaan, mereka dibiarkan bersendirian menceburi bidang tersebut. Mereka begitu jauh juga ketinggalan daripada arus pembangunan ekonomi bukan kerana kehendak mereka tetapi oleh ketetapan keadaan. Kawasan luar bandar kebanyakan tidak boleh dihubungi, tidak ada jalan raya dan tiada sistem perhubungan yang baik dan juga didapati tiada surat khabar, televisyen dan perkhidmatan pos. Mereka dianggap seperti 'katak di bawah tempurung'. Ahli-ahli perniagaan didapati tidak membawa peluang perniagaan ke kawasan luar bandar kerana keadaan tempat itu sukar dihubungi. Pihak yang berkuasa mempunyai agenda yang tersendiri, keutamaan mereka adalah di tempat lain. Masyarakat luar bandar terus dibiarkan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi cadangan sedikit mengenai tanah-tanah terbiar lebih-lebih lagi di negeri Sarawak. Oleh itu juga saya berharap Kementerian Pertanian yang telah diberi peruntukan sebanyak RM1 juta lebih untuk mengendalikan semua perkara berkaitan dengan pertanian, lebih-lebih lagi dalam perkara makanan kita. Saya merayu kepada Kementerian Pertanian lebih-lebih lagi mengambil kepentingan berusaha untuk membangunkan tanah-tanah terbiar untuk kita menanam apa-apa jenis sayur-sayuran atau tumbuh-tumbuhan untuk keperluan negara kita. Dengan itu juga saya merayu Kementerian Pertanian akan menggunakan tanah gambut lebih-lebih lagi yang terbiar di negeri Sarawak untuk menanam padi. Jikalau mereka dapat menggunakan itu saya fikir negara kita tidak ada masalah untuk

mengimport beras dari negara jiran. Oleh itu saya harap Kementerian Pertanian memikirkan perkara ini dengan lebih serius .

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh kemudahan-kemudahan asas, bahan bantuan kepada Kementerian Pendidikan. Ketika ini saya jangka kita tidak ada pilihan lain untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar sekolah di luar bandar dan memberi motivasi kepada guru di sekolah luar bandar untuk lebih berdedikasi dalam menjalankan tugas mereka. Untuk itu, saya ingin mencadangkan tindakan-tindakan seperti berikut. Peruntukan kewangan yang lebih hendaklah diagih di sekolah-sekolah luar bandar, keutamaan hendaklah diberi untuk kerja-kerja membina bangunan sekolah yang usang, tempat tinggal pelajar-pelajar dan guru-guru, tandas-tandas dan kemudahan rekreasi, buku-buku teks, bahan-bahan pengajaran dan bacaan, bekalan air dan elektrik. Ini untuk kepentingan sekolah-sekolah dan guru-guru di pedalaman. Kita mesti melatih dan menempatkan guru yang berpengalaman dan berkelayakan. Telah menjadi amalan dan masih terus diamalkan oleh pihak yang bertanggungjawab melantik dan menempatkan pelajar lepasan sekolah dan guru yang tidak terlatih untuk mengajar di sekolah-sekolah di luar bandar. Saya berpendapat amalan tersebut patut dihentikan kerana ianya tidak praktikal.

Saya ingin mencadangkan agar Kementerian Pendidikan mengambil tindakan yang serius sebelum masalah yang dihadapi mencapai kepada tahap yang kritikal. Kepada pelajar luar bandar juga semestinya mendapat layanan yang sama rata dengan rakan-rakan mereka di bandar. Mereka berhak untuk mendapat perkhidmatan guru-guru yang terlatih dan berpengalaman. Dengan ini juga saya ingin merayu kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar oleh kerana mereka tergolong dalam menyumbangkan kelas perpaduan rakyat. Pelajar luar bandar memasuki alam persekolahan pada usia mereka mencapai umur tujuh tahun iaitu di peringkat darjah satu. Mereka didapati dua tahun kebelakangan berbanding dengan pelajar di bandar yang normal dari segi

pengetahuan dan pendedahan. Oleh itu, saya sekali lagi menyeru Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk memikirkan, memerhatikan dan menubuhkan lebih banyak lagi kelas tadika diberi tumpuan kepada rakyat di luar bandar. Oleh itu, mereka akan dapat menghantar anak-anak mereka kepada kelas tadika yang wujud. Seterusnya mereka didapati semakin berkurangan apabila dikatakan tidak mendapat bimbingan sempurna daripada ibu bapa mereka yang sudah sedia ada tidak berpengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pertimbangan wajar dibuat terhadap faktor ini dan faktor-faktor lain yang berkaitan adalah jelas dan anak-anak luar bandar yang amat memerlukan kemudahan prasekolah atau kelas tadika dan bukannya kanak-kanak di bandar. Oleh itu, saya dengan sesesungguhnya merayu agar Kementerian Pendidikan atau Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang mempunyai kuasa dan segala sumber, secara serius mengadakan kemudahan-kemudahan tersebut dengan secara segera bagi mengimbangi keadaan yang sedia ada di tahap minimum, kalau tidak pun, diperbetulkan. Prosedur bagi pelajar untuk melangkah ke peringkat yang lebih tinggi di dalam sistem pendidikan kita adalah berdasarkan kepada pencapaian yang terbaik di dalam peperiksaan. Berdasarkan latar belakang pelajar luar bandar yang sedia ada ditambah dengan syarat yang ditetapkan, tiada ruang bagi mereka untuk bersaing dengan pelajar bandar. Dengan demikian sekiranya keadaan ini berterusan maka pelajar luar bandar akan terus ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai pembangunan tanah. Pembangunan tanah tidak mungkin dapat dinikmati oleh setiap penduduk luar bandar yang miskin di Sarawak kerana ketiadaan kesesuaian tanahnya dan masalah sistem perhubungan. Dengan ini saya ingin mencadangkan agar pihak yang berkenaan membuat kajian pelan induk secara menyeluruh, mengenal pasti bentuk pembangunan ekonomi yang dapat membawa penubuhan di kawasan luar bandar.

Sarawak sesungguhnya terkenal dengan keindahan ekologinya, keindahan yang serupa yang juga banyak terdapat di sebahagian besar kawasan luar bandar. Dengan yang demikian, pembangunan ekonomi seperti pelancongan tidak hanya ditumpukan di satu atau dua kawasan sahaja tetapi mesti ditumpukan di kawasan-kawasan lain yang mempunyai daya tarikan dan keindahan yang sama. Sarawak juga adalah terkenal dengan hasil kerja kraftangan, ketika ini sumber ini sedang dimanipulasi dan menguntungkan beberapa orang sahaja yang mana mereka bukanlah penduduk luar bandar. Ini kerana mereka mempunyai sumber kewangan untuk membesarkan pengeluaran mereka.

Kekurangan sumber kewangan mungkin bukan satu-satunya punca yang menghalang penduduk luar bandar untuk menceburi diri dalam bidang ini secara besar-besaran untuk mendapat keuntungan. Walau bagaimanapun, pihak yang berkenaan perlu memberi tumpuan terhadap perkara ini dengan segera. Pihak yang berkenaan amat dihargai sekiranya mereka dapat membangunkan mini industri cottage atau mini industri estet bagi tujuan menjalankan aktiviti perniagaan seumpama itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh B.52 – Kementerian Kerja Raya yang baru-baru ini telah diperuntukkan sejumlah RM1 bilion untuk melaksanakan projek-projek seumpama itu. Oleh yang demikian, saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kerja Raya datang ke Sarawak untuk melihat sendiri keadaan jalan raya yang sedia ada di Sarawak.

Saya telah beberapa kali menyentuh dalam Dewan yang mulia ini mengenai jalan dari simpang Betong ke Kayu Malam yang hanya 80 km sahaja. Jalan itu adalah satu-satunya highway di Sarawak. Oleh yang demikian, telah diberi maklumat mengenai perkara ini, kelewatan melaksanakan projek ini yang telah ditangguhkan sementara, tetapi kalau Yang Berhormat sedia maklum keadaan jalan raya itu oleh kerana kebanyakannya selekoh dan berlubang-lubang, yang tidak dibaiki dengan sempurna

menyebabkan banyak kemalangan berlaku di tempat itu. Saya berharap Kementerian Kerja Raya telah mengambil serius dengan perkara ini.

Kita sedia maklum dan merasa kagum serta bangga dengan pembangunan di Malaysia. Oleh kerana di Semenanjung ini ada banyak highway iaitu East-West Highway dan North-South Highway. Di Sarawak hanya ada satu sahaja highway tetapi malangnya highway itu pun tidak memuaskan. Saya berharap kementerian mengambil berat terhadap perkara ini. Begitu juga dengan perkhidmatan feri. Tidak lama lagi kita akan merayakan Hari Raya Puasa, selepas itu Tahun Baru Cina. Perkhidmatan feri walaupun setakat ini sudah diswastakan, tetapi perkhidmatannya adalah membimbangkan. Walaupun diberi dua feri untuk menyeberang sungai Rejang di Durin, masa hanya diberi dari pukul 4.00 pagi hingga pukul 11.00 malam, satu lagi dari 4.00 pagi hingga 6.00 petang. Apabila musim perayaan seperti Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina serta Krismas yang akan datang, kesesakan feri akan berlaku dan menyebabkan kereta-kereta tidak dapat menyeberang dengan secepat mungkin.

Kebanyakan alasan-alasan feri operator itu hanyalah feri yang tidak berapa baik. Saya berharap Kementerian Kerja Raya mengambil tegas apakah sebab-sebab atau operator itu sengaja hendak mengelakkan perkara ini berlaku. Oleh itu juga semasa perayaan itu kita menunggu di feri lebih kurang dalam masa tiga atau empat jam. Kalau kita bertolak dari Miri misalnya ke Kuching. Dari Miri ke ferry point di Rejang ini mengambil masa empat jam. Kita akan mengambil masa menunggu untuk giliran menyeberang selama empat jam. Apabila jambatan Durin dibuat kelak, kemungkinan kita tidak perlu menunggu di feri lagi dan tidak membuang masa kerana kita dapat meneruskan perjalanan melalui jambatan. Saya telah beberapa kali membangkitkan masalah mengenai jambatan Durin di Dewan yang mulia ini, oleh itu kali ini saya berharap kementerian ini mengambil perhatian serius dalam perkara ini. Saya faham walaupun kerajaan mengalami kegawatan ekonomi tetapi perkara ini

amat penting untuk negeri Sarawak. Oleh kerana Sarawak telah dibahagi kepada dua bahagian dengan arus Sungai Rejang. Saya berharap kementerian mengambil perhatian yang serius.

Mengenai Kementerian Pengangkutan, saya ingin menyentuh sedikit mengenai syarat-syarat pengeluaran lesen dan permit untuk orang pedalaman luar bandar. Mereka itu sukar hendak mendapat lesen oleh kerana syarat-syarat ketat yang dikenakan oleh JPJ dalam permohonan lesen bas mini atau kereta sapu. Oleh itu saya berharap kementerian berkenaan jangan mengenakan syarat yang terlalu ketat kepada mereka yang memohon untuk mengendalikan operasi kereta-kereta seperti yang dinyatakan di atas. Saya juga ingin merayu kepada Kementerian Pengangkutan, kepada mereka yang menggunakan teksi pun diberi syarat yang lebih mudah, jangan diketatkan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa hendaklah tidak terlalu ketat dan hendaklah mengendurkan syarat-syarat terutama pengeluar lesen atau permit perniagaan seperti lesen kontraktor pembinaan bangunan, lesen pengusaha penumpang teksi, bas mini dan sebagainya. Inilah satu-satunya perniagaan yang mampu dikendali oleh penduduk-penduduk luar bandar dan kaum bumiputera yang miskin. Mereka tidak mungkin mampu untuk bersaing di dalam projek-projek yang memerlukan modal yang besar, profesional dan tenaga mahir, dengan demikian sebarang bentuk bantuan yang berpatutan mestilah diberi kepada mereka di dalam usaha untuk meminimumkan masalah ekonomi yang dihadapi. Sesungguhnya ini sangat penting sekiranya mereka ingin menceburi dalam sektor perladangan kelapa sawit dan lain-lain peluang yang diagihkan kepada masyarakat. Dengan yang demikian, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim.

**4.30 ptg.**

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi laluan kepada saya untuk turut sama-sama membahas Belanjawan 1999 pada hari ini. Saya begitu tertarik untuk menyentuh masalah kegawatan ekonomi negara kita yang memberi kesan kepada rakyat Malaysia terutama sekali bagi mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana. Masalah pengangguran semakin meningkat disebabkan pemberhentian ramai pekerja di sektor perkilangan dan syarikat swasta. Pemberhentian pekerja yang telah menyebabkan sebahagian rakyat kehilangan mata pencarian atau pendapatan untuk meneruskan hidup. Terdapat pekerja yang langsung tidak dibayar pampasan walaupun sudah 20 tahun bekerja di suatu syarikat atau di kilang. Kesengsaraan ini ditambah pula dengan kenaikan harga barangan termasuk barang keperluan asas seperti beras, gula, tepung, susu, minyak dan lain-lain.

Bagi rakyat golongan kaya atau golongan pertengahan kemungkinan kenaikan harga barangan tidak menjejaskan perbelanjaan mereka, tetapi bagi golongan rakyat miskin yang mempunyai keluarga yang besar senario ini amat memilukan. Kesengsaraan rakyat terutama golongan miskin dalam menikmati kegawatan ekonomi ini perlulah diambil perhatian yang serius. Mungkin kita tidak merasakan keperitan mereka kerana kita berada di tahap yang lebih baik dari mereka. Namun demikian adalah menjadi tanggungjawab wakil-wakil rakyat yang dipilih untuk menyampaikan inspirasi dan keluhan rakyat di bawah tanggungannya kepada kerajaan agar bantuan ataupun apa jua bentuk sumbangan dapat dihulurkan.

Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi jika dilihat dari segi satu sudut merupakan satu musibah yang melanda kita yang kita terlalu mementingkan kemajuan material semata-mata tanpa mengambil kira kemajuan spiritual. Oleh itu Islam telah menggariskan bahawa dalam setiap aspek pembangunan insan, masyarakat dan negara mestilah didasar kepada unsur-unsur akidah. Rasulullah s.a.w. menerapkan iman dan akidah ke dalam

jiwa para sahabat dan sohabiah dalam pembentukan sebuah pemerintahan Islam yang unggul.

Kerajaan Islam yang dibina oleh baginda Rasulullah mampu menjadi sebuah empayar yang digeruni dan disanjung oleh musuh Islam sezaman dengannya, namun begitu hingga sekarang, musuh-musuh Islam amat takut jika Islam kembali gemilang. Di bawah naungan pemerintahan Islam setiap aspek kehidupan disandarkan kepada akidah. Pembangunan ilmu seperti ilmu ekonomi, ilmu sains, ilmu astronomi, ilmu matematik dan ilmu geografi disandarkan kepada akidah.

Kesimpulannya akidah mesti menjadi teras kepada semua program pembangunan yang dilaksanakan di dalam sesebuah negara tidak terkecuali juga dalam pengurusan kewangan negara. Yakinlah bahawa pemerintahan yang bersandarkan kepada akidah sahajalah yang mampu membawa keberkatan dunia dan akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, apabila berlakunya krisis ekonomi maka kita cuba menyalahkan spekulator asing yang bernama George Soros yang secara kebetulan seorang Yahudi. Kesilapan kita sendiri kadang-kadang sukar untuk kita akui. Kita dapat lihat beberapa bulan yang lalu apabila Perdana Menteri membuat kenyataan mengecam Soros setiap kali pasaran saham terus jatuh. Soros merupakan pedagang mata wang yang memang profesionnya mengaut keuntungan segera melalui peluang-peluang yang ada. Apabila melihat ekonomi kita sudah semakin rapuh, Soros dan lain-lain spekulator mata wang menyerang pasaran mata wang kita. Mereka itu siapa, kita ini siapa. Kita tahu ekonomi dunia dikawal oleh Yahudi, kita juga tahu siapa yang mengawal ekonomi Amerika Syarikat, kalau tidak Yahudi. Sistem riba yang diperkenalkan oleh orang Yahudi menjadi teras kepada sistem pengurusan ekonomi dunia masa kini. Sistem inilah yang menghancurkan ekonomi kita sekarang.

Kita sebagai insan, makhluk Allah yang istimewa dengan nikmat akal, kita disuruh merancang, perancangan kita lakukan haruslah mengambil kira dengan sesuatu yang diizinkan oleh Tuhan pencipta kita tetapi kita tidak menafikan banyak perancangan yang telah dilakukan oleh kerajaan dan berjaya melaksanakan dengan baik. Pada umumnya pihak kerajaan merancang dan melaksanakannya tanpa mengira direstui oleh Islam atau sebaliknya, kita terus lakukan. Apa salahnya kita cuba dan berusaha untuk modifikasi sesuatu yang telah ada dan merancang sesuatu yang akan kita lakukan dengan mengambil kira perkara yang Allah reda kerana hanya melalui keredaan Allah kita akan dapat berkat dan rahmat.

Melalui rahmat dan berkat dari Allah, kita akan berada di dalam keadaan aman, aman kehidupan seharian, aman dan tenang jiwa kita sepanjang zaman. Yang paling penting ialah kejayaan hidup dunia dan keredaan hidup di akhirat. *[membaca sepotong ayat al-Quran]* yang bermaksud, “kita merancang, Allah jua merancang, sesungguhnya perancangan Allah itu lebih baik”. Oleh itu, saya mengharap kepada pihak kerajaan untuk memikirkan sebarang perancangan di samping berusaha untuk mengubah sesuatu dari kejahilan kepada jalan hidayah. Perkara ini bukanlah suatu perkara yang mustahil.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mencadangkan supaya kita merujuk kembali kepada sistem pengurusan ekonomi dan kewangan Islam yang adil dan saksama dengan menggunakan Islam Development Bank sebagai foundation atau asas untuk menggerakkan sesebuah institusi kewangan Islam bertaraf dunia dan seterusnya mengambil Islamic dinar sebagai ukuran yang lebih stabil berbanding dengan dollar Amerika. Biarlah negara kita menjadi pelopor kepada sistem pengurusan kewangan Islam. Jika kita boleh menjadi juara tuan rumah Sukom '98, 40 tahun pengalaman kita menjadi tuan rumah musabqah al-Quran, saya tidak dapat lihat bagaimana kita tidak boleh menjadi juara dalam memelopori Sistem Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Islam yang lebih selamat dan menjadi kesejahteraan ummah di dunia dan di akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, kita sering melaungkan kalimah 'Malaysia Boleh' di setiap bidang yang ingin kita juarai. Oleh itu dalam mewujudkan Sistem Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Islam bertaraf dunia, saya berkeyakinan penuh Malaysia boleh melaksanakan jika ada kesungguhan dari pihak kerajaan, ibarat kata pepatah, hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Hendak seribu daya, kalau tidak mahu seribu cara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh di dalam bidang pendidikan. Belanjawan 1999 telah memperuntukkan sejumlah wang yang banyak bagi membantu kelancaran perjalanan pendidikan di negara kita. Kita amat mengharapkan peruntukan yang diberikan itu diagihkan secara adil kepada semua negeri dan semua peringkat pendidikan sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Kemudahan infrastruktur pendidikan perlu disediakan serta dibaik pulih atau dinaikkan taraf terutamanya di kawasan luar bandar yang masih memerlukan kemudahan pendidikan seperti asrama, sekolah, rumah guru, bangunan-bangunan sekolah yang telah tua, makmal dan sebagainya.

Kita juga dikejutkan dengan peruntukan belanjawan makanan asrama sekolah yang hanya ingin membekalkan makanan untuk lima hari dalam seminggu kepada para pelajar. Oleh itu pelajar yang tinggal di asrama terpaksa pulang ke rumah pada hujung minggu walaupun sekolah jauh dari rumah dan terpaksa berhadapan dengan masalah pengangkutan untuk berulang alik ke rumah yang terpaksa mengambil masa yang lama.

Di sini saya ingin meminta kepada pihak Kementerian Pendidikan agar meneliti semula perkara ini agar peruntukan untuk makanan di asrama sekolah luar bandar dibekalkan seperti biasa iaitu tujuh kali seminggu.

Saya juga ingin merayu kepada kerajaan agar berusaha mengatasi masalah kekurangan tempat institusi pengajian tinggi disebabkan keputusan kerajaan untuk tidak menghantar pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran ke luar negara terutama pusat matrikulasi. Penyediaan pusat-pusat matrikulasi amat

diperlukan memandangkan sistem francais matrikulasi yang telah dilaksanakan hampir tiga tahun telah membebankan rakyat yang berpendapatan rendah untuk meneruskan pelajaran disebabkan kadar yuran yang dikenakan agak tinggi dibandingkan dengan yuran yang dikenakan oleh institusi pendidikan tinggi awam.

Saya amat mengharapkan agar kadar yuran yang ditetapkan oleh institusi pendidikan tinggi swasta dikaji semula dan ini memerlukan campur tangan kerajaan untuk mengawasi penetapan kadar yuran kolej dan institusi swasta agar ianya tidak membebankan pelajar dan khasnya kepada ibu bapa pelajar. Didapati ramai pelajar yang tidak dapat meneruskan pengajian ke pusat pengajian tinggi kerana masalah kewangan. Kita tidak dapat menafikan terdapat kemudahan pinjaman ataupun bantuan kewangan yang disediakan tetapi proses untuk mendapatkannya memakan masa yang terlalu lama.

Langkah kerajaan yang telah menubuhkan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional adalah suatu langkah yang baik untuk ke arah membantu golongan yang kurang mampu untuk meneruskan pengajian. Walau bagaimanapun, saya mengharapkan agar pinjaman yang diberikan kepada pelajar diperluaskan kepada penuntut di peringkat sijil dan diploma, bukannya untuk peringkat ijazah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada berita yang dikeluarkan pada 4 November 1998 dan 5 November 1998 dan kita dikejutkan pula dengan berita kegagalan 961 orang pelajar iaitu kira-kira 72% daripada 1,616 pelajar matrikulasi di UKM yang mana menuntut di 11 kolej swasta di dalam peperiksaan semester pertama Mei lalu. Kita amat dukacita dengan prestasi yang ditunjukkan oleh anak-anak kita. Di manakah silapnya dengan sistem francais yang dilaksanakan atau sememang pelajar-pelajar yang mengikuti sistem francais itu terdiri daripada pelajar yang lemah akademiknya dan tidak layak untuk memasuki IPTA. Berdasarkan berita tersebut, timbul persoalan dalam diri saya tentang masalah sebenarnya yang menyebabkan kegagalan itu

kerana saya yakin pemantauan pasti dilakukan terhadap kolej-kolej swasta yang menjalankan francais dengan universiti berkenaan.

Pihak kementerian, Jabatan Pendidikan Negeri dan Lembaga Aktreditasi Negara perlu memainkan peranan untuk mengkaji semula pengiktirafan yang telah diberikan terhadap penubuhan kolej-kolej swasta tersebut, sama ada dalam aspek kemudahan prasarana yang disediakan kepada pelajar termasuk kemudahan pembelajaran dan tenaga pensyarah yang disediakan serta sukatan pelajaran ataupun kandungan kursus.

Perbandingan keputusan peperiksaan antara pelajar kolej swasta dengan pelajar yang belajar di kampus UKM sendiri jauh berbeza kerana hanya 7.2% sahaja yang gagal dicapai keputusan minimum. *Berita Minggu* yang bertarikh 22 November 1998 telah menyentuh berkaitan dengan matlamat kerajaan untuk menambah bilangan penuntut matrikulasi seramai 22,000 orang pada tahun hadapan di mana 12,000 orang daripadanya akan dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan, 6,000 oleh MARA dan 4,000 oleh IPTS. Pada pendapat saya, sebelum kerajaan membuat keputusan untuk menempatkan pelajar-pelajar IPTS, kerajaan perlu membuat analisa terperinci terhadap pencapaian prestasi IPTS pada tahun ini sama ada wajar ataupun tidak kolej-kolej swasta tersebut dibenarkan terus beroperasi atau sebaliknya kerana kita bimbang institusi tersebut beroperasi hanya sekadar untuk mengaut keuntungan semata-mata.

Usaha kerajaan untuk membestarikan sekolah adalah satu langkah baik walau bagaimanapun kebanyakan sekolah daripada 80 buah sekolah yang dicadangkan untuk dijadikan sekolah bestari itu terdiri daripada sama ada sekolah di bandar ataupun di luar bandar, yang saya mengharapkan pihak kerajaan tidak membiarkan tercicirnya ilmu teknologi maklumat itu kepada anak-anak di luar bandar.

Saya amat mengharapkan agar program komputer dan pendidikan tidak hanya tertumpu atau khusus kepada sekolah-sekolah di bandar sahaja tetapi

juga perlu didedahkan kepada pelajar-pelajar di luar bandar agar golongan pelajar-pelajar di luar bandar tidak ketinggalan dalam komputer dan multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, masalah gejala sosial makin berleluasa di negara kita, adakah sistem pendidikan kita gagal atau mungkin disebabkan keruntuhan institusi keluarga ataupun suasana persekitaran yang mempengaruhi. Sekarang gejala sosial sudah menjadi suatu masalah nasional yang terpaksa dibendung dengan mengadakan pelbagai program dengan aktiviti, contohnya Program Rakan Muda, Rakan Masjid dan sebagainya. Tetapi ternyata program yang dilaksanakan belum memuaskan, kalau hendak disenaraikan di sini gejala sosial begitu banyak sekali gangguan seksual, pembuangan bayi, bohsia, bohjan, lepak, penderaan kanak-kanak dan wanita, sesungguhnya menggerunkan. Kita tidak dapat menjangka apa yang akan berlaku kepada anak cucu kita pada masa hadapan, kepincangan akhlak yang berlaku dalam masyarakat kita memerlukan kepada penyelesaian segera berdasarkan kepada Islam. Islam mengutamakan mencegah lebih baik dari mengubat, contohnya zina. Islam melarang perkara-perkara mendekati zina [*membaca ayat al-Quran*] yang bermakna, “jangan mendekati zina, sesungguhnya ia merupakan bencana buruk dan jalan yang terkutuk”, seperti pergaulan bebas lelaki dan wanita yang bukan mahram tanpa batas, pendedahan aurat dan sebagainya. Cara berpakaian juga boleh mendorong berlakunya gangguan seksual.

Di sini saya sebagai seorang wanita ingin timbulkan isu penutupan aurat yang hangat dibincangkan pada suatu masa dahulu, walaupun setengah pihak menganggap ianya hanyalah isu lama tetapi bagi saya apa sahaja yang berlaku berkaitan dengan Islam ianya adalah sentiasa relevan. Oleh itu, saya merayu kepada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk memberi penerangan yang berterusan agar ianya akan menimbulkan kesedaran yang berkesan kepada wanita Islam supaya menutup aurat.

Membatasi pergaulan bebas lelaki dan perempuan mungkin merupakan suatu cara yang baik bagi mengatasi masalah sosial dan keruntuhan akhlak. Di samping pengaruh media yang berperanan menghancurkan akhlak muda-mudi perlulah dikawal, drama-drama Melayu yang menggambarkan budaya bebas lelaki dan wanita remaja Melayu Islam perlulah dikaji semula ataupun kalau boleh dihentikan. Majalah-majalah hiburan yang memaparkan artis-artis pujaan di muka hadapan dengan aksi yang menjolok mata dan mendedahkan sebahagian tubuh perlu dibendung. Di sini pihak KDN perlu mengambil tindakan sewajarnya bagi menangani masalah ini, tindakan perlu diambil kerana majalah terbabit tidak memberi sebarang sumbangan yang positif kepada pembentukan akhlak remaja, malahan ianya lebih menjurus kepada unsur-unsur yang negatif kerana kita sedia maklum bahawa golongan remaja yang akan menjadi bakal pemimpin di masa hadapan dan merekalah golongan utama yang membaca majalah hiburan.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya seperti yang saya sebutkan tadi bagi menangani gejala sosial, mencegah lebih baik dari mengubat kerana apabila berlaku yang gejala-gejala negatif tadi, kita terpaksa menanggung kos yang tinggi untuk mengubat. Oleh itu, saya tidak berminat untuk membincangkan bidang-bidang lain, cukuplah dan saya merasakan kawan-kawan dalam Dewan ini akan mengambil bahagiannya. Bagi mengakhirinya, saya turut menyokong perbekalan Belanjawan 1999 dan saya akhiri dengan ucapan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng.

**4.50 ptg.**

**Puan Tan Ah Eng:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi negara kita Malaysia telah membuktikan kepada dunia bahawa kita memang boleh terutamanya selepas

negara kita dapat mengendalikan dua acara bertaraf antarabangsa dengan begitu berjaya sekali iaitu Sukom ke-XVI dan baru-baru ini Persidangan Kemuncak Pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik Kuala Lumpur, malah campurtangan politik Amerika Syarikat melalui kenyataan memalukan oleh Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore yang cuba menyemarakkan rusuhan dalam negara kita. Satu langkah yang biadap dan sikap angkuh pihak Amerika Syarikat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia tetap menunjukkan sebagai tuan rumah yang begitu sopan dan penuh kemesraan. Syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan. Kita tetap berdiri teguh dan beri sokongan yang padu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Ketika negara kita terus berhempas pulas memajukan negara setelah dilanda kegawatan ekonomi sejak Julai 1997, negara kita terus disanggah dengan cara halus atau terang-terangan bertujuan untuk memundurkan dan menjatuhkan sekali gus, menakluki dan menjajah negara kita keseluruhannya oleh dalang besar luar negara. Namun demikian, setakat ini negara kita masih berupaya mempertahankan ekonomi kita dan tidak memerlukan pinjaman daripada Dana Kewangan Antarabangsa. Kita berkeyakinan penuh bahawa segala usaha ini dapat dipertahankan sehingga ekonomi global serantau menjadi pulih. Memandangkan keadaan ekonomi dalam negara kita telah beransur pulih dan kegiatan ekonomi dan perdagangan yang semakin meningkat, ini telah menunjukkan kesan-kesan positif hasil daripada langkah-langkah yang telah diimplementasikan oleh kerajaan dalam menangani masalah kegawatan ekonomi ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping memberi sokongan bagi segala usaha kerajaan dalam Belanjawan 1999, saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengemukakan beberapa perkara yang saya fikir adalah mustahak dan perlu untuk dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Baru-baru ini berikutan dengan meminda Akta Pembahagian 1958 kepada Akta Pembahagian (Pindaan) 1997,

kita amat menyedari bahawa kerajaan kita memang peka dan prihatin tentang isu-isu kesamarataan di antara kaum lelaki dan wanita dengan meminda beberapa undang-undang yang lapuk dan dianggap tidak bersesuaian dengan perkembangan semasa. Namun demikian, masih terdapat undang-undang atau peraturan-peraturan seumpama ini yang perlu diubah atau diperbaiki dengan tujuan bukan sahaja dapat lebih mengimbangi peranan dan tanggungjawab di antara kaum lelaki dan wanita sebagai ibu bapa dalam satu keluarga, malahan ia dapat berfungsi secara lebih berkesan demi melicinkan sesuatu proses pentadbiran serta urusan rasmi yang dialami oleh keseluruhan rakyat jelata amnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menyuarakan perkara ini dengan tujuan menarik perhatian pihak berkuasa tentang hak dan tanggungjawab seorang ibu dan seorang bapa terhadap anak atau anak-anak mereka. Pada lazimnya pihak bapa yang hanya mempunyai hak dan tanggungjawab terhadap segala urusan dokumen rasmi bagi anak-anaknya seperti permohonan pasport dan sebagainya, manakala pihak ibu tidak berhak atau tidak diiktiraf langsung segala haknya untuk menguruskan bagi pihak anak atau anak-anaknya walaupun dalam keadaan ketiadaan pihak bapa sama ada perpisahan antara suami isteri, peninggalan suami tanpa perceraian rasmi dan sebagainya. Perkara ini terus berlarutan dan menjadi tandatanya bagi kaum ibu atau wanita khususnya sehingga hari ini.

Bagi isu yang kedua, tidak dapat dinafikan Akta Membaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian 1976 yang merupakan satu akta yang lebih lengkap sama ada dari segi proses atau acara rasmi perkahwinan bagi kaum bukan beragama Islam sehingga hari ini. Akta berkenaan bukan sahaja merupakan satu pembaharuan yang nyata malahan mengadakan peraturan-peraturan yang lebih berkesan dalam proses perkahwinan, perceraian, pembahagian harta, penjagaan anak dan sebagainya. Di samping itu, akta ini juga dapat memberi satu jaminan yang lebih kukuh kepada kaum wanita di

dalam menentukan pihak suami yang tidak dibenarkan berkahwin lebih daripada seorang isteri. Namun demikian, semakin hari semakin bertambah isu atau masalah pihak suami yang telah melanggar undang-undang berkenaan dengan berkahwin dengan wanita lain sama ada melalui pendaftaran yang sah atau secara mengikut adat yang tidak sah dan mendapat anak dari perkahwinan yang kedua.

Masalah berkenaan semakin berleluasa dan sehingga setakat ini masih tidak mempunyai sebarang tindakan yang berkesan dapat diambil melainkan pihak isteri yang mengambil tindakan undang-undang melalui pihak peguam sahaja yang tentunya tidak akan mendatangkan sebarang kesan yang nyata dan sebaliknya akan terus memakan masa yang panjang. Pihak penguat kuasa sama ada pihak Jabatan Pendaftaran Negara itu sendiri ataupun pihak polis tidak dapat mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mendapatkan pihak suami yang bersalah ke mahkamah. Kebanyakan daripada pihak isteri tidak mempunyai pilihan yang lain atau berpeluang untuk membuat tuntutan yang adil tetapi hanya memohon perceraian dengan pihak suami sahaja.

Sehubungan dengan ini, sukalah saya menarik perhatian pihak-pihak yang berkenaan terutama pihak Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Peguam Negara supaya dapat mengadakan kajian dari segi aspek undang-undang yang sedia ada sekiranya mempunyai kemungkinan untuk mengadakan pindaan yang sesuai untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang wujud dalam undang-undang atau peraturan-peraturan berkenaan. Selama ini isu-isu berkenaan sering kali timbul dan dikemukakan oleh pihak pemimpin, pertubuhan dan sukarelawan wanita. Tujuan di hadapan kita tidak lain dan tidak bukan adalah semata-mata untuk memperbaiki dan melengkapkan undang-undang yang sedia ada supaya lebih berfungsi dan memberi manfaat kepada semua pihak masyarakat, keluarga dan generasi kita yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong penuh Belanjawan 1999. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Geoffrey.

**5.00 ptg.**

**Datuk Yee Lung Fook Geoffrey:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan I, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad atas pembentangan Belanjawan 1999 yang amat tepat dan sesuai pada suasana ekonomi masa kini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1999.

Tuan Yang di-Pertua, pada persidangan yang lepas saya pernah membangkitkan masalah air dan sungai. Perbincangan dan perbahasan yang hangat telah dijalankan di Dewan yang mulia ini lebih-lebih lagi pada ketika itu negara kita sedang menghadapi masalah kekurangan air di banyak tempat dan terpaksa menghadapi catuan air. Saya telah membangkitkan tentang kepentingan kita mengambil inisiatif untuk memastikan sumber air kita bersih dan selamat digunakan. Saya telah mencadangkan supaya langkah segera diambil untuk menguatkuasakan tanah simpanan sungai di kedua-dua tebing sungai, terutama sekali daripada tempat empangan hingga ke hulu sungai. Mengikut ordinan tanah yang sedia ada, setiap sungai mempunyai tanah simpanan sungai sepanjang 66 kaki atau dua kali ganda lebar sungai, tanah simpanan sungai ini tidak boleh diusik sama ada dengan mendirikan rumah atau dijadikan tempat pertanian. Ia mestilah dipelihara dalam keadaan semula jadinya. Ini akan memastikan air sungai ini sentiasa bersih sehingga ke tempat empangan air, dengan ini air yang dipam untuk dihantar ke loji pembersihan air adalah benar-benar bersih. Dengan penguatkuasaan tanah simpanan sungai ini kebersihan punca air akan lebih terjamin. Penguatkuasaan undang-undang ini akan menimbulkan pelbagai kerumitan kepada setengah-setengah pihak tetapi demi menjaga punca air yang lebih bersih, demi mengelakkan punca air daripada tercemar dan yang paling penting demi menjamin kesihatan setiap

rakyat, kita harus berkorban. Mereka yang bercucuk-tanam di tepi sungai dan mendirikan rumah berdekatan dengan sungai seharusnya tidak berbuat demikian bermula daripada awal lagi kerana kita memang tahu akan wujud tanah simpanan sungai ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya ingin mendapatkan kepastian daripada pihak berkuasa tempatan Jabatan Tanah dan Ukur, Jabatan Parit dan Saliran serta Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tentang apakah langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang telah diambil dalam hal ini? Saya juga berharap kita tidak hanya berbincang dan membahaskan perkara ini ketika kita menghadapi masalah tetapi selepas masalah ini berakhir, walaupun punca sebenar masalah ini belum lagi diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan dalam pembentangan Belanjawan 1999 baru-baru ini, cukai bagi rokok dan minuman keras telah dinaikkan. Walaupun pada satu ketika dahulu saya pernah bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan pada ketika itu sama ada kerajaan bercadang menaikkan cukai rokok, mengurangkan bilangan perokok terutama sekali di kalangan remaja yang semakin meningkat dan saya dimaklumkan bahawa kerajaan tidak bercadang untuk membuat demikian pada ketika itu. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mengumumkan peningkatan cukai terhadap rokok dan minuman keras. Langkah ini memang kena pada tempatnya walaupun ada pihak yang menganggap ini sebagai satu tindakan yang membebankan golongan yang berpendapatan rendah.

Peningkatan harga rokok sebenarnya bukan bertujuan menindas golongan yang berpendapatan rendah, ia sebenarnya satu langkah yang baik dan berkesan untuk mengelakkan orang ramai daripada terus ketagih dengan rokok. Kenaikan harga sebenarnya memberikan peluang dan alasan yang amat baik kepada mereka untuk berhenti daripada merokok. Walaupun hampir

semua perokok bersetuju bahawa merokok tidak membawa kebaikan kepada kesihatan tetapi ramai di antara para perokok merasa berat untuk berhenti merokok kerana harga rokok masih dianggap murah. Dengan peningkatan harga rokok saya berharap lebih ramai perokok akan berhenti merokok, terutama sekali golongan remaja dan pelajar-pelajar. Ini bukan sahaja dapat menghindarkan diri kepada tabiat yang kurang baik, malahan juga dapat menjimatkan wang ringgit mereka.

Di samping itu saya ingin mengulangi cadangan saya yang lalu supaya kerajaan meningkatkan usaha untuk membanteraskan rokok yang diseludup dari negara jiran kita. Kenaikan harga tentu sekali akan menambahkan lagi penyeludupan rokok haram kerana permintaannya dijangka bertambah. Oleh yang demikian, untuk benar-benar mencapai matlamat kenaikan harga rokok pihak berkuasa mestilah melipatgandakan usaha untuk membanteras kegiatan penyeludupan. Selama ini bukan tidak ada penguatkuasaan dibuat terhadap penyeludupan rokok haram tetapi kegiatan ini masih berleluasa malahan penjualan rokok tanpa duti dilakukan secara terbuka kebanyakannya di bandar utama di negeri Sabah seperti Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan dan Lahad Datu.

Saya percaya adalah sesuatu yang tidak kena atau ada sesuatu yang terabai dalam melaksanakan penguatkuasaan ini, oleh itu saya berharap pihak berkuasa berkenaan dapat mengkaji semula langkah dan strategi-strategi yang telah diambil untuk benar-benar membanteras penyeludupan dan penjualan rokok secara haram.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa industri minyak kelapa sawit mentah didapati meraih keuntungan yang lebih kerana harga jualan yang tinggi berikutan kejatuhan nilai ringgit. Oleh itu, industri ini perlulah memberi sumbangan yang berpatutan bagi membantu kerajaan mendapat hasil tambahan. Beliau juga mencadangkan supaya levi keuntungan

dikenakan ke atas minyak kelapa sawit mentah apabila harga melebihi RM2,000 setan, pada harga dalam lingkungan RM2,000 sehingga RM2,050 levi ditetapkan pada kadar persamaan nilai harga yang melebihi RM2,000. Walau bagaimanapun, apabila harga melebihi RM2,050 kadarnya adalah RM50 setan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1999 negara kita dijangka akan dapat menghasilkan satu juta tan minyak mentah sebulan. Ini bermakna kita akan menerima pendapatan tambahan sebanyak RM50 juta sebulan atau RM600 juta setahun. Saya mencadangkan supaya sebahagian daripada keuntungan yang diterima daripada kutipan tambahan ini digunakan semula untuk kemudahan dan pembangunan pekebun kelapa sawit. Ini memandangkan pada masa sekarang terdapat banyak pekebun kecil kelapa sawit yang wujud di celah-celah ladang kelapa sawit yang besar.

Kebanyakan daripada kebun kelapa sawit ini adalah jauh daripada jalan raya utama. Ini menjadikan perhubungan mereka kerana mereka terpaksa menggunakan jalan ladang yang lebih besar. Oleh kerana jalan tersebut merupakan jalan milik persendirian, pekebun kecil ini biasanya dikenakan membayar tol. Pembinaan tol ini bukan sahaja menyusahkan tetapi juga membebankan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya berharap agar jalan raya ini diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan bagi kemudahan semua pengguna. Ini bukan sahaja akan mengurangkan bebanan para pekebun kecil tetapi juga boleh membantu memajukan sektor perladangan kelapa sawit. Kemudahan-kemudahan perhubungan yang lebih baik dan teratur juga dapat disediakan kepada pekerja-pekerja serta penduduk di sekitar kawasan pertanian ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong. Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu.

**5.15 ptg.**

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan Belanjawan bagi tahun 1999.

Terlebih dahulu saya juga ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang juga Menteri Kewangan yang telah menyediakan satu budget bagi tahun 1999, di mana kita tahu kita berada di tengah-tengah kegawatan ekonomi. Dalam kegawatan ini semua pihak terlibat, sama ada yang kaya mahupun yang miskin, yang berada di kampung turut merasakan keadaan ini. Walaupun kita tahu keadaan ini belum berapa parah bagi kita tetapi di dalam kegawatan ekonomi di rantau ini kita tidak dapat lari turut terlibat dengan permainan mereka yang telah mengambil kesempatan di atas kelemahan-kelemahan yang ada di dalam sistem ekonomi dunia.

Namun, saya ingin mengutarakan beberapa perkara yang perlu diambil kira dalam kita menangani masalah kegawatan ekonomi ini. Daripada apa yang kita lihat misalnya, masalah terdapat di kerajaan-kerajaan tempatan yang mana kita lihat di situlah merupakan tempat pertumbuhan ekonomi bagi setiap negeri. Sebagai satu contoh, kita lihat dalam usaha mengembangkan ekonomi industri kecil dan sederhana mahupun yang besar sedang mengalami tekanan, namun dalam mengembangkan ekonomi ini usaha untuk membina kilang masih lagi diteruskan. Kita berterima kasih kerana kerajaan telah dapat menangani masalah kewangan ataupun sistem bank kita yang telah menurunkan kadar bunga dan juga tempoh masa pinjaman yang telah dilanjutkan semula kepada enam bulan (NPL) dan ini telah memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana terutamanya memainkan peranan dalam ekonomi ini kembali.

Namun kita lihat yang menjadi masalah bagi mereka ialah untuk mendapatkan tapak kilang, proses untuk mendapatkan tanah ini mengambil

masa terlalu lama dan ini menyebabkan pekilang-pekilang terpaksa membuka kilang sama ada secara haram ataupun secara sengaja terlibat di kawasan-kawasan perumahan. Dengan adanya kilang-kilang misalnya, di kawasan perumahan ini menimbulkan masalah kepada kawasan perumahan ataupun kampung-kampung yang berdekatan dan yang lebih merugikan lagi ialah di mana kerajaan tempatan akan kehilangan cukai di mana kita tidak dapat mengutip cukai daripada kilang ini kerana kilang ini beroperasi secara haram. Tidak lama dulu kita telah dikejutkan dan beberapa kebakaran dan akhirnya barulah kita tahu kilang haram ini telah wujud berpuluh-puluh tahun dan sepatutnya pada ketika itu kita telah menangani perkara ini dan sepatutnya tidak berulang lagi, namun ianya terus berjalan. Ini ialah kerana salah satu sebabnya ialah kerana sukarnya untuk mendapatkan tapak kilang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang agak menggemparkan kita ialah masalah cuaca dan hujan baru-baru ini, iaitu La Nina dan semua negeri telah diminta bersiap sedia untuk menangani masalah ini tetapi kita juga tahu ada setengah-setengah tempat bahawa sistem perparitan yang ada sudah tidak sesuai lagi. Ini ialah kerana kawasan perumahan yang begitu cepat membangun dan sistem perparitan kita oleh kerana ianya terbahagi kepada beberapa tanggungjawab, misalnya kerajaan tempatan dan juga Jabatan Parit dan Saliran, oleh itu nampaknya ada terputus setengah-setengah kawasan di mana pengaliran air tidak dapat berjalan dengan betul. Maka oleh itu, keadaan setengah-setengah tempat menjadikannya tidak begitu selesa di mana kadangkala bila hujan tidak berapa lama sahaja telah menyebabkan banjir. Apatah lagi di akhir-akhir ini kita sebut adanya bencana La Nina yang akan menimpa, terutama di sebelah utara telah pun mengalami maka kawasan-kawasan yang terlibat dengan banjir yang tidak bermusim ini menjadikan mereka lebih cemas lagi. Oleh itu dalam keadaan kesejahteraan hidup rakyat, saya rasa perlulah perkara-perkara seumpama ini diambil kira terutama dalam kita membuka kawasan-kawasan penempatan ataupun kawasan perumahan yang baru.

Saya juga ingin menyuarakan bagi pihak orang-orang kampung yang bersempadan dengan kawasan-kawasan bandar, oleh kerana kawasan perparitan ini tidak diselua dengan sempurna, maka air yang datang daripada kawasan-kawasan perumahan ini akhirnya dilepaskan di kampung-kampung tradisi dan orang-orang kampung yang sangat bergantung terhadap tanah mereka untuk pertanian, dengan adanya sistem pengaliran yang sudah pun terjejas ini menjadikan beban kepada mereka, terutamanya mereka ini adalah orang-orang yang berpendapatan rendah dan kalau sekiranya tanaman mereka telah rosak, ini telah menimbulkan masalah kepada mereka dan keluarga mereka.

Begitu juga saya berterima kasih kepada kementerian bahawa dalam usaha kita memberi keselesaan kepada rakyat sebagaimana yang telah kita maklum, bahawa bilangan rumah kos rendah dan sederhana akan diperbanyakkan. Saya rasa ini satu usaha yang sangat gigih dan baik yang perlu diteruskan. Sebenarnya kita lihat permintaan terhadap rumah-rumah kos rendah dan sederhana ini semakin hari semakin meningkat dan apatah lagi langkah-langkah kerajaan cuba meningkatkan taraf rumah-rumah rendah dan sederhana ini seperti rumah kos rendah kepada tiga bilik dan ini memberikan keselesaan dan kita juga mengakui bahawa rumah yang ada dua bilik telah juga menimbulkan masalah-masalah sosial di mana anak-anak remaja kita terpaksa balik lewat waktu malam kerana di rumah sendiri tidak ada bilik untuk tempat tidur. Jadi mereka ini terpaksa berpoya-poya dan lepak di sana sini dan akhirnya menimbulkan masalah sosial. Kita rasa dengan adanya perancangan yang baik dari segi kerajaan untuk menambah rumah-rumah kos rendah dan sederhana ini, khususnya di kawasan-kawasan bandar dan pekan-pekan kecil sedikit sebanyak akan membantu masalah sosial dan keselesaan kepada rakyat.

Satu lagi perkara yang ingin saya sentuh ialah masalah jalan-jalan kampung. Masalah rumah, masalah jalan dan masalah perparitan ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah masalah-masalah asas yang masih lagi kita lihat ada

jalan-jalan kampung yang masih belum dibaiki mahupun dinaikkan taraf. Jadi, saya rasa walaupun dalam keadaan ekonomi kita yang begini tertekan, kita berharaplah sangat-sangat supaya jalan-jalan kampung kita ini dapat diperbaiki dari masa ke semasa.

Kita juga menghadapi masalah yang besar iaitu masalah ladang-ladang di mana ramai juga orang-orang kita yang tinggal di ladang-ladang menghadapi masalah untuk mendapat jalan bertar di mana pihak ladang tidak membenarkan mereka ataupun jalan bertar ini dibina dalam ladang dan akhirnya orang-orang di ladang kita ini atau di estet ini terpaksa tinggal di dalam keadaan yang tidak selesa kerana keadaan jalan mereka dan bayangkan ada yang terpaksa melalui jalan tanah merah ini berpuluh batu jauhnya. Jadi, saya rasa langkah kita untuk mendekati pihak-pihak ladang membenarkan membina jalan-jalan bertar atau berturap, ini memberikan keselesaan kepada orang-orang kita di ladang.

Di samping itu juga ada setengah-setengah negeri yang telah meminta pihak ladang menyediakan perumahan, sedikit tanah untuk perumahan kepada pekerja-pekerja ladang. Nampaknya sambutan daripada pihak-pihak ladang dalam perkara ini adalah sangat dingin. Oleh itu kita lihat bahawa orang-orang ladang ini apabila telah cukup umur terpaksa pindah balik ke kampung ataupun meninggalkan ladang dan mereka meninggalkan ladang ini terpaksa membawa anak-anak mereka yang remaja dan sebagainya. Itu sebabnya kita lihat ada vakum, kekurangan tenaga pekerja di ladang-ladang kerana sikap pihak ladang sendiri kurang mengambil perhatian terhadap kebajikan orang-orang ladang ini sendiri.

Jadi, inilah di antara beberapa perkara, saya rasa perlu kita mengambil perhatian walaupun kita rasa perkara-perkara ini sepatutnya telah lama diambil perhatian namun ada beberapa kelemahan-kelemahan kita seperti yang saya sebutkan tadi, sistem perparitan kita yang dikendalikan beberapa jabatan terputusnya barangkali dari segi kerjasama atau persefahaman, begitu juga dengan masalah-masalah jalan-jalan kampung yang barangkali kalau kita lihat

sekarang kita telah lebih 40 tahun merdeka, baru-baru ini saya masuk sebuah kampung, ianya tidak jauh daripada bandar tetapi masih jalan tanah merah lagi dan separuhnya sudah pun berturap tetapi belum lagi dibaiki dan banyak berlubang-lubang.

Jadi kita rasa bagi orang kampung yang begitu sabar menanti pembangunan dan masih lagi menunggu, sudah sampai masanya kita memenuhi keperluan-keperluan asas mereka ini. Walaupun kita tahu dari segi elektrik dan kemudahan-kemudahan lain, dari segi pendidikan jauh lebih baik bagi orang kampung telah memperolehi daripada sistem yang telah kita sediakan tetapi sedikit sebanyak masih lagi terdapat kekurangan di sana sini.

Jadi, saya rasa setakat itu yang dapat saya sampaikan dan dengan ini sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi besok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*